

BIDANG PENGAJIAN

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI



“LALUAN & PROSPEK KERJAYA”



PANDUAN LENGKAP

Rujukan para pelajar, ibu bapa & guru untuk merancang laluan ke Institusi Pengajian Tinggi

BIDANG PENGAJIAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI “LALUAN & PROSPEK KERJAYA”



Edisi Pertama

Cetakan Pertama 2026

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

UNI ASSIST SDN. BHD. (1508641-P)

D-11-GA

Jalan Prima Saujana 2/F, Seksyen 2,
43000 Kajang, Selangor,
Malaysia

E-mel : official.uniassist@gmail.com

Web : <http://www.uniassist.my>

BIDANG PENGAJIAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI “LALUAN & PROSPEK KERJAYA”

KANDUNGAN

1.	Prakata	1
2.	Bahagian 1: Pemilihan Bidang Pengajian	2
	▪ Mengapa Pemahaman Tentang Bidang Pengajian Penting dalam Perancangan ke IPT?	3
	▪ Apakah Perkara Utama dalam Sesuatu Bidang Pengajian yang Perlu Pelajar Fahami?	4
	▪ Mengenali Personaliti Melalui Holland Code	5
	▪ Bagaimana Holland Code Membantu Pelajar Memilih Bidang Pengajian dan Kerjaya?	6
	▪ Bidang Pengajian & Laluan Kerjaya	7
	▪ Laluan Pengajian di IPT	8
	▪ Bidang Pengajian Kompetitif & Permintaan Semasa	9
	▪ Bidang Pekerjaan Dan Industri Berpotensi Berkembang Di Malaysia (2025-2030)	10
3.	Bahagian 2: Bidang Pengajian IPT dan Laluan Kerjaya	12
	Bidang Pengajian Mengikut Kluster	13
	▪ Sains Kesihatan	14
	▪ Kejuruteraan	23
	▪ Sains & Matematik	33
	▪ Sains Komputer & Teknologi Maklumat	43
	▪ Pendidikan, Rekabentuk & Seni	56
	▪ Bahasa, Sastera & Kemanusiaan	69
	▪ Perniagaan & Ekonomi	84
4.	Bahagian 3: Membuat Pilihan Yang Betul dan Tepat	98
	▪ Bagaimana Menentukan Minat dan Kecenderungan?	100
	▪ Faktor penting dalam Memilih Bidang Pengajian dan IPT Dengan Tepat	102
	▪ Mengenali Bidang Kekuatan Universiti	104
	▪ Penarafan (Ranking) Universiti Di Malaysia	106
5.	Portal Kemasukan Berpusat (Centralised Admission Portal)	107
6.	Penutup	110

PRAKATA

Buku “Bidang Pengajian Institusi Pengajian Tinggi: Laluan & Prospek Kerjaya” ini diterbitkan sebagai sumber rujukan komprehensif bagi membantu khususnya para pelajar yang bakal manamatkan alam persekolahan dan melangkah ke pengajian tinggi. Selain pelajar, buku ini juga diharapkan dapat menjadi panduan kepada ibu bapa, kaunselor, dan pendidik dalam membantu pelajar membuat perancangan awal dengan memahami lebih jelas pelbagai pilihan pengajian yang ditawarkan di institusi pendidikan tinggi di Malaysia.

Dalam era persaingan global dan perubahan pesat landskap pekerjaan, pemilihan program pengajian bukan lagi sekadar soal minat, tetapi memerlukan pemahaman menyeluruh terhadap laluan akademik, kemahiran yang perlu dibina, serta potensi kerjaya yang menanti selepas tamat pengajian. Justeru, buku ini disusun dengan memberi penekanan kepada maklumat yang ringkas, tepat, dan mudah difahami agar pembaca dapat membuat keputusan berasaskan pengetahuan dan perancangan masa depan yang lebih terarah.

Melalui huraian setiap bidang pengajian yang dikategorikan dalam tujuh (7) kluster merangkumi sains, kejuruteraan, kesihatan, pendidikan, seni, kemanusiaan, serta perniagaan, buku ini memberikan gambaran menyeluruh tentang objektif program, struktur pembelajaran, subjek penting, personaliti pelajar yang sesuai, serta peluang profesional di pelbagai industri. Ia diharapkan dapat menjadi panduan praktikal kepada generasi muda untuk mengenal pasti potensi diri, meneroka laluan akademik, dan membina kerjaya yang selari dengan aspirasi masing-masing. Semoga buku ini memberi manfaat kepada semua pembaca dan menjadi rujukan berguna dalam membantu membentuk masa depan pendidikan serta kerjaya yang lebih cemerlang.

Selamat membaca dan selamat maju jaya dalam meneroka pilihan bidang pengajian di IPT!

Editorial
Uni Assist
www.uniassist.my

BAHAGIAN 1:

PEMILIHAN BIDANG PENGAJIAN

- **Mengapa Pemahaman Tentang Bidang Pengajian Penting dalam Perancangan ke IPT?**
- **Apakah Perkara Utama dalam Sesuatu Bidang Pengajian yang Perlu Pelajar Fahami?**
- **Mengenal Personaliti Melalui Holland Code**
- **Bagaimana Holland Code Membantu Pelajar Memilih Bidang Pengajian dan Kerjaya?**
- **Bidang Pengajian & Laluan Kerjaya**
- **Laluan Pengajian di IPT**
- **Bidang Pengajian Kompetitif & Permintaan Semasa**
- **Bidang Pekerjaan Dan Industri Berpotensi Berkembang Di Malaysia (2025-2030)**



Mengapa Pemahaman Tentang Bidang Pengajian Penting dalam Perancangan ke IPT?



Membantu Pelajar Membuat Pilihan Program yang Tepat

Pemahaman terhadap bidang pengajian membolehkan pelajar memilih program yang benar-benar sepadan dengan minat, kekuatan akademik dan aspirasi kerjaya mereka. Dengan mengetahui struktur kursus, tahap kesukaran, dan kompetensi yang diperlukan, pelajar dapat membuat keputusan yang lebih yakin dan mengurangkan risiko tersalah memilih program yang tidak sesuai. Pemilihan awal yang tepat juga meningkatkan motivasi semasa pengajian dan menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih baik.



Membantu dalam Memilih Laluan Pendidikan yang Terbaik

Setiap bidang pengajian mempunyai laluan pendidikan tersendiri, termasuk syarat kelayakan, pilihan program lanjutan, serta peluang untuk menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi. Dengan memahami bidang lebih awal, pelajar dapat merancang haluan mereka sama ada melalui laluan akademik, teknikal atau profesional. Misalnya, pelajar yang berminat dalam bidang kejuruteraan perlu memastikan mereka menguasai asas Sains dan Matematik sejak sekolah menengah bagi memenuhi syarat kelayakan. Perancangan yang jelas membantu pelajar bergerak secara teratur dan tersusun menuju matlamat pendidikan mereka.



Menilai Personaliti dan Kecenderungan yang Sesuai Mengikut Bidang

Setiap bidang menuntut kecenderungan dan personaliti tertentu, contohnya sifat teliti dalam Perakaunan, kreativiti dalam Reka Bentuk, atau kemahiran analitik dalam Sains Data. Pemahaman terhadap bidang membolehkan pelajar menilai sejauh mana keperibadian, gaya pembelajaran dan kecenderungan minat mereka selaras dengan tuntutan bidang tersebut. Penilaian ini penting kerana keserasian antara personaliti dan bidang pengajian dapat meningkatkan kepuasan belajar serta memudahkan pelajar menyesuaikan diri dengan cabaran akademik yang bakal dihadapi.



Memastikan Peluang Kerjaya yang Tepat Mengikut Bidang

Maklumat menyeluruh mengenai sesuatu bidang membantu pelajar memahami skop kerjaya, perkembangan industri, dan tahap permintaan tenaga kerja dalam bidang tersebut. Dengan itu, pelajar dapat memilih program yang mempunyai prospek kerjaya lebih kukuh dan sepadan dengan cita-cita mereka. Sebagai contoh, bidang Keselamatan Siber dan Sains Data kini mempunyai permintaan tinggi, manakala bidang pembangunan kreatif memberi peluang kerjaya luas dalam sektor media dan industri digital. Pengetahuan ini membantu pelajar membuat keputusan yang strategik dan berorientasikan masa depan.

Apakah Perkara Utama dalam Sesuatu Bidang Pengajian yang Perlu Pelajar Fahami?

Apakah yang Akan Anda Pelajari?

Pelajar perlu memahami kandungan utama bidang tersebut, termasuk subjek teras, kemahiran yang akan dibangunkan, dan bentuk pembelajaran yang terlibat. Pengetahuan ini membantu mereka membayangkan apa yang bakal dipelajari sepanjang pengajian.

Contoh:

- Bidang Kejuruteraan melibatkan pembelajaran Matematik lanjutan, fizik, analisis sistem dan latihan makmal.
- Bidang Perakaunan pula menekankan rekod kewangan, audit, cukai dan penggunaan perisian kewangan.

Memahami kandungan awal membantu pelajar mengenal pasti sama ada pelajar benar-benar berminat dan bersedia untuk mengikuti bidang tersebut.

Laluan Kerjaya untuk Sesuatu Bidang Pengajian

Setiap bidang pengajian menawarkan peluang kerjaya yang berbeza-beza. Pelajar perlu mengetahui jenis pekerjaan, sektor industri, serta keperluan pasaran kerja bagi graduan dalam bidang tersebut.

Pengetahuan ini membolehkan pelajar merancang masa depan secara strategik dengan memilih bidang yang mempunyai peluang kestabilan dan pertumbuhan.

Contoh:

- Sains Komputer: Pembangun perisian, penganalisis sistem, pakar keselamatan siber.
- Bioteknologi: Penyelidik makmal, pegawai kualiti industri makanan, pegawai R&D.

Dengan mengetahui laluan kerjaya, pelajar dapat melihat gambaran jangka panjang sebelum membuat keputusan.

Apakah Personaliti Pelajar Sesuai untuk Bidang Pilihan?

Setiap bidang mempunyai ciri personaliti dan kecenderungan tertentu yang membantu pelajar menyesuaikan diri dengan keperluan akademik dan profesional bidang tersebut.

Memahami keserasian antara personaliti dan bidang pengajian membantu pelajar mengelakkan tekanan, meningkatkan motivasi, serta memastikan mereka berkembang dengan baik dalam pembelajaran.

Contoh:

- Perakaunan: Teliti, sabar, sistematik, dan sukakan kerja berbentuk angka.
- Reka Bentuk Grafik: Kreatif, berfikir visual, suka mencuba idea baharu.
- Kejuruteraan: Analitik, suka menyelesaikan masalah, logikal.

Kesesuaian personaliti merupakan faktor penting bagi memastikan kejayaan dalam jangka panjang.

Apakah Pilihan Laluan Akademik untuk Bidang Ini

Setiap bidang biasanya mempunyai beberapa laluan akademik, termasuk diploma, ijazah sarjana muda, pensijilan profesional, atau laluan teknikal seperti TVET. Pelajar juga perlu memahami syarat kemasukan, laluan ke peringkat lebih tinggi, serta pilihan pensijilan tambahan yang boleh meningkatkan kebolehpasaran.

Contoh:

- Sains Kesihatan: Laluan Diploma → Ijazah Sarjana Muda → Pendaftaran profesional (contoh: juru perubatan, ahli farmasi).
- Teknologi Maklumat: Laluan SPM → Diploma/Asasi → Ijazah → Pensijilan industri (Cisco, CompTIA, AWS).
- Perniagaan: Diploma/A-Level/Asasi → Ijazah → MBA atau kelayakan profesional (CIMA, ACCA).

Memahami kandungan awal membantu pelajar mengenal pasti sama ada pelajar benar-benar berminat dan bersedia untuk mengikuti bidang tersebut.

Mengenali Personaliti Melalui Holland Code

Apa itu Holland Code?

Holland Code atau RIASEC ialah satu model yang digunakan untuk membantu pelajar memahami jenis personaliti dan minat kerjaya. Model ini diperkenalkan oleh ahli psikologi John Holland yang percaya bahawa seseorang akan mencapai kepuasan dan lebih berjaya apabila memilih bidang pengajian atau kerjaya yang selaras dengan personaliti mereka.

Secara ringkas, RIASEC membahagikan personaliti kepada enam kategori utama. Setiap pelajar biasanya mempunyai kombinasi 2–3 kategori yang paling dominan. Gabungan inilah yang dapat membantu pelajar memilih program pengajian dan kerjaya yang sesuai.



Penerangan Tentang Kod RIASEC



Realistic (Praktikal / Suka Kerja yang “hands-on”)

Pelajar yang tergolong dalam kategori ini lebih suka aktiviti yang melibatkan peralatan, mesin atau kerja fizikal.

Ciri-ciri: Praktikal, suka pekerjaan yang menggunakan tangan, stabil, tidak suka kerja yang terlalu teori.

Contoh Kerjaya: Mekanik, Juruteknik, Jurutera, Ahli pertanian dan Pekerja Teknikal.



Investigative (Analitis / Suka Mengkaji)

Kategori ini sesuai untuk pelajar yang gemar berfikir secara mendalam, menyelidik dan mencari jawapan kepada sesuatu persoalan.

Ciri-ciri: Perasaan Ingin tahu, logik, analitikal dan suka menyelesaikan masalah.

Contoh Kerjaya: Saintis, Ahli Kimia, Penyelidik, Penganalisis data dan Pengajar Sains.



Artistic (Kreatif / Ekspresif)

Pelajar Artistic suka berimajinasi dan menghasilkan sesuatu yang kreatif, tanpa terlalu terikat dengan peraturan yang ketat.

Ciri-ciri: Kreatif, ekspresif, fleksibel, suka idea baharu.

Contoh Kerjaya: Pereka Grafik, Pelukis, Pereka Fesyen, Penulis dan Pereka produk.



Social (Suka Membantu / Mesra)

Kategori ini sesuai untuk pelajar yang suka berinteraksi dan membantu orang lain.

Ciri-ciri: Penyabar, memahami orang lain, suka kerja berkumpulan.

Contoh Kerjaya: Guru, Jururawat, Kaunselor, Pekerja sosial dan Jurulatih.



Enterprising (Kepimpinan / Keyakinan Tinggi)

Pelajar dalam kategori ini suka memimpin, mempengaruhi orang lain dan membuat keputusan.

Ciri-ciri: Yakin diri, suka mencuba, berani ambil risiko, fasih berkomunikasi.

Contoh Kerjaya: Usahawan, Pengurus, Pegawai Pemasaran, Eksekutif Korporat.



Conventional (Teratur / Sistematis)

Sesuai untuk pelajar yang sukakan tugas yang tersusun, berasaskan data dan bekerja mengikut langkah tertentu.

Ciri-ciri: Teliti, teratur, sukakan kerja pejabat atau pentadbiran.

Contoh Kerjaya: Akauntan, Pegawai Pentadbir, Pengurus Data.

Bagaimana Holland Code Membantu Pelajar Memilih Bidang Pengajian dan Kerjaya?

Memudahkan Pelajar Memilih Bidang Yang Serasi

Dengan mengenal pasti kod RIASEC, pelajar dapat melihat bidang pengajian yang paling sesuai dengan minat dan cara bekerja mereka. Contohnya pelajar kategori A lebih sesuai dalam bidang reka bentuk atau seni manakala pelajar kategori I lebih sesuai ke arah sains, teknologi atau penyelidikan.

Membantu Pelajar Faham Gaya Pembelajaran Mereka

Setiap kategori mempunyai cara belajar yang berbeza. Sebagai contoh, pelajar R lebih sukakan aktiviti praktikal manakala pelajar S lebih serasi dengan pembelajaran secara berkumpulan. Ini akan dapat membantu pelajar memilih program yang sesuai dengan gaya belajar masing-masing.

Mengurangkan Risiko Salah Pilih Program di IPT

Terdapat sebahagian pelajar yang kecewa kerana pilihan bidang di IPT dibuat tanpa memahami minat dan kekuatan sebenar mereka. Dengan RIASEC, pelajar boleh mengenal pasti bidang yang benar-benar sesuai dan mengelakkan daripada menukar program di kemudian hari yang juga akan mengakibatkan kerugian masa dan juga kewangan.

Membantu Merancang Laluan Kerjaya Sejak Awal

Melalui Holland Code, pelajar dapat melihat hubungan antara bidang pengajian di IPT dengan kerjaya yang mereka minati atau sesuai diceburi. Ini memudahkan pelajar merancang hala tuju bermula di peringkat sekolah lagi.

Menyesuaikan Bidang dengan Kekuatan Diri

Setiap pelajar mempunyai kelebihan tersendiri. Dengan RIASEC, pelajar dapat memilih bidang pengajian berdasarkan kekuatan atau bakat semula jadi dan bukan sekadar mengikut rakan atau trend semasa.

Secara keseluruhannya, Holland Code merupakan panduan yang sangat berguna bagi pelajar yang sedang merancang masa depan akademik dan kerjaya. Dengan memahami kategori personaliti RIASEC, pelajar dapat mengenal pasti bidang pengajian yang paling serasi dengan minat, kekuatan dan cara mereka bekerja.

Pendekatan ini bukan sahaja membantu pelajar membuat keputusan lebih yakin, tetapi juga mengurangkan risiko tersalah memilih program di IPT. Yang paling penting, padanan yang tepat antara personaliti dan kerjaya membolehkan pelajar membina perjalanan pendidikan yang lebih terarah, seterusnya memberi peluang lebih besar untuk mencapai kepuasan, prestasi yang baik dan kejayaan jangka panjang dalam kerjaya pilihan mereka. Jika pelajar memahami diri terlebih dahulu, langkah memilih bidang pengajian menjadi lebih mudah, tepat dan bermakna.

Scan di sini untuk
ujian mengenal pasti
Kod Personaliti anda!



BIDANG PENGAJIAN & LALUAN KERJAYA

Berikut adalah beberapa contoh kerjaya dan kelayakan yang diperlukan:

Doktor atau Pakar Perubatan

Memerlukan ijazah perubatan (MBBS) serta latihan profesional lanjutan.



Jurutera

Bidang kejuruteraan memerlukan ijazah dalam bidang khusus seperti kejuruteraan mekanikal, elektrik, atau awam.

Pakar IT atau Sains Data

Peluang kerjaya dalam bidang ini semakin berkembang, dan ijazah dalam teknologi maklumat, sains komputer, atau sains data diperlukan. Kemahiran tambahan dalam pengaturcaraan atau analisis data juga memberi kelebihan dalam industri ini.



Pereka Grafik/ Animator

Diploma atau ijazah dalam bidang seni, rekaan grafik, atau animasi diperlukan. Bakat kreatif dan kemahiran teknikal dalam perisian rekaan juga adalah amat diutamakan.



Pendidik atau Pensyarah

Perlu kelayakan dalam pendidikan (diploma atau ijazah) dan untuk peringkat universiti, memerlukan ijazah sarjana atau doktor falsafah.



Pengurus Perniagaan atau Kewangan

Kebanyakan jawatan dalam bidang ini memerlukan sekurang-kurangnya ijazah dalam perniagaan, kewangan, atau perakaunan. Kelayakan profesional seperti ACCA atau CPA menambah nilai kepada kerjaya.

Laluan Pengajian di IPT

Laluan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia menawarkan pelbagai pilihan bagi pelajar lepasan SPM, STPM, Asasi, Matrikulasi, dan Diploma. Setiap laluan mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri, dan pemilihan laluan yang tepat adalah penting untuk memastikan kejayaan dalam pengajian dan kerjaya masa depan.

“Matlamat utamanya adalah untuk menamatkan pengajian sekurang-kurangnya di peringkat Sarjana Muda.”

Laluan bagi Lulusan SPM/ IGCSE ke Sarjana Muda

Laluan Program Persediaan (Asasi/ Matrikulasi)

Lulusan SPM boleh memilih untuk melanjutkan pengajian dalam program persediaan seperti asasi atau matrikulasi sebelum meneruskan ke peringkat ijazah sarjana muda. Program-program ini ditawarkan oleh universiti awam dan swasta serta politeknik dan kolej matrikulasi. Pemilihan program yang sesuai bergantung kepada minat, kemampuan akademik, dan matlamat kerjaya pelajar.

Laluan STPM/ STAM/ A Level

Lulusan STPM/ STAM dan setaraf seperti A-Level boleh melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti awam atau swasta. Program-program ini menawarkan pelbagai bidang pengajian yang dapat memenuhi minat dan aspirasi pelajar.

Laluan Diploma

Pelajar juga boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda melalui laluan diploma ke ijazah. Program-program ini ditawarkan oleh universiti awam dan swasta, serta politeknik. Pemilihan program yang sesuai adalah penting untuk memastikan kesinambungan dalam bidang pengajian dan kerjaya masa depan. Kelayakan Diploma juga membolehkan pelajar memasuki alam pekerjaan lebih awal.

Laluan Kemahiran/ TVET

Program TVET biasanya ditawarkan pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM). Laluan ini sesuai bagi pelajar yang cenderung kepada pembelajaran berasaskan amali dan kemahiran teknikal. Pelajar yang menamatkan pengajian di peringkat DKM atau DLKM juga berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di IPT terpilih khususnya Politeknik dan universiti teknikal seperti UMPA, UTeM, UTHM dan UNIMAP.

Keputusan Pemilihan Laluan yang Tepat!

Pemilihan laluan pengajian yang tepat membantu pelajar mencapai matlamat pendidikan dan kerjaya mereka. Dengan memahami kelebihan dan kekurangan setiap laluan, pelajar dapat membuat keputusan yang bijak dalam memilih laluan yang sesuai dengan minat, kemampuan, dan matlamat masa depan mereka.



BIDANG PENGAJIAN KOMPETITIF & PERMINTAAN SEMASA

Pemilihan bidang pengajian adalah langkah penting dalam menentukan hala tuju kerjaya seseorang. Bidang pengajian yang kompetitif dan popular adalah disebabkan ianya mempunyai permintaan tinggi di pasaran kerja serta memberi peluang yang lebih cerah untuk mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian.



Bidang Pengajian Kompetitif

Antara bidang pengajian yang popular di Malaysia:

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

Bidang ini merangkumi program seperti Sains Komputer, Kejuruteraan Perisian, dan Teknologi Maklumat. Permintaan terhadap profesional dalam bidang ini terus meningkat seiring dengan perkembangan teknologi.

Perubatan dan Sains Kesihatan

Program-program seperti Perubatan, Pergigian, Farmasi, dan Kejururawatan sentiasa mendapat permintaan tinggi kerana keperluan terhadap tenaga kerja dalam sektor kesihatan yang semakin meningkat.

Perniagaan dan Ekonomi

Bidang ini merangkumi program seperti Pentadbiran Perniagaan, Perakaunan, dan Ekonomi. Graduan dalam bidang ini mempunyai peluang kerjaya yang luas dalam pelbagai sektor industri.

Kejuruteraan dan Teknologi

Program-program seperti Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, dan Kejuruteraan Awam sentiasa mendapat permintaan tinggi kerana keperluan terhadap infrastruktur dan pembangunan negara.

Permintaan Semasa di Pasaran Kerja

Menurut laporan dari JobStreet, terdapat peningkatan permintaan terhadap profesional dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Perubatan dan Sains Kesihatan, serta Kejuruteraan dan Teknologi. Permintaan ini dijangka terus meningkat dalam tempoh lima tahun akan datang seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan terhadap infrastruktur dan sektor kesihatan yang semakin meningkat.

BIDANG PEKERJAAN DAN INDUSTRI BERPOTENSI BERKEMBANG DI MALAYSIA (2026-2030)

Mengetahui prospek kerjaya dan industri yang akan berkembang penting supaya pelajar dapat membuat pilihan kerjaya yang tepat dan sesuai dengan masa depan. Dengan mengetahui industri yang berkembang, pelajar boleh belajar kemahiran yang diperlukan, seperti teknologi digital, robotik, tenaga hijau atau bidang kesihatan, supaya peluang pekerjaan lebih tinggi dan stabil.

Selain itu, memahami prospek kerjaya membantu pelajar merancang laluan pendidikan dan latihan kemahiran dengan betul serta mengelak daripada memilih pekerjaan dalam industri yang kurang berkembang. Ini juga membolehkan pelajar membuat keputusan berdasarkan fakta dan trend sebenar supaya bidang yang diceburi mempunyai peluang perkembangan kerjaya serta relevan dengan perkembangan teknologi dan stabil untuk jangka masa panjang.

Berikut adalah senarai industri serta pekerjaan yang dijangka berkembang untuk tempoh 5 tahun akan datang

Industri	Pekerjaan (Diploma)	Pekerjaan (Ijazah Sarjana Muda)
Teknologi Maklumat & Digital	Juruteknik Rangkaian	Pembangun Perisian
	Pembantu Pereka UI/UX	Pereka UI/UX
Keselamatan Siber	Juruteknik Keselamatan IT	Penganalisis Keselamatan Siber
	Pembantu Forensik Digital	Eksekutif Forensik Siber
Automasi & Robotik	Juruteknik Robotik	Jurutera Automasi
	Juruteknik Mekatronik	Jurutera Mekatronik
Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Juruteknik E&E	Jurutera Elektrik
	Juruteknik Instrumen & Kawalan	Jurutera Elektronik
Tenaga Hijau & Peralihan Tenaga	Juruteknik Solar PV	Jurutera Tenaga Boleh Baharu
	Juruteknik Turbin Angin	Penganalisis Tenaga
Kesihatan & Sains Perubatan	Penolong Pegawai Perubatan	Doktor Perubatan
	Jururawat Terlatih	Doktor Pakar
	Pembantu Farmasi	Ahli Farmasi
	Pembantu Makmal Perubatan	Pegawai Sains Makmal Perubatan
	Pembantu Radiografi	Radiographer

Industri	Pekerjaan (Diploma)	Pekerjaan (Ijazah Sarjana Muda)
Kesihatan & Sains Perubatan (Termasuk Doktor)	Penolong Pegawai Perubatan	Doktor Perubatan
	Jururawat Terlatih	Doktor Pakar
	Pembantu Farmasi	Ahli Farmasi
	Pembantu Makmal Perubatan Pembantu Radiografi	Pegawai Sains Makmal Perubatan Radiographer
Logistik & Rantaian Bekalan	Pegawai Logistik	Penganalisis Rantaian Bekalan
	Penyelia Gudang	Eksekutif Pengangkutan
AI, Data & Digital Analytics	Pembantu Penganalisis Data	Penganalisis Data
	Pembantu Jurutera AI	Jurutera AI
Industri Halal	Pembantu Pegawai Halal	Pegawai Jaminan Halal
	Juruteknik Proses Makanan	Teknologis Makanan
Pembinaan & Infrastruktur	Juruteknik Pembinaan	Penolong Arkitek
	Juruteknik Ukur Bahan	Eksekutif Pengurusan Projek
Pelancongan & Hospitaliti	Penyelia Hotel	Pengurus Hotel
	Pegawai Khidmat Pelanggan Pelancongan	Pegawai Pemasaran Pelancongan
Kreatif, Media & Kandungan Digital	Pereka Grafik (Junior)	Pereka Grafik Profesional
	Juruvideo / Pembantu Editor	Pengurus Media Digital
Pertanian Pintar & Agroteknologi	Penolong Pegawai Pertanian	Pegawai Pertanian
	Juruteknik Automasi Ladang	Pegawai Agroteknologi
Kewangan & Fintech	Pembantu Akauntan	Pegawai Kewangan
	Pembantu Analisis Risiko	Penganalisis Risiko Kewangan
Pendidikan & TVET	Tenaga Pengajar TVET	Pensyarah TVET
	Pembantu Pengajar Teknikal	Pegawai Latihan Industri

SUMBER:
Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13)
TalentCorp Malaysia
Institute for Labour Market Information and Analysis (ILMIA),
Malaysian Investment Development Authority (MIDA)
Kementerian Digital Malaysia
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

BAHAGIAN 2:

BIDANG PENGAJIAN IPT & LALUAN KERJAYA



BIDANG PENGAJIAN MENGIKUT KLUSTER

SAINS KESIHATAN

- Perubatan
- Pergigian
- Farmasi
- Sains Bioperubatan
- Kejururawatan
- Sains Bioperubatan
- Sains Forensik
- Fisioterapi
- Perubatan Veterinar
- Sains Forensik

KEJURUTERAAN

- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Kimia
- Kejuruteraan Bioperubatan
- Kejuruteraan Mekatronik
- Kejuruteraan Bahan
- Kejuruteraan Aeroangkasa
- Kejuruteraan Komputer

SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Sains Komputer
- Teknologi Maklumat
- Kejuruteraan Perisian
- Sains Data
- Keselamatan Siber
- Kecerdasan Buatan
- Sains Komputer
- Teknologi Maklumat (Pembangunan Web & Aplikasi)
- Sains Komputer (Multimedia)

SAINS & MATEMATIK

- Fizik
- Kimia
- Biologi
- Matematik
- Sains Aktuari
- Statistik
- Genetik
- Mikrobiologi
- Sains Makanan
- Sains Persekitaran
- Sains Pertanian
- Sains & Pengurusan Haiwan

PENDIDIKAN, REKABENTUK & SENI

- Pendidikan
- Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Islam
- Pendidikan Khas
- Seni Bina
- Reka Bentuk Perindustrian
- Reka Bentuk Dalaman
- Reka Bentuk Grafik / Komunikasi Visual
- Seni Halus
- Pengurusan Industri Kreatif
- Reka Bentuk Fesyen

BAHASA, SASTERA & KEMANUSIAAN

- Bahasa
- Linguistik
- Kesusasteraan
- Psikologi
- Antropologi & Sosiologi
- Sejarah
- Geografi
- Pengajian Islam
- Hubungan Antarabangsa
- Sains Politik
- Undang-Undang
- Perhubungan Awam
- Kewartawanan
- Pengajian Media

PERNIAGAAN & EKONOMI

- Pengurusan Perniagaan
- Perakaunan
- Kewangan
- Ekonomi
- Perniagaan Antarabangsa
- Pentadbiran Awam
- Keusahawanan
- Pemasaran
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pengurusan Sukan
- Pengurusan Acara
- Pengurusan Hartanah
- Pelancongan & Hospitaliti

SAINS KESIHATAN

- Perubatan
- Pergigian
- Farmasi
- Sains Bioperubatan
- Kejururawatan
- Sains Pemakanan
- Sains Pemakanan
- Sains Bioperubatan
- Sains Forensik
- Fisioterapi
- Perubatan Veterinar
- Sains Forensik



PERUBATAN (MBBS) MEDICINE

Ringkasan Pengajian:

MBBS ialah ijazah perubatan profesional yang menyediakan pelajar untuk kerjaya sebagai doktor perubatan dan profesional dalam penjagaan kesihatan. Program ini merangkumi pengajian berkaitan anatomi manusia, fisiologi, patologi, farmakologi, dan kemahiran klinikal. Pelajar akan menjalani pembelajaran teori, kerja makmal dan latihan di hospital atau institusi kesihatan untuk mendiagnosis dan merawat penyakit.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi Manusia: Memahami struktur dan fungsi tubuh manusia.
- Patologi & Mikrobiologi: Kajian tentang penyakit, jangkitan dan cara ia mempengaruhi badan.
- Farmakologi: Mempelajari tentang ubat, kesannya dan aplikasi perubatan.
- Perubatan Klinikal: Diagnosis dan rawatan penyakit merentasi pelbagai bidang perubatan.
- Pembedahan & Perubatan Kecemasan: Latihan dalam prosedur pembedahan dan tindak balas kecemasan.
- Pediatrik & Obstetrik-Ginecology: Pengkhususan dalam kesihatan kanak-kanak dan penjagaan ibu.
- Etika & Profesionalisme Perubatan: Memahami tanggungjawab undang-undang dan etika kedokteran.
- *Housemanship*: Latihan secara langsung di hospital dalam pelbagai bidang perubatan yang berbeza.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

5 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh meneruskan kerjaya dalam pelbagai bidang khususnya perubatan dan kesihatan termasuklah Pengamal Perubatan Am (GP), Doktor Pakar, Pakar Bedah, Penyelidik Perubatan, Pegawai Kesihatan Awam, Pensyarah Perubatan atau sebagai Pentadbir Institusi Perubatan yang menguruskan kemudahan penjagaan kesihatan dan operasi hospital.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Analitik & cepat membuat keputusan • Empati & prihatin • Cemerlang dalam Biologi, Kimia, Matematik Tambahan • Sabar, tekun dan berdisiplin • Minat sains dan membuat kajian

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat PNGK \geq 3.50 Fizik/Math (B), Kimia/Bio (B+)
STPM
PNGK \geq 3.50, Pengajian Am (C) + Biologi, Kimia, Fizik/Math (3B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
BBB/ ABC/ AAC Biology, Chemistry, Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan (Sains Kesihatan) PNGK \geq 3.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
98%



PERGIGIAN DENTISTRY

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Pergigian menyediakan pelajar untuk kerjaya dalam penjagaan kesihatan mulut dan pembedahan pergigian. Program ini memberi tumpuan kepada aspek pencegahan, diagnostik dan terapeutik pergigian bagi membolehkan graduan mendiagnosis dan merawat pelbagai keadaan kesihatan pergigian dan mulut.

Sepanjang program ini, pelajar memperoleh pengetahuan mendalam tentang anatomi, fisiologi, patologi, farmakologi, dan pergigian klinikal. Pelajar akan menjalani latihan praktikal di klinik pergigian yang merupakan bahagian penting dalam kurikulum bagi meningkatkan kemahiran secara praktikal di bawah pengawasan doktor gigi yang berpengalaman.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi Oral: Memahami struktur dan fungsi gigi dan tisu mulut.
- Bahan Pergigian & Prostodontik: Mempelajari bahan yang digunakan dalam pemulihan pergigian dan peranti prostetik.
- Patologi Mulut & Mikrobiologi: Mempelajari tentang penyakit yang menjejaskan rongga mulut dan puncanya.
- Periodontik & Endodontik: Merawat penyakit gusi dan melakukan terapi saluran akar.
- Ortodontik: Membetulkan struktur gigi dan rahang yang tidak sejajar.
- Pembedahan Mulut & Maksilofasial – Melakukan prosedur pembedahan pada muka, mulut dan rahang.
- Pergigian Pediatrik – Pengkhususan dalam penjagaan pergigian untuk kanak-kanak.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

5 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh bekerja sebagai doktor gigi di klinik kerajaan atau swasta, pakar ortodontik, pakar pembedahan mulut, pensyarah pergigian, atau penyelidik dalam bidang kesihatan gigi.

Sarjana Muda dalam Pergigian membuka pelbagai peluang kerjaya dalam sektor penjagaan kesihatan awam dan swasta. Graduan boleh bekerja sebagai doktor pergigian am serta mengembangkan kepakaran dalam pelbagai cabang pergigian.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti & sabar • Kemahiran motor halus (Fine Motor Skill) yang tinggi • Minat mendalam dalam biologi dan sains kesihatan • Komunikasi yang baik • Empati dan penyayang

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat PNGK \geq 3.50 Kimia, Bio, Fizik/Math (3B)
STPM
PNGK \geq 3.50, Pengajian Am (C) + Biologi, Kimia, Fizik/Math (3B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
BBB/ ABC/ AAC Biology, Chemistry, Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan (Sains Kesihatan) PNGK \geq 3.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
98%



FARMASI PHARMACY

Ringkasan Pengajian:

Menyediakan pelajar dengan pemahaman yang menyeluruh tentang prinsip dan amalan yang melibatkan sains farmaseutikal dan amalan farmasi. Kurikulum biasanya merangkumi kursus dalam kimia farmaseutikal, farmakologi, farmaseutik, farmakognosi, analisis farmaseutikal, kimia perubatan, amalan farmasi dan kejuruteraan farmaseutikal.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Kimia Farmaseutikal – Kajian komposisi ubat, sintesis dan sifat kimia.
- Farmakologi – Memahami kesan ubat, mekanisme dan interaksi dalam tubuh manusia.
- Farmaseutik – Kajian formulasi, pembuatan, dan sistem penghantaran ubat.
- Farmasi Klinikal – Aplikasi pengetahuan farmasi dalam penjagaan pesakit dan pengurusan penyakit.
- Farmakognosi – Penerokaan sebatian perubatan yang diperoleh daripada sumber semula jadi.
- Amalan Farmasi – Latihan dalam mendispens ubat, kaunseling pesakit dan etika.
- Toksikologi – Kajian tentang ketoksikan dadah, kawalan racun dan peraturan keselamatan.
- Kimia Perubatan – Pemahaman tentang mekanisme molekul penyakit, reka bentuk ubat, sintesis dan analisis ubat dan pembangunan ubat baharu.

Tempoh pengajian Sarjana Muda
4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh bekerja sebagai ahli farmasi, pengurus farmaseutikal, pegawai penyelidikan dan pembangunan ubat, pakar farmakologi dalam industri farmaseutikal, farmasi komuniti, farmasi hospital dan banyak lagi.

Holland Code	Personaliti
Investigative Enterprising Social	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti dan berhati-hati • Minat dalam sains (kimia & biologi) • Kemahiran komunikasi yang jelas • Berdisiplin dan bertanggungjawab • Suka menganalisis maklumat dan membuat keputusan berdasarkan bukti

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal: PNGK \geq 3.50
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (C) + Kimia (B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
ABB Biology, Chemistry, Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan (Sains Kesihatan/ Farmasi) PNGK \geq 3.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
98%



KEJURURAWATAN NURSING

Ringkasan Pengajian:

Program ini menggabungkan kerja kursus teori dengan pengalaman klinikal secara praktikal, menyediakan pendidikan komprehensif dalam penjagaan pesakit, promosi kesihatan, dan pengurusan penjagaan kesihatan.

Program Sarjana Muda Kejururawatan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyediakan penjagaan kejururawatan berkualiti tinggi dalam pelbagai konteks penjagaan kesihatan. Kurikulum merangkumi pelbagai topik, termasuk sains biologi dan sosial, teori dan amalan kejururawatan serta etika dan polisi penjagaan kesihatan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi dan Fisiologi Manusia: Kajian terperinci tentang struktur dan fungsi tubuh manusia.
- Mikrobiologi: Memahami mikroorganisma dan kesannya terhadap kesihatan manusia.
- Biokimia: Kajian tentang proses kimia dalam dan berkaitan dengan organisma hidup.
- Patofisiologi: Pemeriksaan proses fisiologi yang berkaitan dengan penyakit dan kecederaan.
- Farmakologi: Kajian ubat dan kesannya terhadap tubuh manusia.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan dengan Sarjana Muda Kejururawatan boleh bekerja dalam pelbagai peranan penjagaan kesihatan termasuklah Perubatan Am, Pembedahan, Pediatrik, Kecemasan & Trauma, Psikiatri / Kesihatan Mental, Patologi & Makmal Perubatan serta Rehabilitasi / Fisioterapi.

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI

Sains Hayat /Fizikal PNGK ≥ 2.50 ,
Math/ Math T, Sains/ Sains
T/Fizik/Kimia/ Bio (2C)

STPM

PNGK ≥ 2.50 , Pengajian Am (C) +
Sains/Biologi/Kimia/Fizik/ Maths/
BI (3C)

STAM

Tiada Laluan

A LEVEL

CC Biology/Chemistry/Physics/
Math + Any subject (C)

DIPLOMA

Diploma Berkaitan (Sains
Kesihatan/ Kejururawatan) PNGK
 ≥ 2.75

DVM/ DKM

Tiada Laluan

MERIT UPU

88%

Holland Code	Personaliti
Social Investigative Artistic	<ul style="list-style-type: none"> • Empati dan penyayang • Tahan tekanan dan cekap mengawal emosi • Berdisiplin dan teliti • Komunikasi yang baik • Minat dalam sains kesihatan



SAINS BIOPERUBATAN

BIOMEDICAL SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Program Sains Bioperubatan memfokuskan kepada kajian asas sains hayat dan bioperubatan yang menyokong bidang perubatan dan kesihatan. Pengajian memberi fokus kepada pemahaman biologi manusia, penyakit, dan penyelidikan perubatan. Ia menyepadukan pemahaman dan kemahiran dalam biologi, kimia dan sains kesihatan untuk meneroka mekanisme penyakit, diagnostik dan pembangunan kaedah rawatan. Program ini menekankan kerja makmal, kemahiran analisis, dan metodologi penyelidikan yang merupakan elemen penting untuk kerjaya dalam bidang perubatan dan saintifik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi Manusia: Kajian sistem dan fungsi badan.
- Biokimia & Biologi Molekul: Memahami proses kimia dalam organisma hidup.
- Genetik & Genomik: Kajian DNA, penyakit keturunan dan terapi gen.
- Mikrobiologi & Imunologi: Penyiasatan patogen, tindak balas imun dan penyakit berjangkit.
- Farmakologi & Toksikologi: Bagaimana ubat dan toksin mempengaruhi tubuh manusia.
- Patologi & Mekanisme Penyakit: Kajian penyakit pada peringkat selular dan molekul.
- Biokimia & Hematologi Klinikal: Analisis makmal darah dan cecair badan.
- Teknik Makmal Perubatan: Latihan secara praktikal dalam ujian diagnostik.
- Bioinformatik & Analisis Data: Penggunaan alat pengiraan untuk penyelidikan biologi.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sains Bioperubatan mempunyai peluang kerjaya yang pelbagai dalam penjagaan kesihatan, penyelidikan, farmaseutikal dan bioteknologi. Antara laluan kerjaya termasuklah Pegawai Sains (Makmal Perubatan), Pegawai Penyelidik, Ahli Teknologi Makmal Perubatan, Pegawai Kualiti / Kawalan Mutu (QA/QC) serta Eksekutif Kawal Selia (Regulatory Affairs)

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat meminati bidang sains • Suka kerja makmal • Teliti dan cermat • Pemikiran analitis • Sabar dan berdisiplin • Berminat dalam penyelidikan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 3.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (2B)
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (C) + Biologi, Kimia, Fizik/Math (2B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
ABB Biology, Chemistry, Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan (Sains Kesihatan) PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
94%



FISIOTERAPI PHYSIOTHERAPY

Ringkasan Pengajian:

Program Fisioterapi memberi tumpuan kepada pemulihan fungsi fizikal individu yang menghadapi kecederaan, masalah pergerakan, atau penyakit kronik. Pelajar mempelajari Anatomi, Fisiologi, Biomekanik, Kinesiologi, Terapi Manual, Rehabilitasi Neurologi, dan Terapi Kardiopulmonari. Latihan praktikal dijalankan di hospital, klinik rehabilitasi, dan pusat komuniti bagi menyediakan graduan untuk menangani dan merawat pesakit dengan pelbagai keperluan rehabilitasi secara berkesan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi: Kajian tentang struktur dan fungsi tubuh manusia.
- Biomekanik & Kinesiologi: Memahami pergerakan badan dan mekanik.
- Terapi Senaman: Penggunaan senaman fizikal untuk pemulihan dan pemuliharaan.
- Elektroterapi: Aplikasi rangsangan elektrik untuk melegakan kesakitan dan fungsi otot.
- Fisioterapi Neurologi: Rawatan keadaan seperti strok, Parkinson dan kecederaan tulang belakang.
- Fisioterapi Kardiopulmonari: Pemulihan untuk keadaan berkaitan jantung dan paru-paru.
- Fisioterapi Muskuloskeletal: Pengurusan gangguan tulang sendi dan otot.
- Fisioterapi Pediatrik: Terapi untuk kanak-kanak kurang upaya fizikal.
- Fisioterapi Geriatrik: Pemulihan untuk pesakit tua dengan masalah mobiliti.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Fisioterapi perlu menduduki peperiksaan bagi mendapatkan lesen sebelum memulakan kerjaya sebagai ahli fisioterapi dalam pelbagai sektor penjagaan kesihatan termasuklah hospital, klinik swasta, kemudahan sukan, sekolah dan pusat kesihatan masyarakat. Peluang pekerjaan yang berkaitan termasuklah sebagai Ahli fisioterapi, Ahli terapi sukan, Kiropraktor dan Pakar fisiologi senaman.

Holland Code	Personaliti
Social Realistic Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam sains kesihatan dan anatomi • Komunikasi yang baik • Sabar dan empati • Aktif secara fizikal • Berminat bekerja secara praktikal

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 3.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (2B)
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (C) + Biologi, Fizik, Maths (3B-)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
DD Biology/Chemistry + Physics/Math- IPTS Only
DIPLOMA
Diploma Berkaitan (Sains Kesihatan/ Fisisoterapi) PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
97%



PERUBATAN VETERINAR

VETERINARY MEDICINE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Perubatan Veterinar menyediakan pelajar untuk kerjaya sebagai doktor haiwan yang mahir dalam penjagaan kesihatan haiwan, pencegahan penyakit, pembedahan, diagnosis, serta pengurusan kesihatan ternakan dan haiwan peliharaan. Program ini menggabungkan pembelajaran teori seperti anatomi, fisiologi, farmakologi dan penyakit haiwan serta latihan klinikal yang melibatkan rawatan haiwan secara langsung.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi Haiwan: Memahami struktur dan fungsi badan haiwan.
- Farmakologi Veterinar: Kajian tentang ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat haiwan.
- Patologi Haiwan & Diagnosis Penyakit: Mengenal pasti dan mendiagnosis penyakit pada haiwan.
- Mikrobiologi & Imunologi Veterinar: Kajian penyakit berjangkit dan tindak balas imun.
- Pembedahan Haiwan & Kemahiran Klinikal: Prosedur pembedahan dan penjagaan kecemasan.
- Kesihatan Awam Veterinar & Keselamatan Makanan: Memastikan pengeluaran makanan yang selamat dan kawalan penyakit.
- Kesihatan & Pengeluaran Ternakan: Menguruskan kesihatan dan produktiviti haiwan ternakan.
- Perubatan Haiwan Kecil & Besar: Merawat haiwan peliharaan, kuda, lembu dan haiwan lain.
- Epidemiologi Veterinar: Mengkaji wabak penyakit dan strategi pencegahan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda
5 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Perubatan Veterinar mempunyai prospek kerjaya yang luas dalam sektor kesihatan haiwan, keselamatan makanan, penyelidikan serta perkhidmatan awam. Antara kerjaya utama ialah Doktor Veterinar, Doktor Veterinar Haiwan Besar/Ternakan, Doktor Veterinar Zoo/Hidupan Liar serta Pegawai Kesihatan Veterinar.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam terhadap haiwan • Sabar dan penyayang • Minat dalam sains biologi • Teliti dan bertanggungjawab • Mampu bekerja dalam situasi mencabar • Fizikal yang aktif dan tahan lasak

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat PNGK \geq 3.50 Bio, Math, Fizik/Kimia (3B)
STPM
PNGK \geq 3.50, Pengajian Am (C) + Biologi, Kimia/ Fizik, Math (3B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
AAB Biology, Chemistry/Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Veterinar/ Kesihatan Haiwan \geq 3.25
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
96%



SAINS FORENSIK FORENSIC SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Forensik ialah program yang memberi latihan kepada pelajar untuk mengesan, mengumpul dan menganalisis bukti saintifik bagi membantu penyiasatan jenayah dan keselamatan awam. Pelajar mempelajari asas biologi, kimia, toksikologi, analisis DNA, kriminologi serta teknik siasatan tempat kejadian yang digunakan oleh pasukan forensik profesional. Bidang ini menggabungkan kerja makmal, penyiasatan dan aplikasi undang-undang bagi memastikan bukti yang dikumpul tepat, sah dan boleh digunakan bagi tujuan perundangan di mahkamah.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Biologi Forensik: Mengkaji bukti biologi seperti darah, rambut, tisu dan cecair badan untuk tujuan pengenalpastian.
- Kimia Forensik: Menganalisis bahan kimia pada bukti seperti dadah, cat, serat dan sisa letupan.
- Toksikologi Forensik: Mengkaji racun, bahan toksik, alkohol dan ubat dalam sampel tubuh manusia.
- Analisis DNA: Mengenal pasti individu melalui profil DNA untuk tujuan penyiasatan dan perundangan.
- Kriminologi: Mengkaji tingkah laku jenayah, motif dan faktor sosial yang mempengaruhi jenayah.
- Prosedur Tempat Kejadian (Crime Scene Investigation): Teknik mengumpul, menyimpan dan mendokumentasi bukti dari lokasi kes.
- Undang-undang & Etika Forensik: Memahami peraturan, rantaian bukti serta etika dalam penyiasatan dan pembentangan bukti di mahkamah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Sains Forensik mempunyai prospek kerjaya yang luas dalam bidang penyiasatan jenayah, keselamatan awam, makmal forensik dan penyelidikan saintifik. Antara kerjaya yang berkaitan termasuklah Pegawai Sains Forensik, Penganalisis DNA, Pegawai Toksikologi, Penyiasat Tempat Kejadian (CSI), Pegawai Makmal Forensik dan Penyelidik Forensik, yang menawarkan peluang pekerjaan stabil dan relevan dengan perkembangan sektor keselamatan dan perundangan.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat meminati bidang sains • Teliti dan cermat • Suka menganalisis bukti dan data • Sabar dan berdisiplin • Berminat dengan kerja penyiasatan • Mampu bekerja dalam situasi mencabar

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Kimia (B-), Fizik/ Math/ Bio (1B 1C)
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (C) + Kimia, Biologi, Math (3B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Biology/Chemistry + Physics/Math
DIPLOMA
Diploma Sains/ Sains Forensik \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
85%



KEJURUTERAAN

- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Kimia
- Kejuruteraan Bioperubatan
- Kejuruteraan Mekatronik
- Kejuruteraan Bahan
- Kejuruteraan Aeroangkasa
- Kejuruteraan Komputer



KEJURUTERAAN MEKANIKAL

MECHANICAL ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Program ini bertujuan melahirkan graduan yang mahir dalam reka bentuk, analisis, dan pembangunan sistem mekanikal. Pelajar akan mempelajari asas mekanik, dinamik, termodinamik, mekanik bendalir, pengeluaran, bahan, dan kawalan automasi. Pelajar akan didedahkan dengan projek praktikal dan latihan industri bagi membangunkan kemahiran teknikal, kreativiti dan penyelesaian masalah yang diperlukan dalam sektor perindustrian, pembuatan dan penyelidikan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Mekanik Kejuruteraan: Statik dan dinamik, mengkaji daya, momen dan kesannya terhadap gerakan dan kestabilan.
- Termodinamik: Prinsip penukaran tenaga, pemindahan haba dan hukum termodinamik.
- Mekanik Bendalir: Kelakuan bendalir dalam gerakan dan dalam keadaan rehat dan aplikasinya dalam sistem kejuruteraan.
- Sains Bahan: Sifat dan aplikasi bahan kejuruteraan, termasuk logam, polimer, seramik dan komposit.
- Kekuatan Bahan: Analisis tegasan, terikan, dan ubah bentuk dalam bahan di bawah pelbagai keadaan pemuatan.
- Reka bentuk Mesin: Prinsip mereka bentuk komponen dan sistem mekanikal dengan mengambil kira fungsi, keselamatan dan kos.
- Proses pembuatan: Teknik dan teknologi untuk pemrosesan dan pengeluaran bahan, termasuk pemesinan, kimpalan dan pembuatan bahan tambahan.
- Sistem Kawalan: Asas sistem kawalan automatik dan aplikasinya dalam kejuruteraan mekanikal.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal mempunyai peluang kerjaya yang merentasi pelbagai industri meliputi automotif, aeroangkasa, tenaga, pembuatan dan pengeluaran. Laluan kerjaya termasuklah sebagai Jurutera Automotif, Pembuatan, Aeroangkasa, Struktur, Tenaga, Loji Kuasa dan Reka Bentuk Mekanikal.

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (3C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik & Math T (2C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Math/ F Math, Physics
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
80%



Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam matematik dan fizik • Suka mereka cipta dan menyelesaikan masalah • Pemikiran logik dan analitis • Teliti serta bersistematik • Kreatif dalam mencari penyelesaian teknikal • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK ELECTRICAL DAN ELECTRONIC ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik memberi fokus kepada reka bentuk, pembangunan dan penyelenggaraan sistem elektrik, elektronik serta teknologi moden yang digunakan dalam pelbagai industri. Pelajar akan mempelajari asas elektrik, litar elektronik, kuasa, kawalan automasi, komunikasi, sistem digital, dan teknologi semikonduktor. Program ini menggabungkan teori, kerja makmal dan projek kejuruteraan untuk melahirkan jurutera yang mampu menghasilkan penyelesaian teknologi bagi keperluan industri seperti tenaga, pengangkutan, pembuatan, telekomunikasi dan peranti elektronik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Kejuruteraan Elektrik: Pengenalan kepada prinsip asas elektrik, teori litar dan bahan elektrik.
- Elektronik: Kajian komponen elektronik, litar dan sistem termasuk diod, transistor dan litar bersepadu.
- Sistem Digital: Reka bentuk dan analisis litar digital, mikropemproses dan sistem terbenam (embedded system).
- Sistem Kuasa: Penerokaan penjanaan kuasa, penghantaran dan pendedaran, serta teknologi tenaga boleh diperbaharui.
- Sistem Kawalan: Prinsip kawalan automatik dan aplikasi dalam pelbagai sistem kejuruteraan.
- Sistem Komunikasi: Pemeriksaan teknik komunikasi analog dan digital, termasuk komunikasi tanpa wayar dan optik.
- Pemprosesan Isyarat: Teknik untuk memproses isyarat dalam pelbagai aplikasi seperti audio, video dan komunikasi.

Tempoh pengajian Sarjana Muda
4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik mempunyai peluang kerjaya dalam pelbagai sektor termasuk Industri Tenaga, Elektronik & Semikonduktor, Telekomunikasi & Rangkaian serta Automasi & Robotik. Antara peluang kerjaya adalah sebagai Jurutera elektrik, penganalisis sistem kuasa, perunding tenaga boleh diperbaharui, jurutera reka bentuk, jurutera susun atur PCB, jurutera proses semikonduktor dan jurutera sistem kawalan dan automasi.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat meminati matematik dan fizik • Pemikiran logik dan analitis • Suka teknologi dan peralatan elektronik • Teliti serta bersistematik • Kreatif dalam penyelesaian masalah • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (3C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik & Math T (2C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Math/ F Math, Physics/Chemistry
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



KEJURUTERAAN AWAM CIVIL ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Awam memberi fokus kepada reka bentuk, pembinaan, dan penyelenggaraan projek infrastruktur seperti bangunan, jambatan, jalan raya, dan sistem bekalan air. Program ini menggabungkan pengetahuan teori dengan kemahiran praktikal untuk menyediakan pelajar untuk kerjaya dalam kejuruteraan awam dan bidang berkaitan. Bidang pengajian ini melengkapkan pelajar dengan asas yang kukuh dalam prinsip kejuruteraan bersama-sama dengan pengetahuan khusus dalam bidang seperti kejuruteraan struktur, geoteknikal, pengangkutan dan kejuruteraan alam sekitar.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan kepada Kejuruteraan Awam: Gambaran keseluruhan profesion kejuruteraan awam, termasuk sejarah, konsep utama dan peluang kerjaya.
- Mekanik Kejuruteraan: Kajian statik dan dinamik, memberi tumpuan kepada analisis daya dan gerakan dalam sistem mekanikal.
- Sains Bahan: Memahami sifat dan aplikasi bahan binaan seperti konkrit, keluli dan komposit.
- Mekanik Bendalir: Prinsip kelakuan bendalir dan aplikasinya dalam kejuruteraan sumber air dan hidraulik.
- Kejuruteraan Geoteknik: Kajian sifat dan tingkah laku tanah, reka bentuk asas, dan struktur bumi.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Awam mempunyai prospek kerjaya yang luas kerana industri pembinaan dan pembangunan infrastruktur sentiasa berkembang di Malaysia serta di peringkat global. Mereka diperlukan dalam sektor kerajaan dan swasta untuk merancang, membina serta menyelia projek seperti bangunan, lebuh raya, jambatan, empangan, sistem air dan pembentungan.

Graduan boleh bekerja sebagai jurutera awam, jurutera struktur, jurutera tapak, jurutera geoteknik, jurutera infrastruktur, atau pegawai teknikal dalam firma perunding, syarikat kontraktor, agensi kerajaan, syarikat utiliti dan industri tenaga.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam matematik dan fizik • Suka menyelesaikan masalah • Teliti dan bersistematik • Berminat dengan pembinaan dan struktur • Sanggup bekerja di lapangan dan dalam pasukan • Mempunyai daya ketahanan fizikal dan mental

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.00, Fizik, Math, Lain2 (3C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik & Math T (2C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Math/ F Math, Physics/Chemistry
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Laluan ke bidang Teknologi PNGK \geq 3.0)
MERIT UPU
82%



KEJURUTERAAN KIMIA CHEMICAL ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan untuk mereka bentuk, membangun dan mengoptimumkan proses untuk pengeluaran, transformasi dan penggunaan bahan kimia dan tenaga. Bidang antara disiplin ini mengintegrasikan prinsip kimia, fizik, matematik, biologi, dan ekonomi untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pembuatan dan penggunaan bahan kimia dan bio-kimia.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Kimia: Prinsip am, organik dan kimia fizikal penting untuk memahami proses kimia.
- Prinsip Proses Kimia: Asas imbalan bahan dan tenaga, termodinamik dan kinetik kimia.
- Mekanik Bendalir: Kajian kelakuan bendalir, termasuk dinamik aliran, dan aplikasinya dalam proses kimia.
- Pemindahan Haba dan Jisim: Prinsip pemindahan haba, resapan dan operasi pemindahan jisim penting untuk mereka bentuk sistem yang cekap.
- Kejuruteraan Tindak Balas Kimia: Analisis dan reka bentuk reaktor kimia dan kajian kinetik tindak balas.
- Kawalan Proses: Teknik untuk mengawal proses kimia untuk memastikan keselamatan dan kecekapan.
- Sains Bahan: Kajian sifat bahan dan aplikasinya dalam kejuruteraan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia mempunyai prospek kerjaya yang sangat luas kerana hampir setiap industri melibatkan proses kimia, tenaga atau pengeluaran bahan.

Graduan bidang ini diperlukan dalam sektor seperti minyak dan gas, petrokimia, makanan dan minuman, farmaseutikal, bioteknologi, tenaga boleh baharu, pembuatan bahan kimia, air dan alam sekitar. Graduan boleh bekerja sebagai jurutera proses, jurutera loji, jurutera keselamatan, jurutera kualiti, jurutera alam sekitar, atau eksekutif teknikal dalam syarikat pengeluaran dan industri berat.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam dalam kimia, fizik dan matematik • Suka menyelesaikan masalah teknikal • Teliti dan cermat • Mampu berfikir secara analitis dan logik • Sanggup bekerja dalam persekitaran industri yang mencabar

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI

Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan
PNGK \geq 2.67, Math, Kimia,
Bio/Fizik (3B-)

STPM

PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) +
Fizik/ Kimia/ Biologi, Maths (2C)

STAM

Tiada Laluan

A LEVEL

CC Math/ F Math,
Physics/Chemistry

DIPLOMA

Diploma Kejuruteraan
PNGK \geq 2.75

DVM/ DKM

Laluan ke bidang Teknologi
PNGK \geq 3.0)

MERIT UPU

77%



KEJURUTERAAN BIOPERUBATAN

BIOMEDICAL ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Bioperubatan merupakan pengajian antara disiplin yang menggabungkan prinsip kejuruteraan dengan sains perubatan dan biologi untuk membangunkan penyelesaian penjagaan kesihatan yang inovatif. Program ini memberi tumpuan kepada mereka bentuk, membangun dan menyelenggara peranti perubatan, alat diagnostik, prostetik dan teknologi penjagaan kesihatan bagi meningkatkan kualiti penjagaan pesakit dan penyelidikan perubatan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Anatomi & Fisiologi Manusia: Memahami struktur dan fungsi tubuh manusia.
- Instrumentasi & Penderia (Sensors) Bioperubatan: Membangunkan peranti yang memantau dan mendiagnosis keadaan kesihatan.
- Pengimejan Perubatan & Pemprosesan Isyarat: MRI, imbasan CT, ultrasound dan teknologi diagnostik lain.
- Kejuruteraan Biomekanik & Pemulihan: Mereka bentuk prostetik, ortotik dan peranti bantuan.
- Kejuruteraan Biobahan & Tisu: Membangunkan organ tiruan, implan dan bahan serasi bio.
- Bioinformatik & Biologi Pengiraan: Mengaplikasikan sains data pada genetik, penemuan ubat dan perubatan yang diperibadikan.
- Kejuruteraan Klinikal & Pengurusan Peralatan Hospital: Memastikan keselamatan dan kecekapan teknologi perubatan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Prospek kerjaya bidang ini kian berkembang selari dengan peningkatan penggunaan teknologi dalam sistem kesihatan dalam industri peralatan perubatan, hospital, syarikat teknologi kesihatan, penyelidikan perubatan serta pengeluaran alat prostetik dan imejan diagnostik.

Graduan boleh bekerja sebagai jurutera bioperubatan, jurutera peralatan perubatan, jurutera penyelenggaraan hospital, pegawai aplikasi klinikal, pegawai jualan teknikal (medical devices) atau penyelidik dalam bidang teknologi perubatan. Permintaan industri semakin meningkat kerana hospital dan pusat rawatan memerlukan pakar teknikal bagi memastikan peralatan perubatan moden berfungsi dengan selamat, tepat dan efisien.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati sains, teknologi dan perubatan • Teliti dan cermat dalam kerja teknikal • Kreatif dan suka menyelesaikan masalah • Kemahiran analitis dan logik yang baik • Mampu bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.80, Math, Bio, Fizik (3B)
STPM
PNGK \geq 2.80, Pengajian Am (C) + Fizik, Math T (2B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
BB Math, Physics
DIPLOMA
Diploma Bioperubatan PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
95%



KEJURUTERAAN MEKATRONIK MECHATRONIC ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik merupakan pengajian antara disiplin yang mengintegrasikan kejuruteraan mekanikal, elektronik, sains komputer, dan automasi untuk mereka bentuk dan membangunkan sistem pintar. Bidang ini penting dalam industri moden di mana teknologi pintar, robotik dan automasi mengubah kaedah pembuatan, penjagaan kesihatan, pengangkutan dan produk pengguna.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Reka Bentuk & Pembuatan Mekanikal: Asas sistem mekanikal, pemodelan CAD dan teknik pembuatan.
- Elektronik & Sistem Terbenam: Reka bentuk litar, mikropengawal dan penyepaduan perisian perkakasan.
- Sistem Kawalan & Automasi: Membangunkan mekanisme kawalan automatik untuk aplikasi industri dan pengguna.
- Aplikasi Robotik & AI: Mengaturcara robot dan melaksanakan kecerdasan buatan untuk automasi.
- Penderia & Penggerak: Memahami cara mesin berinteraksi dengan persekitarannya.
- Internet Pelbagai Benda (IoT): Menyambung peranti pintar untuk analisis dan automasi data masa nyata.
- Sistem Kuasa & Tenaga Boleh Diperbaharui: Penggunaan tenaga yang cekap dalam aplikasi mekatronik.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik mempunyai prospek kerjaya yang luas kerana bidang ini menggabungkan kemahiran mekanikal, elektronik, kawalan automasi dan sistem robotik yang semakin penting dalam kebanyakan industri moden.

Graduan berpeluang bekerja dalam sektor pembuatan automotif, robotik, automasi kilang, peralatan perubatan, teknologi pintar, tenaga dan sistem kawalan sebagai jurutera mekatronik, automasi, robotik, sistem kawalan, penyelenggaraan industri dan pembangunan teknologi pintar. Permintaan terhadap jurutera mekatronik dijangka terus meningkat selari dengan trend automasi dan digitalisasi industri di Malaysia dan luar negara.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam mekanikal, elektronik dan teknologi • Kreatif dan suka mencipta penyelesaian inovatif • Pemikiran logik dan analitis • Teliti dan sistematik • Suka bekerja dengan mesin, robot dan automasi • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.00, Math, Fizik, Kimia (3C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/Biologi, Kimia & Math T (3C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
BB Math, Physics
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Laluan ke bidang Teknologi DVM PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
78%



KEJURUTERAAN BAHAN MATERIALS ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Bahan merupakan bidang antara disiplin yang memberi tumpuan kepada kajian, reka bentuk, dan aplikasi bahan yang digunakan dalam pelbagai industri, termasuk logam, seramik, polimer, komposit, dan bahan nano. Program ini menyepadukan prinsip fizik, kimia dan kejuruteraan untuk membangunkan bahan termaju bagi meningkatkan prestasi dan kemampuan produk.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Sains Bahan: Memahami struktur atom, ikatan, dan sifat bahan yang berbeza.
- Metalurgi & Pembangunan Aloi: Mempelajari logam, sifatnya, dan aplikasi dalam industri.
- Seramik & Polimer: Meneroka bahan bukan logam dan kegunaannya dalam pembuatan termaju.
- Bahan Komposit & Nanoteknologi: Mereka bentuk bahan ringan, berprestasi tinggi untuk aplikasi aeroangkasa, automotif dan bioperubatan.
- Sifat Mekanikal & Terma Bahan: Menilai kekuatan bahan, keanjalan dan rintangan haba.
- Pemprosesan & Pembuatan Bahan: Teknik pembelajaran seperti tuangan, kimpalan dan pembuatan bahan tambahan (Cetakan 3D).
- Analisis Kegagalan & Kawalan Kualiti: Menyasat kelelahan bahan, kakisan dan kaedah untuk meningkatkan ketahanan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda
4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan mempunyai prospek kerjaya yang luas kerana mereka terlibat dalam pembangunan, pengeluaran dan penambahbaikan bahan yang digunakan dalam pelbagai industri seperti automotif, aeroangkasa, pembinaan, elektronik, tenaga dan pembuatan.

Graduan boleh bekerja sebagai jurutera bahan, jurutera penyelidikan dan pembangunan (R&D), jurutera kualiti, pegawai kawalan proses, jurutera pemprosesan bahan atau perunding industri. Permintaan bagi jurutera bahan terus meningkat selari dengan keperluan industri untuk menghasilkan bahan yang lebih kuat, ringan, tahan lasak dan mesra alam bagi menyokong inovasi teknologi dan pembangunan infrastruktur.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam sains khususnya fizik dan kimia • Kreatif dan inovatif dalam mencari penyelesaian • Teliti dan cermat dalam kerja makmal dan reka bentuk • Pemikiran logik dan analitis • Suka mengkaji dan menguji bahan baru • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.00, Math (C), Kimia/Bio/Fizik/ Lain (1C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik & Kimia (2C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
B Math/ F Math + CC Physics/Chemistry/Biology
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
69%



KEJURUTERAAN AEROANGKASA

AEROSPACE ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa memberi fokus pada reka bentuk, pembangunan, ujian, dan pengeluaran pesawat, kapal angkasa, serta sistem dan peralatan yang berkaitan. Program ini menyediakan pelajar asas yang kukuh dalam prinsip kejuruteraan serta pengetahuan khusus dalam aerodinamik, pendorongan (propulsion), avionik dan sains bahan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan kepada Kejuruteraan Aeroangkasa: Gambaran keseluruhan bidang aeroangkasa, termasuk sejarah, konsep utama dan trend semasa.
- Mekanik Kejuruteraan: Kajian statik dan dinamik, termasuk analisis daya dan gerakan dalam sistem mekanikal.
- Termodinamik: Prinsip tenaga, pemindahan haba, dan kitaran termodinamik.
- Mekanik Bendalir: Kajian tentang kelakuan bendalir dan aplikasinya dalam aerodinamik.
- Sains Bahan: Memahami sifat dan aplikasi bahan yang digunakan dalam struktur aeroangkasa.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Aeroangkasa mempunyai prospek kerjaya yang luas dalam industri penerbangan, pertahanan, aeroangkasa komersial, pembuatan pesawat dan sistem satelit.

Graduan berpeluang bekerja sebagai jurutera reka bentuk pesawat, jurutera pembuatan, jurutera sistem avionik, jurutera penyelenggaraan, jurutera penyelidikan dan pembangunan (R&D) atau jurutera ujian penerbangan. Permintaan terhadap jurutera aeroangkasa dijangka akan terus meningkat kerana perkembangan teknologi pesawat, satelit dan sistem pertahanan serta pertumbuhan sektor penerbangan dan pembuatan komponen serta penyelenggaraan pesawat di Malaysia dan antarabangsa.

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat / Fizikal/ Kejuruteraan PNGK \geq 2.75, Math (B), Kimia/Bio/Fizik (1B)
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Math (1B)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
BBB Math, Physics, Chemistry
DIPLOMA
Diploma Kejuruteraan PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
95%



Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam aerodinamik, fizik dan matematik • Kreatif dan inovatif dalam reka bentuk teknologi • Teliti dan sistematik • Suka menyelesaikan masalah teknikal • Mampu bekerja dengan perisian simulasi dan alat mekanikal • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

KEJURUTERAAN KOMPUTER COMPUTER ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer ialah program yang memfokuskan kepada reka bentuk, pembangunan dan penyelenggaraan sistem komputer, perkakasan dan perisian yang saling berkaitan. Program ini melahirkan graduan yang mampu membangunkan sistem komputer cekap dan inovatif untuk pelbagai aplikasi industri, termasuk automasi, robotik, Internet Pelbagai Benda (IoT), aeroangkasa dan teknologi pintar.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Litar Digital (Digital Circuits): Mempelajari asas litar elektronik, logik digital dan reka bentuk litar yang membentuk komputer.
- Seni Bina Komputer (Computer Architecture): Memahami struktur dalaman komputer, pemprosesan data, memori dan pengurusan sistem.
- Sistem Terbenam (Embedded Systems): Pembangunan perisian dan perkakasan untuk sistem komputer kecil seperti IoT, robotik dan peranti pintar.
- Rangkaian Komputer (Computer Networks): Konsep komunikasi antara komputer, protokol rangkaian dan keselamatan data.
- Pengaturcaraan (Programming): Penulisan kod untuk membangunkan perisian yang berinteraksi dengan perkakasan komputer.
- Sistem Operasi (Operating Systems): Memahami cara komputer mengurus sumber, memori, fail dan kawalan perkakasan untuk menjalankan perisian.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer mempunyai prospek kerjaya yang luas dalam sektor teknologi, automasi industri, robotik, IoT, aeroangkasa, elektronik dan sistem pintar.

Graduan berpeluang bekerja sebagai jurutera komputer, jurutera sistem terbenam, jurutera rangkaian, jurutera robotik, jurutera perkakasan atau penyelidik dan pembangun teknologi pintar.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam dalam teknologi komputer dan elektronik • Pemikiran logik dan analitis • Kreatif dan suka mencipta penyelesaian inovatif • Teliti dan bersistematik • Suka menyelesaikan masalah teknikal • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Math/ Kimia/ Bio/ Fizik/ ICT (2C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Laluan ke bidang Teknologi DKM PNGK \geq 3.00
MERIT UPU
87%



SAINS KOMPUTER & TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Sains Komputer
- Teknologi Maklumat
- Kejuruteraan Perisian
- Data Sains
- Keselamatan Siber
- Kecerdasan Buatan
- Sains Komputer
- Teknologi Maklumat (Pembangunan Web & Aplikasi)
- Sains Komputer (Multimedia)



SAINS KOMPUTER COMPUTER SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Komputer memberi tumpuan kepada pembangunan sistem dan teknologi digital melalui pemahaman mendalam tentang pengaturcaraan, algoritma, struktur data, seni bina komputer, keselamatan maklumat dan pembangunan perisian. Program ini melahirkan graduan yang mahir membina aplikasi, menyelesaikan masalah pengkomputeran yang kompleks serta mengoptimumkan sistem menggunakan pendekatan saintifik dan teknikal.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengaturcaraan Komputer: Memperkenalkan logik, sintaks dan teknik penulisan kod menggunakan bahasa pengaturcaraan asas.
- Struktur Data dan Algoritma: Mengkaji cara menyusun, menyimpan dan memproses data secara cekap.
- Pangkalan Data: Memfokuskan kepada reka bentuk, pengurusan dan manipulasi data dalam sistem pengurusan pangkalan data.
- Sistem Pengoperasian: Memahami bagaimana OS mengurus sumber komputer seperti memori, proses dan fail.
- Rangkaian Komputer: Mengkaji komunikasi antara peranti melalui protokol dan model rangkaian.
- Kecerdasan Buatan Asas: Pengenalan kepada konsep pembelajaran mesin, pemikiran logik dan automasi pintar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sains Komputer mempunyai permintaan tinggi dalam pelbagai industri termasuk teknologi maklumat, fintech, e-dagang, telekomunikasi, perbankan, automasi digital, keselamatan siber serta agensi kerajaan yang memerlukan sistem digital yang cekap dan selamat.

Graduan berpeluang bekerja dalam bidang pembangunan sistem, analitik data, pentadbiran infrastruktur digital, keselamatan maklumat dan teknologi awan. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuk Jurutera Perisian, Pembangun Sistem/Aplikasi, Penganalisis Sistem, Pentadbir Pangkalan Data dan Pembangun Web.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Suka menyelesaikan masalah secara logik • Minat terhadap teknologi, komputer dan inovasi digital • Teliti, sistematik dan sabar • Suka belajar dan mencuba perkara baharu • Boleh bekerja secara individu dan berpasukan • Berfikir secara analitis dan kreatif

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal/ Sosial PNGK \geq 2.00, Math/ Kimia/ Bio/ Fizik/ ICT (2C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



INFORMATION TECHNOLOGY TEKNOLOGI MAKLUMAT

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Teknologi Maklumat memberi fokus kepada penggunaan, pengurusan dan pembangunan penyelesaian teknologi dalam organisasi. Ia menekankan kemahiran mengurus infrastruktur Teknologi Maklumat (IT), rangkaian, keselamatan siber, pangkalan data serta sokongan teknikal yang memastikan operasi digital sesebuah organisasi berjalan lancar. Program ini lebih berorientasikan aplikasi berbanding teori sains komputer, menjadikan pelajar mahir dalam integrasi sistem, pentadbiran server, pengurusan projek IT, transformasi digital dan penyelesaian teknologi untuk perniagaan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Teknologi Maklumat: Pengenalan kepada komponen, fungsi dan aplikasi IT dalam organisasi.
- Pentadbiran Sistem & Server: Mengurus sistem operasi server, pengguna, keselamatan dan konfigurasi rangkaian.
- Pembangunan Sistem Maklumat: Mempelajari kitaran pembangunan sistem untuk menyelesaikan masalah perniagaan.
- Keselamatan Siber Asas: Mengenal pasti ancaman, kerentanan dan langkah perlindungan sistem digital.
- Pengurusan Projek IT: Teknik merancang, melaksana dan memantau projek teknologi dalam industri.
- Pangkalan Data & SQL: Memahami cara membina, mengurus dan mengendalikan data organisasi secara teratur.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Teknologi Maklumat mendapat permintaan tinggi dalam industri seperti perbankan, kerajaan, keselamatan siber, telekomunikasi, e-dagang, pendidikan, logistik dan syarikat teknologi. Ini bagi memastikan infrastruktur digital berfungsi, sistem organisasi berjalan lancar dan data terlindung dengan baik. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuk Pentadbir Sistem, Penganalisis Sistem Maklumat, Juruteknik IT, Pegawai Keselamatan Siber dan Pentadbir Rangkaian Komputer.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Suka bekerja dengan komputer dan sistem teknikal • Minat pada penyelesaian masalah praktikal • Sabar, teliti dan cekap mengurus tugasan • Selalu ingin belajar teknologi baharu • Fokus, berdisiplin dan suka bekerja secara praktikal

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal/ Sosial: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jaiyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



KEJURUTERAAN PERISIAN SOFTWARE ENGINEERING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian ialah program yang melatih pelajar untuk mereka, membangunkan, menguji dan menyelenggara perisian komputer dan sistem aplikasi bagi pelbagai industri. Program ini menekankan gabungan teori dan projek praktikal untuk melahirkan graduan yang mampu membangunkan sistem perisian yang cekap, selamat dan memenuhi keperluan pengguna.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengaturcaraan (Programming): Mempelajari asas penulisan kod menggunakan bahasa pengaturcaraan seperti Java, C++ atau Python.
- Struktur Data dan Algoritma (Data Structures & Algorithms): Mengurus dan menganalisis data serta membina algoritma untuk menyelesaikan masalah dengan cekap.
- Kejuruteraan Perisian (Software Engineering): Prinsip dan metodologi membangunkan, merekabentuk dan menyelenggara sistem perisian berskala besar.
- Pangkalan Data (Database Systems): Reka bentuk, pengurusan dan penggunaan pangkalan data untuk menyimpan dan memproses maklumat.
- Keselamatan Siber (Cybersecurity): Memahami ancaman digital dan teknik melindungi sistem, aplikasi dan data daripada serangan.
- Pembangunan Aplikasi Web dan Mudah Alih (Web & Mobile App Development): Membina aplikasi interaktif untuk pelbagai platform menggunakan teknologi moden.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian mempunyai prospek kerjaya luas dalam sektor IT, telekomunikasi, perbankan, e-dagang dan automasi sebagai jurutera perisian, pembangun aplikasi, jurutera sistem, jurutera keselamatan siber atau penganalisis data, dengan peluang pekerjaan stabil dan perkembangan teknologi yang pesat.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam dalam teknologi dan pengaturcaraan • Pemikiran logik dan analitis • Kreatif dalam membangunkan penyelesaian digital • Teliti dan bersistematik • Suka menyelesaikan masalah • Suka bekerja dalam pasukan dan berkomunikasi dengan baik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal/ Sosial: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jaiyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS DATA DATA SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Data memberi fokus kepada pengumpulan, analisis dan interpretasi data berskala besar bagi membantu organisasi membuat keputusan strategik. Pelajar mempelajari statistik, pembelajaran mesin, pengurusan pangkalan data, visualisasi data dan pengaturcaraan untuk mengendalikan data kompleks. Program ini menggabungkan teori dan projek praktikal untuk melahirkan graduan yang mampu mengekstrak maklumat bermakna, membina model ramalan serta menyokong strategi perniagaan dan penyelidikan saintifik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Statistik & Analisis Data: Mempelajari kaedah mengumpul, menganalisis dan mentafsir data.
- Pengaturcaraan untuk Data: Menggunakan bahasa seperti Python atau R untuk manipulasi data dan model.
- Pembelajaran Mesin (Machine Learning): Membangunkan model ramalan dan automasi keputusan berdasarkan data.
- Pangkalan Data & SQL: Mengurus dan mengendalikan data yang tersimpan dalam sistem pangkalan data.
- Visualisasi Data: Membina representasi grafik bagi data untuk memudahkan pemahaman.
- Analitik Perniagaan: Mengaplikasikan analisis data untuk menyokong keputusan perniagaan strategik.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sains Data sangat diperlukan dalam industri seperti teknologi maklumat, perbankan, e-dagang, telekomunikasi, perkhidmatan kesihatan, logistik, dan sektor kerajaan untuk membuat keputusan berasaskan data. Mereka boleh membina model ramalan, menganalisis corak pelanggan dan seterusnya membantu merancang strategi operasi serta perniagaan. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuk Saintis Data, Penganalisis Data, Jurutera Data dan Penganalisis Perniagaan (Business Analyst).

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jaiyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat dalam matematik, statistik dan teknologi • Pemikiran analitis dan logik • Kreatif dan sistematik dalam menyelesaikan masalah • Suka bekerja dengan data dan angka • Mampu bekerja secara individu dan berpasukan • Berfikiran kritis dan sangat teliti



KESELAMATAN SIBER CYBER SECURITY

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Keselamatan Siber menumpukan kepada perlindungan sistem komputer, rangkaian dan data daripada ancaman siber. Pelajar mempelajari asas keselamatan rangkaian, kriptografi, etika siber, pengurusan keselamatan maklumat, pengesanan serangan dan tindak balas insiden serangan siber. Program ini menggabungkan teori, praktikal dan simulasi serangan siber bagi melahirkan graduan yang cekap, beretika dan mampu melindungi organisasi daripada risiko keselamatan digital.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Keselamatan Siber: Pengenalan kepada ancaman siber, risiko dan prinsip keselamatan.
- Kriptografi: Teknik penyulitan data untuk melindungi maklumat daripada pencerobohan.
- Keselamatan Rangkaian: Memastikan rangkaian dan komunikasi data selamat.
- Pengurusan Keselamatan Maklumat: Strategi untuk mengurus keselamatan IT dalam organisasi.
- Pengesanan & Tindak Balas Serangan (Incident Response): Mempelajari cara mengesan dan bertindak terhadap serangan siber.
- Etika Siber & Undang-undang: Memahami peraturan, undang-undang dan etika dalam keselamatan digital.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Keselamatan Siber sangat diperlukan dalam industri seperti perbankan, e-dagang, telekomunikasi, kerajaan, pertahanan, teknologi maklumat dan syarikat multinasional yang bergantung kepada sistem digital selamat. Kerjaya utama termasuk Penganalisa Keselamatan Siber (Cybersecurity Analyst), Jurutera Keselamatan Rangkaian (Network Security Engineer), "Penetration Tester", Pengurus Keselamatan Maklumat (Information Security Manager) dan Pegawai Pemulihan Insiden (Incident Response Officer).

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti, berhati-hati dan berdisiplin • Minat dalam teknologi dan komputer • Berfikiran analitis dan logik • Kreatif dalam menyelesaikan masalah teknikal • Suka cabaran dan mampu bekerja di bawah tekanan • Beretika dan bertanggungjawab

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal: PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



KECERDASAN BUATAN ARTIFICIAL INTELLIGENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kecerdasan Buatan (AI) memberi tumpuan khususnya kepada pembangunan sistem pintar yang boleh meniru, memahami dan bertindak seperti manusia untuk menyelesaikan masalah kompleks. Program ini menggabungkan teori dan projek praktikal bagi melahirkan graduan yang mampu membina aplikasi AI dalam sektor perindustrian, perkhidmatan, perubatan, automasi dan teknologi pintar. Graduan AI sangat relevan dengan trend digitalisasi global, robotik, automasi, sistem pintar dan inovasi teknologi.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengaturcaraan Python / R: Bahasa asas untuk pembangunan model AI dan manipulasi data.
- Pembelajaran Mesin (Machine Learning): Algoritma untuk sistem belajar dari data dan membuat ramalan.
- Pembelajaran Mendalam (Deep Learning): Teknik AI lanjutan menggunakan rangkaian neural untuk pengenalan corak kompleks.
- Pemprosesan Bahasa Semula Jadi (NLP): Membolehkan komputer memahami, menganalisis dan menjana bahasa manusia.
- Robotik & Automasi Pintar: Mengaplikasikan AI dalam sistem robotik dan automasi industri.
- Analitik Data & Statistik: Teknik menganalisis data untuk menyokong keputusan yang dibuat berasaskan AI.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan AI diperlukan dalam industri khususnya teknologi maklumat, e-dagang, automasi industri, robotik, perubatan, kewangan, logistik dan penyelidikan teknologi pintar bagi membangunkan sistem ramalan, model automasi, robot pintar dan aplikasi cerdas lain untuk meningkatkan kecekapan organisasi. Kerjaya utama graduan bidang ini termasuklah sebagai Jurutera AI, Jurutera Pembelajaran Mesin, Saintis Data, Pembangun Robotik Pintar (Robotics Developer) dan Penganalisis Data AI (AI Data Analyst).

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat meminati teknologi, matematik dan logik • Kreatif dan inovatif • Teliti, sistematik dan analitis • Suka menyelesaikan masalah kompleks • Berminat dengan komputer dan robotik • Mampu bekerja secara individu dan berpasukan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal: PNGK \geq 2.80, Math, Mana-mana subjek (2B-)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



RANGKAIAN KOMPUTER COMPUTER NETWORKING

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Rangkaian Komputer menumpukan kepada reka bentuk, pembangunan, pengurusan dan keselamatan rangkaian komputer bagi menyokong komunikasi data dalam organisasi. Pelajar mempelajari protokol rangkaian, pengurusan infrastruktur, keselamatan rangkaian, pengaturcaraan rangkaian, pentadbiran server dan penyelesaian masalah berkaitan rangkaian. Program ini menggabungkan teori dan praktikal melalui makmal, projek dan simulasi untuk melahirkan graduan yang mahir mengurus rangkaian tempatan dan global bagi memastikan sambungan data yang stabil, selamat dan cekap.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Rangkaian Komputer: Konsep komunikasi data, topologi dan protokol rangkaian.
- Pengurusan Infrastruktur Rangkaian: Mengurus server, router, switch dan peranti rangkaian lain.
- Keselamatan Rangkaian: Melindungi rangkaian daripada ancaman, serangan dan kebocoran data.
- Pengaturcaraan Rangkaian: Membina aplikasi dan automasi berkaitan rangkaian.
- Pentadbiran Sistem Server: Mengurus sistem operasi server dan konfigurasi rangkaian.
- Projek Rangkaian Praktikal: Latihan praktikal dalam membina dan mengurus rangkaian sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Rangkaian Komputer diperlukan dalam industri seperti telekomunikasi, teknologi maklumat, e-dagang, perbankan, automasi industri dan syarikat multinasional bagi memastikan sistem rangkaian dan komunikasi data berfungsi lancar dan selamat. Kerjaya utama termasuk Jurutera Rangkaian, Pentadbir Rangkaian (Network Administrator), Juruteknik Rangkaian, Juruanalisis Keselamatan Rangkaian (Network Security Analyst), dan Juruperunding Infrastruktur IT (IT Infrastructure Consultant).

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Berminat dalam komputer dan teknologi • Teliti, sistematik dan mahir menyelesaikan masalah • Kreatif dalam membina penyelesaian • Suka bekerja secara praktikal • Berfikiran logik dan analitis • Mampu bekerja secara individu dan dalam pasukan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal/ Sosial: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



PEMBANGUNAN WEB & APLIKASI

WEB DEVELOPMENT & APPLICATION

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Pembangunan Web & Aplikasi memberi tumpuan kepada reka bentuk, pembangunan dan penyelenggaraan laman web dan aplikasi digital untuk pelbagai platform, termasuk web, mudah alih dan peranti pintar. Pelajar mempelajari bahasa pengaturcaraan, reka bentuk antaramuka (UI/UX), pangkalan data, keselamatan aplikasi dan pembangunan aplikasi berasaskan pengguna. Program ini menekankan projek dan pengalaman praktikal untuk melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan mampu membangunkan aplikasi yang cekap, interaktif dan mesra pengguna.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengaturcaraan Web: Mempelajari bahasa seperti HTML, CSS, JavaScript untuk membina laman web interaktif.
- Reka Bentuk UI/UX: Membina antaramuka yang mesra pengguna dan pengalaman digital yang baik.
- Pangkalan Data & SQL: Mengurus dan memproses data untuk aplikasi web dan mudah alih.
- Pembangunan Aplikasi Mudah Alih: Membina aplikasi untuk platform Android, iOS atau lain-lain.
- Keselamatan Aplikasi Web: Melindungi aplikasi daripada serangan siber dan kebocoran data.
- Projek Praktikal Pembangunan Aplikasi: Latihan secara praktikal dalam membina aplikasi sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pembangunan Web & Aplikasi diperlukan dalam industri seperti e-dagang, teknologi maklumat, perbankan, telekomunikasi, pendidikan, permainan digital dan syarikat teknologi untuk membina laman web dan aplikasi yang interaktif, selamat dan cekap. Kerjaya utama termasuk Pembangun Web (Web Developer), Pembangun Aplikasi Mudah Alih (Mobile App Developer), Pereka UI/UX, *Full Stack Developer* dan *Front-end / Back-end Developer*.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan berminat dalam reka bentuk serta teknologi digital • Teliti, sistematik dan berdisiplin • Minat dalam pengaturcaraan • Suka mencari penyelesaian inovatif • Mampu bekerja secara individu dan berpasukan • Berfikiran logik dan analitis

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/Fizikal/ Sosial: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



MULTIMEDIA MULTIMEDIA

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Multimedia memberi fokus kepada pembangunan kandungan digital interaktif seperti animasi, grafik, permainan digital dan aplikasi multimedia. Pelajar mempelajari reka bentuk visual, animasi 2D/3D, pemodelan digital, interaksi pengguna (UI/UX), multimedia web, dan teknik audio-visual. Program ini menekankan projek praktikal, latihan studio dan pengalaman praktikal untuk melahirkan graduan yang kreatif, inovatif dan mampu menghasilkan produk digital yang menarik, interaktif dan mesra pengguna.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Reka Bentuk Grafik Digital: Membina elemen visual untuk kandungan digital.
- Animasi 2D/3D: Membuat animasi interaktif untuk permainan, aplikasi atau media.
- Pemodelan & Simulasi Digital: Membangunkan model dan simulasi 3D untuk projek multimedia.
- Reka Bentuk UI/UX: Menghasilkan antaramuka dan pengalaman pengguna yang intuitif.
- Multimedia Web: Mengintegrasikan teks, audio, video dan grafik untuk aplikasi web.
- Projek Multimedia Praktikal: Latihan praktikal menghasilkan kandungan digital sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Multimedia diperlukan dalam industri seperti hiburan digital, permainan, e-dagang, pendidikan, pemasaran digital, agensi kreatif dan syarikat teknologi untuk menghasilkan kandungan interaktif, animasi dan media digital berkualiti. Kerjaya utama termasuk Pereka Multimedia, Animator, Pereka Permainan (Game Designer), Pereka UI/UX dan Pembangun Kandungan Digital (Digital Content Developer).

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif, imajinatif dan berminat dalam seni digital • Teliti, sistematik dan sukakan eksperimen • Berminat dalam animasi, grafik dan permainan digital • Mampu bekerja dalam projek kreatif dan berpasukan • Suka mencipta kandungan interaktif yang menarik • Berfikiran logik dan mampu menyelesaikan masalah reka bentuk

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/ Fizikal/ Sosial: PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS & MATEMATIK

- Fizik
- Kimia
- Biologi
- Matematik
- Sains Aktuari
- Statistik
- Genetik
- Mikrobiologi
- Sains Makanan
- Sains Persekitaran
- Sains Pertanian
- Sains & Pengurusan Haiwan



FIZIK PHYSICS

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Fizik memberi fokus kepada pemahaman saintifik tentang bagaimana alam semesta berfungsi iaitu merangkumi konsep tenaga, daya, gerakan, struktur bahan, gelombang, elektrik, magnet dan fenomena moden seperti fizik zarah serta fizik kuantum. Pelajar didedahkan kepada penggunaan peralatan saintifik, pemodelan matematik dan aplikasi teknologi yang penting dalam bidang penyelidikan, industri tenaga, teknologi angkasa, telekomunikasi dan industri pembuatan berteknologi tinggi.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Mekanik Klasik: Mengkaji pergerakan objek, hukum Newton dan aplikasi daya untuk memahami fenomena fizik dalam dunia nyata.
- Elektrik & Magnet: Mempelajari sifat cas elektrik, medan magnet, gelombang elektromagnet dan aplikasi dalam teknologi moden.
- Fizik Moden: Fokus pada teori relativiti, fizik zarah dan konsep kuantum yang menyokong teknologi canggih seperti laser & semikonduktor.
- Optik: Mengkaji cahaya, pembiasan, pantulan, lensa dan sistem optik yang digunakan dalam kamera, teleskop dan peranti optikal.
- Termodinamik: Mempelajari haba, tenaga dan perubahan keadaan bahan yang penting dalam industri tenaga dan pembuatan.
- Fizik Nuklear: Mengkaji struktur atom, radioaktiviti dan aplikasi nuklear dalam perubatan, tenaga dan penyelidikan saintifik.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Fizik mempunyai peluang kerjaya dalam sektor teknologi tinggi, tenaga, penyelidikan saintifik, industri semikonduktor, telekomunikasi, pendidikan, teknologi angkasa, industri pertahanan, data analitik dan makmal penyelidikan.

Graduan bidang ini diperlukan dalam organisasi yang memerlukan analisis saintifik, pengujian bahan, pembangunan teknologi dan penyelidikan berterusan. Kerjaya utama termasuk Juruteknik Fizik, Pembantu Penyelidik, Penganalisis Data Saintifik, Eksekutif Makmal, dan Pegawai Sains di agensi kerajaan atau industri teknologi.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Suka menganalisis • Berfikiran logik, kritikal dan sistematik • Minat eksperimen makmal dan penyelesaian masalah • Teliti dan suka bekerja dengan data serta peralatan saintifik • Berminat dalam matematik, teknologi dan konsep abstrak

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Fizik (B), Math/Kimia/ Bio (1B 1C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



KIMIA CHEMISTRY

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Kimia memberi tumpuan kepada kajian struktur, sifat dan tindak balas bahan pada peringkat atom dan molekul serta aplikasi kimia dalam industri, persekitaran dan bioteknologi. Pelajar mempelajari kimia organik, kimia tak organik, kimia analisis, kimia fizikal dan teknik makmal untuk memahami cara bahan dihasilkan, diubah suai dan dianalisis. Program ini membangunkan kemahiran berketepatan tinggi, pemikiran saintifik dan keupayaan menyelesaikan masalah melalui eksperimen dan analisis sampel.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Kimia Organik: Mengkaji struktur, tindak balas dan sintesis molekul berasaskan karbon.
- Kimia Tak Organik: Mempelajari bahan bukan organik termasuk logam, mineral dan sebatian kompleks.
- Kimia Analisis: Teknik analisis untuk mengenal pasti dan mengukur bahan dalam sampel.
- Kimia Fizikal: Mengkaji tenaga, kinetik, termodinamik dan tingkah laku molekul.
- Spektroskopi & Instrumen: Kaedah moden untuk menganalisis molekul menggunakan peralatan makmal.
- Kimia Industri: Aplikasi kimia dalam pembuatan bahan kimia, makanan, kosmetik dan farmaseutikal.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Kimia diperlukan dalam industri farmaseutikal, makanan, kosmetik, minyak & gas, kimia industri, penyelidikan makmal, kawalan mutu dan pemantauan persekitaran. Mereka terlibat dalam analisis bahan, pembangunan produk, kawalan kualiti dan penyelidikan saintifik. Kerjaya utama termasuk Pegawai Sains, Ahli Kimia, Juruteknik Makmal, Eksekutif Kawalan Kualiti (QC) dan Pembantu Penyelidik.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti dan cermat • Sukakan eksperimen dan menyelesaikan masalah • Sistematis dan teratur • Sabar dan fokus

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Kimia (C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



BIOLOGI BIOLOGY

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Biologi mengkaji kehidupan pada semua peringkat, daripada sel dan mikroorganisma hingga tumbuhan, haiwan dan ekosistem. Pelajar mempelajari struktur sel, genetik, evolusi, fisiologi, ekologi dan biologi molekul untuk memahami bagaimana organisma hidup berfungsi dan berinteraksi. Program ini menekankan kerja makmal, penyelidikan lapangan dan analisis data biologi. Ia membangunkan kemahiran saintifik yang penting dalam penyelidikan, bioteknologi, perubatan, konservasi dan pengurusan sumber semula jadi.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Biologi Sel: Struktur dan fungsi sel, komponen sel/organel serta proses asas kehidupan seperti metabolisme dan pembahagian.
- Genetik: Pewarisan sifat, mutasi, variasi dan kawalan ekspresi gen dalam organisma.
- Biokimia: Proses kimia dalam sel, enzim, metabolisme dan interaksi molekul hidup.
- Ekologi: Hubungan organisma dengan persekitaran dan dinamika populasi serta ekosistem.
- Fisiologi Haiwan & Tumbuhan: Fungsi sistem tubuh, termasuk peredaran, respirasi dan reproduksi.
- Biologi Molekul: Mekanisme DNA, RNA, protein, dan regulasi genetik.
- Bioteknologi Asas: Aplikasi organisma dalam perubatan, pertanian dan industri bioteknologi.
- Zoologi / Botani: Kajian struktur, fungsi, kepelbagaian dan adaptasi haiwan atau tumbuhan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam industri bioteknologi, makmal penyelidikan, konservasi alam sekitar, industri makanan, farmaseutikal dan kesihatan awam. Kerjaya utama termasuk Pembantu Penyelidik, Pegawai Sains, Eksekutif Makmal, Ahli Biologi, dan Pegawai Pemuliharaan.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati sains dan alam semula jadi • Teliti dan suka membuat eksperimen • Minat membuat penyelidikan dan kerja lapangan • Analitis dan berfikir secara saintifik • Suka mengkaji kehidupan dan tingkah laku organisma

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Bio (C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



MATEMATIK MATHEMATICS

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Matematik memberi tumpuan kepada kajian struktur angka, teori matematik, pemodelan, analisis dan penyelesaian masalah kompleks menggunakan pendekatan logik. Program ini melatih pelajar dalam kemahiran analisis, penaakulan, statistik, algebra, kalkulus dan pengaturcaraan matematik. Ia sangat penting dalam industri yang memerlukan analisis data, kewangan, sains komputer, teknologi dan penyelidikan. Graduan Matematik menjadi asas penting kepada bidang moden seperti Kecerdasan Buatan (AI), pembelajaran mesin, ekonomi, aktuari dan kejuruteraan data.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Kalkulus: Perubahan, derivatif dan integral, asas kepada sains dan kejuruteraan.
- Algebra Linear: Vektor, matriks, transformasi dan penyelesaian sistem linear.
- Statistik Asas: Kaedah mengumpul, menganalisis dan mentafsir data.
- Persamaan Pembezaan: Menyelesaikan model matematik bagi fenomena berubah.
- Analisis Matematik: Kajian fungsi, limit, kesinambungan dan bukti matematik.
- Kaedah Numerikal: Penyelesaian masalah matematik menggunakan komputer dan algoritma.
- Teori Nombor: Kajian sifat nombor dan pola matematik abstrak.
- Optimisasi: Menentukan penyelesaian terbaik bagi masalah kompleks dan nyata.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam industri kewangan, analitik data, perbankan, teknologi, penyelidikan sains, logistik dan pendidikan. Kerjaya utama termasuk Jurunalisis Data, Eksekutif Kewangan, Pembantu Penyelidik, Modeler Matematik dan Guru Matematik.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Berfikiran logik dan analitis • Minat menyelesaikan masalah • Sukakan angka dan pola • Teliti dan sistematik • Sabar dan cekap memahami teori kompleks

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.75, Math (C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS AKTUARI ACTUARIAL SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Aktuari memberi fokus kepada analisis risiko menggunakan kaedah matematik, statistik, kewangan dan model ramalan. Pelajar mempelajari bagaimana risiko dikira dalam insurans, pelaburan, kewangan, persaraan dan perbankan. Program ini sangat teknikal dan menekankan kemahiran analisis data, teori kebarangkalian, ekonomi dan model risiko. Graduan aktuari mendapat permintaan tinggi kerana kepakaran dalam menjangka/meramal risiko kewangan untuk organisasi.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Matematik Aktuari: Kaedah matematik untuk penilaian insurans, kewangan dan risiko.
- Teori Kebarangkalian: Analisis ketidakpastian, pengagihan statistik dan pengiraan risiko.
- Statistik Lanjutan: Teknik analisis data kompleks, model kebarangkalian dan tafsiran statistik.
- Kewangan & Pelaburan: Prinsip pengurusan kewangan, pelaburan dan pasaran modal.
- Ekonomi Mikro & Makro: Analisis ekonomi, pasaran dan kesan dasar kewangan.
- Pengurusan Risiko: Strategi menilai, mengurangkan dan mengurus risiko kewangan dan perniagaan.
- Model Survival & Hayat: Ramalan jangka hayat, kematian dan analisis populasi.
- Analitik Data untuk Aktuari: Pemodelan, analisis dan tafsiran data kewangan kompleks.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan aktuari sangat diperlukan dalam industri insurans, perbankan, kewangan, pelaburan, perundingan risiko dan syarikat besar yang memerlukan analisis risiko. Mereka membangunkan model kewangan, menilai risiko dan membantu organisasi membuat keputusan yang strategik. Kerjaya utama termasuk Aktuari, Penganalisis Risiko, Penganalisis Data Kewangan, Eksekutif Insurans, dan Perunding Risiko.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat meminati serta mahir matematik dan statistik • Berfikir secara logik dan analitis • Suka bekerja dengan nombor dan data • Sabar dan teliti • Meminati bidang kewangan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 3.00, Math (B), Fizik/ Kimia/ Bio (1B)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



STATISTIK STATISTICS

Ringkasan Pengajian:

Program Statistik memberi fokus kepada pengumpulan, analisis, interpretasi dan persembahan data bagi membuat keputusan yang tepat. Pelajar mempelajari kebarangkalian, inferens statistik, analitik data, pemodelan statistik, penggunaan perisian data dan teknik penyelidikan kuantitatif. Program ini penting dalam era Data Raya (Big Data) dan Kecerdasan Buatan (AI) kerana hampir semua sektor memerlukan penganalisis data. Graduan statistik sangat diperlukan dalam industri kewangan, penjagaan kesihatan, pemasaran, kerajaan, teknologi dan penyelidikan sosial.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Statistik Deskriptif & Inferensi: Merumus data, membuat anggaran dan kesimpulan.
- Teori Kebarangkalian: Model ketidakpastian, pengagihan dan pembolehubah rawak.
- Regresi & Korelasi: Hubungan antara pembolehubah dan ramalan hasil.
- Analisis Data Besar: Teknik pengurusan, analisis dan visualisasi data berskala besar.
- Reka Bentuk Eksperimen: Merancang kajian untuk mendapatkan keputusan/hasil yang sah dan boleh dipercayai.
- Analisis Siri Masa: Menganalisis data berdasarkan masa dan ramalan trend masa depan.
- Statistik Multivariat: Analisis serentak beberapa pembolehubah untuk pola yang kompleks.
- Pemodelan Ramalan: Membangunkan model ramalan menggunakan data sejarah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Statistik diperlukan dalam industri kewangan, teknologi, pemasaran, kerajaan, hospital, penyelidikan sosial dan analitik data. Kerjaya utama termasuk Ahli Statistik, Penganalisis Data (Data Analyst), Pegawai Penyelidik, Pegawai Kawalan Kualiti dan Eksekutif Data.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Suka bekerja dengan nombor dan data • Berfikir secara analitis dan logik • Teliti dan suka membuat rumusan • Sabar dan sistematik • Meminati komputer dan analitik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/Fizikal PNGK \geq 2.00, Bio (B-)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



GENETIK GENETICS

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Genetik memberi fokus kepada kajian warisan sifat, variasi biologi, dan bagaimana gen mengawal fungsi serta perkembangan organisma. Pelajar mempelajari DNA, struktur gen, mutasi, penyakit genetik, serta teknologi moden seperti CRISPR, bioinformatik dan kejuruteraan genetik. Program ini menekankan penyelidikan makmal, analisis data genetik, dan aplikasi genetik dalam perubatan, pertanian, bioteknologi serta konservasi biodiversiti. Program ini sesuai untuk pelajar yang berminat kepada biologi molekul dan penyelidikan saintifik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Genetik Asas: Pewarisan sifat, variasi dan asas biologi genetik.
- Genetik Molekul: Struktur, fungsi dan pengawalan DNA/RNA dalam sel.
- Biologi Sel: Fungsi sel sebagai unit asas kehidupan dan interaksi molekul.
- Biologi Struktur DNA & RNA: Analisis komponen genetik, pengawalan ekspresi gen.
- Analisis Genom: Kajian keseluruhan genom dan aplikasi bioteknologi.
- Kejuruteraan Genetik: Manipulasi gen untuk tujuan perubatan dan pertanian.
- Epigenetik: Perubahan ekspresi gen tanpa mengubah jujukan DNA.
- Genetik Tumor: Perubahan genetik menyebabkan kanser dan perkembangan tumor.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Genetik diperlukan dalam industri bioteknologi, penyelidikan perubatan, agrikultur moden, makmal diagnostik, kesihatan awam dan pemuliharaan biodiversiti. Graduan terlibat dalam penyelidikan DNA, pembangunan produk bioteknologi, analisis penyakit genetik dan pengurusan sumber biologi. Kerjaya utama termasuk Ahli Genetik, Penyelidik Bioteknologi, Pegawai Makmal Genetik, Bioinformatik, dan Pegawai Diagnostik Molekul.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati biologi dan penyelidikan • Analitis dan sistematik • Minat memahami struktur kehidupan • Teliti dan sabar • Berminat teknologi biologi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat/Fizikal PNGK \geq 2.50, Bio (B)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



MIKROBIOLOGI MICROBIOLOGY

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Mikrobiologi mengkaji mikroorganisma seperti bakteria, virus, kulat dan protozoa serta peranannya dalam manusia, industri, alam sekitar dan penyakit. Pelajar akan mempelajari teknik makmal mikrobiologi, patogen, proses fermentasi, imunologi serta penggunaan mikrob dalam bioteknologi dan industri makanan. Program ini sangat praktikal, melibatkan kerja kultur mikroorganisma dan analisis mikroskopik. Program ini sesuai bagi pelajar yang ingin mendalami dunia mikrob dan aplikasinya dalam kesihatan serta industri.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Mikrobiologi Umum: Pengenalan mikroorganisma, struktur, nutrien dan pertumbuhan.
- Mikrobiologi Perubatan: Mikroorganisma penyebab penyakit dan pencegahannya.
- Mikrobiologi Persekitaran: Peranan mikrob dalam ekosistem dan habitat semula jadi.
- Mikrobiologi Industri: Penggunaan mikrob dalam farmaseutikal, makanan dan bio-produksi.
- Imunologi Asas: Sistem pertahanan badan, antibodi dan tindak balas imun.
- Parasitologi: Kajian parasit manusia/haiwan, kitar hayat dan kawalan.
- Patogenesis Mikrob: Mekanisme mikrob menyebabkan penyakit dan kerosakan.
- Bioteknologi Mikrob: Memanfaatkan mikrob untuk aplikasi saintifik dan industri.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Mikrobiologi bekerja dalam industri kesihatan, farmaseutikal, makanan & minuman, makmal patologi, bioteknologi dan keselamatan awam. Mereka menjalankan ujian mikrob, kawalan penyakit, penyelidikan vaksin dan keselamatan makanan. Kerjaya utama termasuk Ahli Mikrobiologi, Pegawai Makmal Kesihatan, Penyelidik Vaksin, Pegawai Kawalan Kualiti Makanan dan Pegawai Kesihatan Persekitaran.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati biologi & mikrob • Sabar dan teliti • Suka kerja makmal • Pemikiran kritikal • Meminati bidang kesihatan atau makanan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Bio (B-), Math/Kimia /Fizik (1B 1C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS MAKANAN

FOOD SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Makanan memberi tumpuan kepada sains di sebalik penghasilan, pemprosesan, keselamatan dan inovasi produk makanan. Pelajar mempelajari kimia makanan, mikrobiologi makanan, teknologi pemprosesan, nutrisi, dan kawalan kualiti. Program ini menggabungkan penyelidikan makmal, analisis produk serta pembangunan produk makanan baharu mengikut keperluan industri makanan moden. Ijazah ini sesuai untuk pelajar yang minat mengkaji makanan, sains dan inovasi produk pengguna.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Kimia Makanan: Komponen kimia dan perubahan semasa penyimpanan/ pemprosesan.
- Mikrobiologi Makanan: Mikroorganisma dalam makanan, keselamatan dan pengawetan.
- Teknologi Pemprosesan Makanan: Teknik penghasilan, pengawetan dan pemprosesan moden.
- Nutrisi & Dietetik Asas: Keperluan nutrien manusia dan impak kesihatan.
- Kejuruteraan Makanan: Prinsip reka bentuk proses makanan dan industri.
- Keselamatan & Kualiti Makanan: Kawalan kualiti, standard HACCP dan peraturan.
- Sensori & Analisis Deria: Penilaian rasa, aroma, tekstur dan penerimaan makanan.
- Pembungkusan Makanan: Teknologi pembungkusan, keselamatan dan penyimpanan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sains Makanan diperlukan dalam industri makanan & minuman, nutrisi, kawalan kualiti, penyelidikan makanan, dan keselamatan makanan. Mereka terlibat dalam analisis produk, R&D makanan, pengurusan kilang dan pemantauan pawaian keselamatan. Kerjaya utama termasuk Ahli Teknologi Makanan (Food Technologist), Pegawai Kawalan Kualiti, Penyelidik Produk Makanan, Pegawai Keselamatan Makanan dan Eksekutif Pengeluaran Makanan.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam dalam biologi dan kimia • Kreatif dalam mencipta produk • Teliti dan sistematik • Suka analisis dan eksperimen berkaitan makanan • Berminat dalam industri pengguna

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI

Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Kimia (C)

STPM

PNGK \geq 2.67, Pengajian Am (C) + Kimia, Biologi/Fizik/ Math (2C)

STAM

Tiada Laluan

A LEVEL

DD Biology/Chemistry + Physics/Math

DIPLOMA

Diploma Berkaitan (Sains/ Sains Kesihatan/ Pemakanan) PNGK \geq 2.75

DVM/ DKM

Tiada Laluan

MERIT UPU

72%



SAINS PERSEKITARAN ENVIRONMENTAL SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Persekitaran mengkaji hubungan manusia dan alam sekitar termasuk pencemaran, ekologi, pemuliharaan dan pengurusan sumber semula jadi. Pelajar akan mempelajari kaedah pemantauan alam sekitar, pengurusan sisa, perubahan iklim dan dasar persekitaran. Program ini menggabungkan kajian lapangan, analisis sampel dan penilaian impak alam sekitar (EIA). Ia sesuai bagi pelajar yang berminat dalam isu alam sekitar dan kelestarian.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Ekologi & Biodiversiti: Kajian hubungan organisma, spesies dan kepelbagaian ekosistem dalam persekitaran semula jadi.
- Pengurusan Sumber Alam: Strategi pemuliharaan dan penggunaan tanah, air, flora dan fauna secara lestari.
- Pencemaran Udara, Air & Tanah: Punca, kesan dan kawalan pencemaran alam sekitar.
- Sains Atmosfera: Fenomena cuaca, iklim, perubahan global dan impaknya terhadap ekosistem.
- Penilaian Impak Alam Sekitar: Analisis kesan pembangunan dan aktiviti manusia terhadap alam sekitar.
- Teknologi Hijau & Kelestarian: Kaedah inovatif untuk pengurangan impak alam dan penggunaan tenaga hijau.
- Undang-undang Alam Sekitar: Polisi, peraturan dan penguatkuasaan untuk perlindungan alam sekitar.
- Pengurusan Sisa Pepejal: Kaedah rawatan, kitar semula dan pengurangan sisa industri dan domestik.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan sesuai dalam sektor kerajaan, industri pembinaan, firma EIA, konsultansi alam sekitar, tenaga boleh diperbaharui dan NGO ekologi. Mereka terlibat dalam pemantauan alam sekitar, penilaian risiko dan pemuliharaan sumber. Kerjaya utama termasuk Pegawai Alam Sekitar, Perunding EIA, Ekologis, Pegawai Pemuliharaan dan Pegawai Kawalan Pencemaran.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Cintakan alam semula jadi • Prihatin berkenaan isu kelestarian • Meminati kerja di lapangan • Mampu menganalisis data • Minat dalam polisi dan pengurusan alam

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Kimia (C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS PERTANIAN AGRICULTURAL SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Sains Pertanian memberi tumpuan kepada pengeluaran tanaman dan ternakan secara moden, teknologi pertanian, sains tanah, pengurusan perladangan dan keselamatan makanan. Pelajar mempelajari agronomi, agribisnes, kejuruteraan pertanian, bioteknologi dan sistem pertanian pintar. Program ini relevan dengan keperluan global terhadap pengeluaran makanan mampan. Ia sesuai untuk pelajar yang berminat dengan ladang, biologi tumbuhan dan teknologi pertanian.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Sains Tanaman: Teknik pertumbuhan, pembiakan dan pengurusan pelbagai jenis tanaman.
- Sains Tanah: Kajian kesuburan, nutrien, struktur tanah dan pengurusan pertanian berkesan.
- Teknologi Akuakultur: Penternakan ikan, udang dan hidupan air lain secara efisien.
- Agronomi: Prinsip dan teknik pengurusan ladang dan penanaman tanaman secara moden.
- Hortikultur: Penanaman buah-buahan, sayur-sayuran, bunga dan tanaman hiasan.
- Pengurusan Perosak & Penyakit: Kaedah kawalan serangga, kulat dan penyakit tanaman.
- Teknologi Mesin & Mekanisasi: Penggunaan mesin dan automasi dalam pertanian moden.
- Pengeluaran Ternakan: Teknik penternakan lembu, kambing, ayam dan pengurusan produktiviti.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam perladangan, agribisnes, agroteknologi, penyelidikan tanaman, kerajaan dan industri makanan. Mereka terlibat dalam pengurusan ladang, pembangunan teknologi tanaman dan perundingan pertanian. Kerjaya utama termasuk Pegawai Pertanian, Agronomis, Pengurus Ladang, Penyelidik Tanaman, dan Perunding Agribisnes.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati alam & tumbuhan • Sukakan kerja lapangan • Sabar dan sistematik • Berfikir secara praktikal • Meminati teknologi pertanian

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (1C)
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT
DIPLOMA
Diploma Sains Komputer / IT PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



SAINS & PENGURUSAN HAIWAN

ANIMAL SCIENCE & MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program ini mengkaji biologi, kesihatan, pembiakan, perilaku dan pengurusan haiwan ternakan serta haiwan peliharaan. Pelajar mempelajari nutrisi haiwan, genetik haiwan, fisiologi, penternakan moden dan kebajikan haiwan. Program ini sangat relevan dengan industri ternakan, veterinar, zoo, dan penyelidikan biologi haiwan. Sesuai bagi pelajar yang meminati haiwan dan bekerja dalam sektor yang berkaitan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Fisiologi Haiwan: Kajian fungsi organ dan sistem tubuh haiwan serta mekanisme fisiologi.
- Nutrisi Haiwan: Keperluan pemakanan haiwan, diet seimbang dan kesan kesihatan.
- Pembiakan & Genetik Haiwan: Teknik pembiakan, pemilihan sifat dan genetik haiwan ternakan.
- Pengurusan Ternakan: Pengurusan operasi ternakan secara sistematik dan efisien.
- Kesihatan Haiwan Asas: Pencegahan, pengesanan dan rawatan penyakit asas haiwan.
- Teknologi Makanan Haiwan: Penghasilan makanan ternakan berkualiti dan berkhasiat.
- Perniagaan & Ekonomi Penternakan: Pengurusan kos, pasaran dan keuntungan penternakan.
- Pengeluaran Produk Haiwan: Proses pengeluaran susu, telur, daging dan produk sampingan lain.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan bekerja dalam industri ternakan, penternakan komersial, kebajikan haiwan, zoo, penyelidikan, dan institusi veterinar. Mereka membantu meningkatkan produktiviti haiwan, mengurus ladang, memberi khidmat teknikal dan menjalankan penyelidikan. Kerjaya utama termasuk Pegawai Ternakan, Penyelidik Haiwan, Pengurus Ladang Ternakan, Pegawai Kebajikan Haiwan dan Eksekutif Nutrisi Haiwan.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam pada haiwan • Suka kerja lapangan • Prihatin dan penyayang • Kemahiran pemerhatian yang baik • Minat sains dan biologi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI

Sains Hayat /Fizikal PNGK \geq 2.00, Fizik/ Math/Kimia/ Bio (1C)

STPM

PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Fizik/ Kimia/ Biologi/ ICT, Maths (2C)

STAM

Pangkat Jaryid

A LEVEL

CC Math, Physics/Chemistry/Biology/ICT

DIPLOMA

Diploma Sains Komputer / IT
PNGK \geq 2.50

DVM/ DKM

Tiada Laluan

MERIT UPU

82%



PENDIDIKAN, REKABENTUK & SENI

- Pendidikan
- Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL)
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak
- Pendidikan Islam
- Pendidikan Khas
- Seni Bina
- Reka Bentuk Perindustrian
- Reka Bentuk Dalaman
- Reka Bentuk Grafik / Komunikasi Visual
- Seni Halus
- Pengurusan Industri Kreatif
- Reka Bentuk Fesyen



PENDIDIKAN EDUCATION

Ringkasan Pengajian:

Program ini melatih bakal guru dalam bidang pengkhususan tertentu seperti Sains, Matematik, Bahasa Melayu, Sejarah, Geografi atau lain-lain, dengan penekanan pada pedagogi, psikologi pendidikan, kaedah pengajaran moden dan pengurusan bilik darjah. Pelajar akan menguasai teori pendidikan, kemahiran komunikasi, teknik penyampaian kandungan subjek serta latihan mengajar di sekolah untuk membentuk dan melahirkan para pendidik yang berkaliber dan profesional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Falsafah & Psikologi Pendidikan: Mengkaji teori pembelajaran, perkembangan murid dan asas pendidikan.
- Kaedah Pengajaran Bidang: Teknik penyampaian subjek mengikut bidang akademik tertentu.
- Pengurusan Bilik Darjah: Strategi mengurus tingkah laku dan suasana pembelajaran kondusif.
- Pentaksiran & Penilaian: Kaedah menyediakan ujian dan menilai tahap penguasaan murid.
- Teknologi Pendidikan: Penggunaan alat digital dan media bagi meningkatkan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).
- Pembangunan Kurikulum: Proses merancang kandungan dan hasil pembelajaran subjek.
- Komunikasi Profesional Guru: Kemahiran berinteraksi dengan murid, guru dan ibu bapa.
- Praktikum Pengajaran: Latihan mengajar sebenar di sekolah untuk pengalaman praktikal.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan program ini diperlukan dalam sektor pendidikan awam dan swasta termasuk sekolah, pusat tuisyen, pusat latihan dan institusi pendidikan tinggi. Industri pendidikan sentiasa berkembang memerlukan guru, penyelar kurikulum dan tenaga pengajar berkualiti. Kerjaya utama: Guru sekolah, Pegawai Pendidikan dan Penyelar Kurikulum.

Holland Code	Personaliti
Social Artistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Penyabar • Suka berkomunikasi • Bertanggungjawab • Empati tinggi • Suka mengajar dan membantu

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI	PNGK \geq 2.50 + Keperluan subjek mengikut Bidang
STPM	PNGK \geq 2.75, Pengajian Am (C) + Keperluan subjek mengikut Bidang
STAM	Pangkat Jajyyid
A LEVEL	CC, Subject requirement according to field of study
DIPLOMA	Bidang berkaitan, PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM	Bidang berkaitan, PNGK \geq 2.50
MERIT UPU	-

Nota: Selain Syarat Akademik, calon perlu Lulus Ujian MEdSI dan Temuduga



PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA TEACHING ENGLISH AS A SECOND LANGUAGE (TESL)

Ringkasan Pengajian:

Program TESL memberi tumpuan kepada penguasaan bahasa Inggeris, linguistik serta teknik pengajaran Bahasa Inggeris. Pelajar dilatih memahami struktur bahasa, fonetik, pemerolehan bahasa kedua, pedagogi moden dan penilaian bahasa. Program ini menggabungkan teori, latihan bahasa intensif dan praktikum yang membolehkan pelajar menjadi guru Bahasa Inggeris yang berkesan di sekolah kerajaan atau institusi swasta.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Linguistik Asas: Kajian struktur bahasa dan komponen linguistik.
- Fonetik & Fonologi: Penghasilan bunyi pertuturan dan sistem sebutan.
- Language Teaching Methodology: Kaedah mengajar Bahasa Inggeris secara interaktif dan moden.
- Second Language Acquisition: Proses pelajar memperoleh bahasa kedua secara semula jadi.
- Academic Reading & Writing: Latihan membaca dan menulis dalam konteks akademik.
- English Literature Studies: Kajian karya sastera untuk meningkatkan kefahaman bahasa.
- Assessment: Penyediaan ujian bahasa dan penilaian kemahiran pelajar.
- Teaching Practicum: Pengajaran sebenar Bahasa Inggeris di sekolah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan TESL diperlukan dalam sektor pendidikan, pusat bahasa, institusi swasta dan industri latihan korporat yang memerlukan tenaga pengajar bahasa profesional. Kerjaya utama: Guru Bahasa Inggeris, Jurulatih Bahasa, Penulis Kandungan (Content Writer) dan Pegawai Kurikulum Bahasa.

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50, Mana-mana subjek (3B) + English SPM (B)
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + English SPM (B)
STAM
Pangkat Jayyid + English SPM (B)
A LEVEL
CC + English SPM (B)
DIPLOMA
Diploma B. Inggeris PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
79%

Nota: Selain Syarat Akademik, calon perlu Lulus Ujian MEDSI dan Temuduga

Holland Code	Personaliti
Social Artistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Fasih dan minat mendalam dalam bahasa Inggeris • Suka membaca dan menulis • Kemahiran komunikasi yang baik • Kreatif dalam penyampaian bahasa • Sabar dan penyayang



PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

EARLY CHILDHOOD EDUCATION

Ringkasan Pengajian:

Program ini memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak berumur 1–6 tahun, merangkumi aspek kognitif, emosi, sosial dan fizikal. Pelajar akan mempelajari teknik pengajaran awal, literasi asas, keselamatan, pengurusan pusat prasekolah, reka bentuk permainan dan pendekatan pembelajaran berasaskan aktiviti. Latihan praktikum memberi pengalaman dalam mengurus dan mengajar kanak-kanak secara profesional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Perkembangan Kanak-Kanak: Kajian pertumbuhan mental, fizikal dan emosi awal.
- Asuhan & Keselamatan: Prinsip penjagaan dan keselamatan pusat prasekolah.
- Awal Literasi & Numerasi: Teknik mengajar asas membaca, menulis dan mengira.
- Seni Kreatif & Muzik: Aktiviti seni yang merangsang kreativiti kanak-kanak.
- Pengurusan Pusat Prasekolah: Mengurus operasi harian dan dokumentasi prasekolah.
- Pembelajaran Berasaskan Permainan: Menggunakan permainan bagi merangsang pembelajaran.
- Kurikulum Prasekolah: Perancangan pembelajaran mengikut standard perkembangan awal.
- Praktikum Pendidikan Awal: Mengajar kanak-kanak dalam situasi sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh bekerja dalam industri pendidikan awal seperti tadika, prasekolah, pusat perkembangan kanak-kanak dan pusat terapi. Permintaan tinggi dalam sektor swasta dan kerajaan. Kerjaya utama: Guru Prasekolah, Pengurus Tadika, Pembantu Terapi Kanak-Kanak, Penyelia Pusat Asuhan, Pegawai Pembangunan Kanak-Kanak.

Holland Code	Personaliti
Social Artistic Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Sukakan kanak-kanak • Penyayang dan penyabar • Ceria dan bersemangat • Kreatif dengan aktiviti pembelajaran • Sifat empati yang tinggi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
B-B- Any Subject
DIPLOMA
Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
DVM/DKM Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
84%

Nota: Selain Syarat Akademik, calon perlu Lulus Ujian MEdSI dan Temuduga



PENDIDIKAN ISLAM

ISLAMIC EDUCATION

Ringkasan Pengajian:

Program ini melatih pelajar menguasai ilmu-ilmu teras Islam seperti akidah, fiqh, tafsir, hadis dan tamadun serta mengaplikasikan pedagogi Islam dalam pengajaran. Pelajar akan mempelajari kaedah penyampaian yang berkesan, pendidikan akhlak, pengurusan sekolah Islam dan penilaian pendidikan Islam. Pelajar juga akan mengikuti latihan mengajar yang akan memberikan pengalaman sebenar dalam bilik darjah.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Akidah Islam: Kajian asas keimanan, konsep ketuhanan dan prinsip kepercayaan Islam.
- Fiqh Ibadah: Hukum-hukum berkaitan ibadah harian seperti solat, puasa dan zakat.
- Tafsir dan Ulum al-Quran: Pemahaman ayat-ayat terpilih serta ilmu berkaitan al-Quran.
- Hadis dan Ulum al-Hadis: Kajian hadis sahih serta prinsip memahami dan mengaplikasikannya.
- Sejarah Tamadun Islam: Perkembangan tamadun Islam dan sumbangan ilmuwan Islam.
- Pedagogi Pendidikan Islam: Kaedah mengajar P.Islam secara berkesan dan berhemah.
- Akhlak dan Tasawuf: Pembentukan sahsiah, nilai moral dan pembersihan jiwa.
- Praktikum: Pengajaran Pendidikan Islam dalam kelas sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam sekolah agama, institusi tahfiz, pusat pendidikan Islam dan jabatan kerajaan berkaitan hal ehwal agama. Kerjaya utama: Guru Pendidikan Islam, Pegawai Hal Ehwal Agama, Pegawai Dakwah, Penyelidik Pengajian Islam.

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
Peng. Islam/ Sains Sosial/ Bahasa Arab \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + Bahasa Arab (C) + Usuluddin/Syariah/Tahfiz Al-Quran (C)
STAM
Pangkat Jaiyyid
A LEVEL
CC Islamic Studies, Any Subject
DIPLOMA
Diploma Pendidikan Islam PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
55%

Nota: Selain Syarat Akademik, calon perlu Lulus Ujian MEEdSI dan Temuduga

Holland Code	Personaliti
Social Enterprising Artistic	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalam terhadap ilmu agama • Sabar dan berdisiplin • Suka mengajar dan berdakwah • Teliti dalam memahami teks agama



PENDIDIKAN KHAS

SPECIAL EDUCATION

Ringkasan Pengajian:

Program ini melatih guru yang mampu mengajar murid berkeperluan khas seperti autisme, masalah pembelajaran, pendengaran atau ketidakupayaan fizikal. Kurikulumnya merangkumi psikologi perkembangan khas, intervensi, terapi sokongan, teknologi bantuan dan pengurusan tingkah laku. Pelajar akan dilatih melalui praktikum untuk memahami cara mengendalikan murid khas secara profesional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan Pendidikan Khas: Jenis ketidakupayaan dan sokongan yang diperlukan.
- Psikologi Perkembangan Khas: Tingkah laku dan perkembangan murid khas.
- Modifikasi Kurikulum: Menyesuaikan bahan pembelajaran mengikut kemampuan pelajar.
- Intervensi & Terapi: Kaedah membantu murid melalui intervensi tingkah laku/ pertuturan.
- Pengurusan Tingkah Laku: Strategi mengendalikan tingkah laku yang mencabar.
- Teknologi Bantuan: Alat bantu pembelajaran bagi murid berkeperluan khas.
- Penilaian Diagnostik: Menilai keupayaan akademik dan perkembangan murid.
- Praktikum: Latihan mengajar dalam kelas pendidikan khas sebenar.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam sekolah pendidikan khas, pusat intervensi awal, pusat terapi, NGO dan institusi kebajikan. Kerjaya utama: Guru Pendidikan Khas, Juruterapi Pembelajaran, Pegawai Kebajikan, Pembantu Terapi, Penyelaras Pendidikan Khas.

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.00
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Bidang berkaitan, PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
89%

Nota: Selain Syarat Akademik, calon perlu Lulus Ujian MEDSI dan Temuduga

Holland Code	Personaliti
Social Enterprising Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat penyabar • Empati dan memahami keperluan orang lain • Penyayang • Boleh menangani tekanan • Komunikasi yang baik



SENI BINA ARCHITECTURE

Ringkasan Pengajian:

Program Seni Bina memberi fokus kepada proses merancang, mereka bentuk, dan membangunkan ruang binaan yang selamat, estetik, dan berfungsi, sambil mempertimbangkan aspek budaya, struktur, persekitaran dan teknologi pembinaan. Pelajar mempelajari keseimbangan antara kreativiti seni serta ketepatan teknikal melalui latihan studio, analisis tapak, penggunaan perisian reka bentuk profesional dan kajian terhadap prinsip pembinaan moden serta lestari.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Reka Bentuk Senibina: Menghasilkan konsep, lakaran dan model reka bentuk bangunan yang terperinci.
- Binaan & Bahan Bangunan: Mengkaji struktur, bahan, dan teknik pembinaan sebenar.
- Teknologi Seni Bina: Menggunakan teknologi digital dan BIM dalam proses reka bentuk.
- Reka Bentuk Alam Sekitar: Menilai faktor iklim dan kelestarian dalam pembangunan bangunan.
- Sejarah & Teori Senibina: Memahami perkembangan idea, gaya dan tokoh penting seni bina.
- Perancangan & Analisis Tapak: Menilai konteks tapak untuk keputusan reka bentuk yang tepat.
- Reka Bentuk Bantuan Komputer (CAD): Menghasilkan pelan dan visual 3D menggunakan perisian profesional.
- Amalan Profesional: Memahami peraturan, etika dan pengurusan projek dalam industri seni bina.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Seni Bina mempunyai peluang luas dalam industri pembinaan, syarikat reka bentuk, firma perunding, agensi kerajaan, pemaju hartanah serta industri reka bentuk dan teknologi 3D. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuk Arkitek, Penolong Arkitek, Perancang Bandar, Pereka Dalaman dan Perunding Reka Bentuk Bangunan yang semuanya memainkan peranan penting dalam pembangunan ruang binaan moden.

Holland Code	Personaliti
Artistic Investigative Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan suka menghasilkan idea visual • Teliti serta mempunyai kemahiran teknikal • Minat seni, pembinaan dan teknologi • Sabar dengan proses kerja terperinci • Suka menyelesaikan masalah reka bentuk

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
BB Any Subject
DIPLOMA
Diploma Seni Bina PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
DVM/DKM Berkaitan \geq 2.50
MERIT UPU
83%



SENI BINA DALAMAN INTERIOR ARCHITECTURE

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Seni Bina Dalaman memberi tumpuan kepada pembangunan ruang dalaman yang estetik, selesa, selamat, dan berfungsi. Pelajar mempelajari perancangan ruang, reka bentuk konsep, pemilihan bahan dan perabot, pencahayaan, warna, serta penyediaan lukisan teknikal. Program ini melatih graduan menjadi pereka dalaman yang kreatif dan berkemahiran tinggi, serta mampu menguruskan projek dari konsep hingga pelaksanaan untuk memenuhi kehendak pelanggan dan industri.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Konsep Reka Bentuk Dalaman: Membangunkan identiti ruang melalui idea kreatif dan tema.
- Perancangan Ruang: Menyusun atur ruang agar praktikal, selamat dan menarik.
- Warna & Pencahayaan: Memahami psikologi warna dan teknik pencahayaan untuk suasana optimum.
- Perabot & Aksesori: Memilih perabot sesuai bentuk, ergonomik, dan estetika ruang.
- Lukisan Teknikal Dalaman: Menghasilkan pelan lantai, elevasi, dan bahagian teknikal.
- Pemodelan & Pemaparan 3D: Menghasilkan ruang visual yang realistik untuk pembentangan.
- Bahan & Kemasan: Memahami tekstur, kemasan dan ketahanan bahan dalaman.
- Pengurusan Projek Dalaman: Mengurus bajet, penyeliaan tapak dan penyelarasan kerja.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Seni Bina Dalaman berpeluang bekerja dalam firma reka bentuk dalaman, syarikat pembangunan hartanah, pembinaan, perabot, dekorasi, dan konsultansi ruang. Mereka terlibat dalam menghasilkan konsep, visualisasi 3D, penyediaan lukisan teknikal, pengurusan projek, dan pengawasan pemasangan ruang. Kerjaya utama termasuk Pereka Dalaman, Visualiser 3D, Perunding Dekorasi, Pembantu Projek Dalaman dan Penyedia Lukisan Teknikal, yang memainkan peranan penting dalam memastikan ruang dalaman berfungsi dengan baik dan menarik.

Holland Code	Personaliti
Artistic Enterprising Social	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan minat reka bentuk ruang • Teliti dan peka kepada perincian • Berkemahiran komunikasi dan kerjasama • Suka dekorasi dan estetik • Sanggup bekerja mengikut jadual dan projek

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Mana-mana Subjek (2C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
BB Biology/Chemistry/Math/ F Math/ Physics
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
DVM/DKM Berkaitan, PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
76%



REKA BENTUK PERINDUSTRIAN INDUSTRIAL DESIGN

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian memberi tumpuan kepada penciptaan produk inovatif yang estetik, ergonomik, dan berfungsi untuk kegunaan harian. Pelajar mempelajari proses reka bentuk dari kajian pengguna, lakaran, model 3D, pemilihan bahan, prototaip, hingga ke penghasilan produk akhir. Program ini membina kemahiran praktikal dan kreatif, serta menggalakkan penyelesaian masalah inovatif untuk memenuhi keperluan pasaran dan industri global.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Lakaran Produk: Menghasilkan lakaran awal produk untuk memvisualisasikan idea kreatif.
- Kajian Pengguna & Ergonomik: Menilai keselesaan, keselamatan, dan keperluan pengguna.
- Model 3D & CAD: Menghasilkan model digital untuk visualisasi dan pengeluaran.
- Prototaip: Membina prototaip fizikal bagi menguji fungsi dan reka bentuk.
- Teknologi Bahan: Mempelajari sifat dan kegunaan pelbagai bahan dalam produk.
- Reka Bentuk Mekanikal Asas: Memahami komponen bergerak dan mekanisme asas.
- Reka Bentuk Mampan: Mengaplikasikan prinsip mesra alam dalam proses pengeluaran.
- Pemasaran Produk: Strategi promosi dan penjenamaan untuk produk kreatif.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Reka Bentuk Perindustrian berpeluang bekerja dalam industri pembuatan, automotif, elektronik, perabot, perusahaan kecil, dan startup teknologi. Mereka boleh terlibat dalam reka bentuk konsep, pembangunan prototaip, penghasilan dokumentasi CAD, kajian pengguna serta pembangunan produk inovatif yang memenuhi pasaran. Kerjaya utama termasuk Pereka Produk, Pembuat Prototaip, Pereka Perabot dan Pereka Peralatan Elektronik Pengguna yang memainkan peranan penting dalam memastikan produk berkualiti tinggi dan mesra pengguna.

Holland Code	Personaliti
Artistic Enterprising Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan suka mencipta objek • Praktikal dan berfikir inovatif • Teliti dan sabar dalam kerja prototaip • Berminat dengan teknologi dan reka bentuk • Mempunyai imaginasi visual yang kuat

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
DD Any Subject, (IPTS Only)
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
MERIT UPU
83%



REKA BENTUK GRAFIK / KOMUNIKASI VISUAL

GRAPHIC DESIGN / VISUAL COMMUNICATION

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Reka Bentuk Grafik atau Komunikasi Visual memberi tumpuan kepada penciptaan imej visual yang menarik, berkesan, dan mampu menyampaikan mesej secara jelas kepada audiens. Pelajar mempelajari prinsip reka bentuk, tipografi, ilustrasi, layout, identiti jenama, penghasilan kandungan digital, dan pemasaran visual. Program ini membina kreativiti, kemahiran teknikal, dan pemahaman strategi komunikasi bagi melahirkan graduan yang mampu menghasilkan karya visual profesional untuk industri kreatif tempatan dan antarabangsa.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Tipografi: Mengkaji penggunaan huruf secara kreatif dan fungsinya dalam komunikasi visual.
- Asas Reka Bentuk Grafik: Memahami prinsip komposisi, kontras,imbangan, dan teori warna.
- Ilustrasi Digital: Menghasilkan ilustrasi kreatif menggunakan perisian untuk media digital dan cetak.
- Reka Bentuk Logo & Identiti Jenama: Membina identiti visual untuk jenama termasuk logo dan sistem visual.
- Reka Bentuk Media Sosial: Menghasilkan visual kreatif untuk kempen digital dan pemasaran media sosial.
- Fotografi Asas: Teknik mengambil gambar yang efektif untuk projek reka bentuk.
- Reka Bentuk Iklan: Mempelajari strategi visual dan kreativiti dalam pengiklanan.
- Layout & Publishing: Menghasilkan susunan visual untuk majalah, buku, brosur dan penerbitan lain.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Reka Bentuk Grafik boleh bekerja di agensi kreatif, studio reka bentuk, syarikat media, penerbitan, pemasaran digital, syarikat korporat dan industri pengiklanan. Mereka terlibat dalam menghasilkan identiti visual, bahan pemasaran, ilustrasi, kandungan digital dan editorial bagi memastikan mesej disampaikan dengan berkesan. Kerjaya utama termasuk Pereka Grafik, Ilustrator Digital, Pereka Media Sosial, Pereka Jenama dan Editor Susun Atur yang memainkan peranan penting dalam memastikan visual dan komunikasi kreatif memenuhi permintaan pasaran.

Holland Code	Personaliti
Artistic Enterprising Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan berimaginasi tinggi • Teliti dan peka terhadap detail visual • Minat dalam seni visual dan teknologi digital • Berkemahiran menggunakan perisian reka bentuk • Mampu bekerja mengikut tarikh akhir projek

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.00
STPM
PNGK ≥ 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.00
MERIT UPU
82%



SENI HALUS

FINE ARTS

Ringkasan Pengajian:

Program Seni Halus memberi fokus kepada penghasilan karya seni visual melalui latihan studio, teori seni dan eksperimen bahan. Pelajar akan mempelajari teknik lukisan, arca, cetakan, reka bentuk dan media campuran sambil memahami sejarah seni serta kaedah kritikan. Program ini mengembangkan kreativiti, ekspresi visual, kemahiran teknikal dan pemikiran artistik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Lukisan Asas dan Interpretasi: Teknik melukis, analisis visual dan ekspresi idea secara kreatif.
- Reka Bentuk dan Komposisi: Prinsip susunan visual, elemen seni dan penyelesaian masalah estetika.
- Arca dan Seni Tiga Dimensi: Penghasilan arca menggunakan tanah liat, plaster atau bahan campuran.
- Cetakan (Printmaking): Teknik serigrafi, lino, etsa dan proses cetakan artis.
- Sejarah Seni dan Kritikan: Kajian pergerakan seni dunia serta analisis kritikal karya.
- Media Campuran dan Eksperimen: Penggunaan bahan baharu untuk mencipta karya inovatif.
- Studio Practice: Pengeluaran karya seni besar melalui bimbingan pensyarah.
- Projek Akhir Seni: Penghasilan pameran karya sebagai kemuncak pengajian.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Seni Halus diperlukan dalam industri kreatif, galeri seni, produksi media, pengiklanan dan perusahaan seni bebas. Kerjaya utama: Artis Visual, Pereka Grafik, Kurator Galeri, Ilustrator, Tenaga Pengajar Seni.

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.00
STPM
PNGK ≥ 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.00
MERIT UPU
70%

Holland Code	Personaliti
Artistic Enterprising Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Sangat kreatif dan imaginatif • Suka bereksperimen dengan idea dan bahan • Ekspresif dan menghargai estetika • Sabar dalam proses menghasilkan karya • Terbuka kepada kritikan



PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF

CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Pengurusan Industri Kreatif memberi fokus kepada pengurusan dan pembangunan projek dalam pelbagai sektor kreatif termasuk seni visual, fesyen, muzik, filem, media digital, reka bentuk, dan hiburan. Pelajar dilatih untuk memahami aspek perniagaan, pemasaran, kewangan, dan undang-undang dalam industri kreatif, serta mengasah kemahiran kepimpinan dan pengurusan projek. Program ini membolehkan graduan berperanan sebagai pengurus atau perunding kreatif yang mampu merancang strategi, mengurus pasukan serta memastikan sesuatu projek kreatif berjalan lancar dan mencapai impak komersial atau sosial yang ditetapkan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengurusan Projek Kreatif: Memahami proses perancangan, pelaksanaan dan kawalan projek kreatif.
- Pemasaran Kreatif: Strategi promosi dan penjenamaan untuk produk dan perkhidmatan kreatif.
- Asas Industri Kreatif: Memahami ekosistem kreatif, sektor industri, dan peluang kerjaya.
- Kewangan & Bajet Projek: Menguruskan bajet, kos, dan sumber kewangan bagi projek kreatif.
- Hukum & Etika Industri Kreatif: Memahami hak cipta, kontrak, dan tanggungjawab profesional.
- Pengurusan Acara & Produksi: Merancang dan mengurus acara, pameran, dan persembahan kreatif.
- Pengurusan Digital & Media Sosial: Menggunakan platform digital untuk pemasaran dan penglibatan audiens.
- Kepimpinan & Pengurusan Pasukan: Membangunkan kemahiran memimpin pasukan kreatif untuk mencapai matlamat projek.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh berkhidmat dalam industri hiburan, media, agensi kreatif, syarikat produksi, penerbitan, fesyen, muzik, periklanan, dan teknologi digital. Kerjaya utama termasuk Pengurus Projek Kreatif, Pengurus Pemasaran Kreatif, Perancang Acara & Produksi, Pengurus Media Digital, dan Perunding Industri Kreatif, yang semuanya memainkan peranan penting dalam menjayakan projek kreatif berskala kecil dan besar.

Holland Code	Personaliti
Artistic Investigative Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan inovatif • Suka merancang dan mengurus projek • Berkemahiran komunikasi dan kepimpinan • Teliti dan mampu bekerja mengikut jadual • Berminat dalam bidang seni, media, dan hiburan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jauhid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
MERIT UPU
70%



REKA BENTUK FESYEN

FASHION DESIGN

Ringkasan Pengajian:

Program Fesyen memberi tumpuan kepada proses kreatif dalam menghasilkan pakaian, aksesori, fabrik, dan konsep gaya yang memenuhi keperluan estetika dan komersial. Pelajar didedahkan kepada teknik jahitan, penghasilan pola, ilustrasi fesyen, sejarah fesyen, teknologi tekstil, dan pengurusan jenama. Program ini menggabungkan unsur seni, kreativiti, dan kemahiran teknikal bagi membolehkan pelajar mencipta koleksi fesyen yang berkualiti tinggi serta memahami trend pasaran global.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Reka Bentuk & Ilustrasi Fesyen: Mencipta konsep pakaian secara profesional.
- Pembuatan Corak: Mencipta corak pakaian mengikut ukuran dan reka bentuk.
- Pembinaan Pakaian: Mempelajari teknik jahitan dan menghasilkan pakaian siap.
- Kajian Tekstil: Menilai jenis, ciri-ciri fabrik dan kegunaannya dalam reka bentuk.
- Penggayaan Fesyen: Menggabungkan elemen gaya untuk tujuan persembahan atau komersial.
- Sejarah Fesyen: Menganalisis evolusi gaya dan trend sepanjang masa.
- Teknologi Fesyen Digital: Menggunakan perisian reka bentuk dan simulasi pakaian.
- Pemasaran & Penjenamaan Fesyen: Mempelajari strategi jenama, promosi dan pemasaran industri.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Industri fesyen menawarkan peluang dalam syarikat pakaian, butik, studio reka bentuk, pengeluaran tekstil, industri kreatif, media gaya hidup dan pengurusan jenama. Graduan boleh bekerja dalam reka bentuk pakaian, penyelidikan tekstil, penjenamaan produk dan juga penggayaan editorial atau komersial. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuk Pereka Fesyen, Penggaya Fesyen, Ilustrator Fesyen, Pembuat Corak dan Pereka Tekstil yang terlibat secara langsung dalam pembentukan trend dan produk fesyen.

Holland Code	Personaliti
Artistic Investigative Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan suka menghasilkan idea visual • Teliti serta mempunyai kemahiran teknikal • Minat seni, pembinaan, dan teknologi • Sabar dengan proses kerja terperinci • Suka menyelesaikan masalah reka bentuk

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
MERIT UPU
80%



BAHASA, SASTERA & KEMANUSIAAN

- Bahasa
- Linguistik
- Kesusasteraan
- Psikologi
- Antropologi & Sosiologi
- Sejarah
- Geografi
- Pengajian Islam
- Hubungan Antarabangsa
- Sains Politik
- Undang-Undang
- Perhubungan Awam
- Kewartawanan
- Pengajian Media



BAHASA LANGUAGE

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Bahasa memberi tumpuan kepada penguasaan sesuatu bahasa secara mendalam merangkumi aspek tatabahasa, komunikasi, analisis teks dan penerapan bahasa dalam konteks profesional. Di Malaysia, program ini lazimnya ditawarkan dalam bahasa seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis bagi memenuhi keperluan pendidikan, diplomasi, media, penerbitan, kandungan digital serta industri antarabangsa. Graduan bukan sahaja mempelajari kemahiran bertutur, membaca dan menulis, tetapi turut memahami budaya, nilai dan penggunaan bahasa dalam pelbagai situasi akademik dan profesional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Tatabahasa & Struktur Bahasa: Mengkaji sistem morfologi dan sintaksis untuk memahami pembentukan ayat yang tepat.
- Fonetik & Fonologi: Meneliti bunyi bahasa dan pola sebutan melalui analisis alat pertuturan manusia.
- Semantik & Pragmatik: Mengupas makna literal dan makna tersirat dalam pelbagai konteks komunikasi.
- Analisis Wacana: Mengkaji struktur teks panjang seperti artikel, ucapan dan laporan dalam konteks sosial.
- Penulisan Akademik & Profesional: Mengasah kemampuan menghasilkan penulisan formal, sistematik dan tepat.
- Kesusasteraan Bahasa: Memahami karya sastera utama serta gaya bahasa dan nilai budaya yang terkandung dalam teks.
- Linguistik Terapan: Mengaplikasikan teori bahasa dalam pendidikan, media, penyelidikan dan komunikasi organisasi.
- Sociolinguistik: Mengkaji variasi bahasa, dialek dan hubungan antara bahasa dengan masyarakat.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Bahasa berpeluang bekerja dalam sektor pendidikan, penerbitan, penyiaran, komunikasi korporat, diplomasi, kandungan kreatif dan penyelidikan bahasa, termasuk organisasi kerajaan, syarikat multinasional dan agensi media. Kerjaya utama dalam bidang ini meliputi Guru Bahasa, Penterjemah, Editor/Penulis, Eksekutif Komunikasi dan Pegawai Penyelidik Bahasa yang kesemuanya memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat dan berkomunikasi secara tepat dan berkesan.

Holland Code	Personaliti
Artistic Social Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Suka membaca dan menulis • Teliti terhadap tatabahasa • Minat mendalami budaya dan komunikasi • Mampu berfikir kritis • Fasih berkomunikasi secara lisan dan tulisan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Bahasa / Linguistik \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
76%



LINGUISTIK LINGUISTICS

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Linguistik menumpukan kajian saintifik tentang bahasa, termasuk struktur, fungsi, pemerolehan bahasa, analisis komunikasi serta hubungan bahasa dengan masyarakat dan teknologi. Kajian linguistik merangkumi pelbagai bahasa yang lazim dipelajari di Malaysia seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun dan Bahasa Perancis sebagai asas membandingkan sistem bahasa secara teori dan aplikasi. Program ini melahirkan graduan yang mampu menerapkan konsep linguistik dalam pendidikan, penyelidikan, media, analisis bahasa serta teknologi bahasa seperti AI dan pemrosesan linguistik semula jadi (NLP).

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan Linguistik: Memahami komponen asas bahasa, fungsi komunikasi dan bidang utama linguistik.
- Fonetik & Fonologi: Mengkaji bunyi bahasa, alat artikulasi dan pola fonologi dalam pelbagai bahasa.
- Morfologi: Meneliti pembentukan kata melalui morfem, imbuhan dan perubahan bentuk kata.
- Sintaksis: Mengkaji struktur ayat secara mendalam untuk memahami aturan bahasa yang sistematik.
- Semantik: Mengupas makna perkataan, frasa serta hubungan makna dalam sesuatu bahasa.
- Pragmatik: Meneliti maksud tersirat, konteks sosial dan interpretasi pertuturan.
- Sosiolinguistik: Mengkaji variasi bahasa seperti loghat, dialek dan faktor sosial yang mempengaruhi bahasa.
- Linguistik Komputasi / NLP: Mengaplikasikan bahasa dalam teknologi seperti AI, analisis teks dan pertuturan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Linguistik diperlukan dalam sektor pendidikan, penyelidikan bahasa, teknologi linguistik (AI & NLP), penerbitan, media, perancangan bahasa dan komunikasi organisasi. Antara kerjaya penting yang menjadi pilihan graduan termasuk Pegawai Penyelidik Bahasa, Penterjemah, Guru Bahasa, Eksekutif Komunikasi dan Pakar Linguistik khususnya untuk industri teknologi, penyiaran, pusat bahasa dan agensi kerajaan yang berkaitan bahasa dan budaya.

Holland Code	Personaliti
Investigative Artistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Analitis dan suka mengkaji pola bahasa • Teliti dalam membuat pemerhatian • Minat dalam penyelidikan dan teori • Suka bekerja dengan teks, bunyi dan data • Berminat memahami cara bahasa berfungsi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.50
STPM
PNGK ≥ 2.50, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Bahasa / Linguistik ≥ 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.50
MERIT UPU
87%



KESUSASTERAAN LITERATURE

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Kesusasteraan memberi fokus kepada kajian karya sastera seperti puisi, cerpen, novel, drama dan teks klasik dari dalam dan luar negara. Pelajar menganalisis gaya bahasa, nilai budaya, falsafah, pemikiran masyarakat dan perkembangan sejarah kesusasteraan melalui pendekatan kritikal dan kreatif. Program ini membentuk pelajar yang berfikir mendalam, peka terhadap seni bahasa dan mampu menilai makna tersembunyi dalam karya sastera sambil menghubungkannya dengan isu sosial, budaya dan kemanusiaan masa kini.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Teori & Kritikan Sastera: Mengkaji konsep, pendekatan dan kerangka analisis sastera untuk memahami nilai estetika dan makna karya.
- Sejarah Perkembangan Sastera: Menelusuri evolusi karya sastera merentasi zaman, pengaruh budaya, pergerakan penulis dan perubahan tema.
- Puisi & Analisis Puisi: Menganalisis struktur, gaya bahasa, imejan dan makna tersirat dalam pelbagai bentuk puisi tradisional dan moden.
- Drama & Pementasan: Mengkaji skrip drama, teknik persembahan, dialog dan perkembangan watak dalam konteks pentas atau media.
- Prosa Moden (Novel & Cerpen): Mengulas tema, pemikiran pengarang, pembangunan watak dan mesej sosial dalam karya moden.
- Kesusasteraan Dunia: Mempelajari karya sastera antarabangsa, budaya global dan perbandingan tema antara tradisi kesusasteraan.
- Penulisan Kreatif: Melatih pelajar menghasilkan karya kreatif melalui teknik penulisan naratif, penceritaan dan pembangunan watak.
- Analisis Wacana Sastera: Mengkaji hubungan teks, ideologi dan budaya melalui pendekatan analisis wacana dalam bahan sastera panjang.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Kesusasteraan berpeluang bekerja dalam sektor pendidikan, penerbitan, penulisan, penyiaran, pentadbiran budaya, seni kreatif dan penyelidikan. Mereka boleh terlibat dalam pembangunan bahan bacaan, penulisan kreatif, pembangunan budaya dan industri kandungan kreatif. Kerjaya utama termasuk Guru, Penulis Kreatif, Editor, Pengkritik Sastera dan Pegawai Budaya yang merupakan kerjaya penting dalam memelihara dan memperkaya dunia kesusasteraan.

Holland Code	Personaliti
Artistic Social Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Suka membaca karya sastera • Kreatif dan berfikir mendalam • Minat menulis • Peka terhadap budaya dan seni • Suka menganalisis

Laluan ke Sarjana Muda (Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Berkaitan \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
76%



PSIKOLOGI PSYCHOLOGY

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Psikologi memfokuskan kepada kajian pemikiran, emosi dan tingkah laku manusia melalui teori psikologi, eksperimen, kaunseling asas, penilaian personaliti dan penyelidikan. Pelajar memahami bagaimana manusia membuat keputusan, berinteraksi, mengalami tekanan serta membentuk keperibadian. Program ini relevan dalam pelbagai sektor seperti pendidikan, sumber manusia, kesihatan mental, perniagaan dan khidmat masyarakat.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan Psikologi: Memahami asas tingkah laku, pemikiran dan emosi manusia dalam kehidupan harian.
- Psikologi Perkembangan: Kajian perubahan mental dan fizikal manusia dari bayi hingga dewasa.
- Psikologi Sosial: Mengkaji interaksi manusia, pengaruh sosial dan tingkah laku kumpulan.
- Kaunseling Asas: Teknik komunikasi dan sokongan untuk membantu individu menghadapi masalah.
- Psikologi Abnormal: Memahami gangguan emosi, tingkah laku dan ciri psikologi luar norma.
- Kaedah Penyelidikan Psikologi: Teknik eksperimen, pengumpulan data dan analisis tingkah laku manusia.
- Psikologi Kognitif: Meneliti proses berfikir, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah.
- Ujian Psikometrik: Mengukur personaliti, kecerdasan dan ciri tingkah laku manusia.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Psikologi amat diperlukan dalam sektor pendidikan, pengurusan sumber manusia, kesihatan mental, industri latihan, penyelidikan sosial dan khidmat komuniti. Mereka membantu organisasi memahami tingkah laku manusia dan menambah baik kesejahteraan pekerja serta masyarakat. Antara kerjaya utama ialah Pegawai Sumber Manusia, Pegawai Psikologi, Pembantu Kaunseling, Penyelidik Tingkah Laku dan Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Holland Code	Personaliti
Investigative Social Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Empati yang tinggi • Minat memahami tingkah laku manusia • Mampu mendengar dengan baik • Bersifat penyabar • Suka membantu orang lain

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Tiada Laluan
A LEVEL
CC Chemistry/Math/Physics/ Biology/ICT/History
DIPLOMA
Diploma Psikologi/ Berkaitan PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
MERIT UPU
86%



ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI

ANTHROPOLOGY & SOCIOLOGY

Ringkasan Pengajian:

Program ini meneliti masyarakat manusia, budaya, struktur sosial, perubahan masyarakat dan isu kemasyarakatan. Pelajar memahami bagaimana manusia hidup di dalam sesuatu komuniti, bagaimana budaya terbentuk dan bagaimana sistem sosial mempengaruhi kehidupan seharian. Kajian mencakupi isu kontemporari seperti kemiskinan, pembangunan, globalisasi dan hubungan etnik. Program ini melahirkan graduan yang kritikal dalam menganalisis masalah sosial dan perubahan dalam masyarakat.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengenalan Antropologi: Kajian budaya, adat, kepercayaan dan cara hidup masyarakat.
- Pengenalan Sosiologi: Memahami struktur sosial, hubungan kumpulan dan dinamik masyarakat.
- Kaedah Penyelidikan Sosial: Teknik mengumpul data melalui temubual, soal selidik dan pemerhatian.
- Budaya & Masyarakat: Meneliti nilai, norma, sistem kepercayaan dan adat resam dalam komuniti.
- Isu Sosial Kontemporari: Menganalisis masalah sosial seperti kemiskinan, jenayah dan ketidakadilan.
- Pembangunan Komuniti: Memahami program pembangunan sosial dan ekonomi untuk masyarakat.
- Globalisasi & Masyarakat: Kesan globalisasi terhadap budaya, identiti dan pola interaksi sosial.
- Antropologi Ekonomi: Kajian sistem ekonomi dalam konteks budaya dan masyarakat tempatan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan berpeluang bekerja dalam organisasi kerajaan, NGO, pusat penyelidikan sosial, agensi pembangunan masyarakat, media serta perancangan bandar dan komuniti. Kerjaya utama termasuk Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penyelidik Sosial, Pegawai NGO, Eksekutif Sumber Manusia dan Wartawan Analisis Sosial yang akan membantu menangani isu kemasyarakatan dan pembangunan sosial.

Holland Code	Personaliti
Investigative Realistic Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Minat memahami kepelbagaian budaya dan masyarakat • Berfikiran terbuka • Empati dan peka sosial • Suka berinteraksi dengan orang ramai • Minat dalam kerja lapangan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
B-B- Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
80%



SEJARAH HISTORY

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Sejarah memberi tumpuan kepada kajian perkembangan tamadun, politik, ekonomi, budaya dan peristiwa penting dunia dari zaman awal hingga kini. Pelajar mempelajari teknik penyelidikan sejarah, analisis dokumen, tafsiran peristiwa dan hubungan antara sejarah dengan isu global semasa. Program ini melahirkan graduan yang mampu memahami perubahan masyarakat serta menghubungkan sejarah dengan perkembangan sosial, geopolitik dan pembangunan negara.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Sejarah Malaysia: Mengkaji pembentukan negara, tokoh penting, penjajahan, kemerdekaan dan perkembangan politik serta sosial Malaysia.
- Sejarah Asia Tenggara: Meneliti hubungan serantau, pembentukan kerajaan lama, ekonomi tradisional dan perubahan geopolitik Asia Tenggara.
- Sejarah Dunia: Mempelajari tamadun besar, peperangan utama, perubahan ideologi dan peristiwa global yang membentuk dunia moden.
- Kaedah Penyelidikan Sejarah: Mengajar teknik mengumpul sumber, menganalisis dokumen, menilai ketepatan fakta dan menulis laporan sejarah.
- Sejarah Tamadun Islam: Menelusuri perkembangan politik, budaya, ekonomi dan sumbangan ilmuwan Islam terhadap kemajuan dunia.
- Sejarah Eropah: Mengkaji revolusi politik, perubahan sosial, gerakan nasionalisme dan perkembangan industri Eropah.
- Historiografi: Menilai cara penulisan sejarah, bias pengkaji, serta perubahan perspektif dalam penafsiran peristiwa.
- Arkeologi Asas: Memahami kaedah ekskavasi, analisis artifak dan tafsiran budaya material bagi rekonstruksi sejarah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sejarah diperlukan dalam sektor pendidikan, penyelidikan, muzium, arkib negara, penulisan, penyiaran, analisis dasar dan industri warisan. Mereka berperanan melestarikan sejarah negara, menyediakan dokumentasi penting serta memberi perspektif terhadap isu semasa. Antara kerjaya utama ialah Guru Sejarah, Pegawai Arkib, Kurator Muzium, Penyelidik Sejarah dan Penulis Dokumentari.

Holland Code	Personaliti
Social Enterprising Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Suka membaca dan mengkaji • Berfikiran kritis • Teliti dalam menilai maklumat • Minat pada sejarah dan budaya • Suka menganalisis isu global

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Sejarah (B) + Mana-mana subjek (C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Berkaitan \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
88%



GEOGRAFI GEOGRAPHY

Ringkasan Pengajian:

Program Geografi meneroka hubungan antara manusia dan persekitaran termasuk cuaca, bumi, ekosistem, pembangunan bandar, peta, alam sekitar dan isu global. Pelajar mempelajari teknik pemetaan, sistem maklumat geografi (GIS), analisis ruang serta memahami perubahan fizikal dan sosial. Program ini melahirkan graduan yang mampu menangani isu alam sekitar, pembangunan mapan dan perancangan ruang.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Geografi Fizikal: Mengkaji bentuk muka bumi, iklim, tanah, air dan fenomena semula jadi.
- Geografi Manusia: Meneliti populasi, ekonomi, budaya dan hubungan manusia dengan persekitaran.
- Sistem Maklumat Geografi (GIS): Teknik peta digital dan analisis data geospasial.
- Pengurusan Sumber Semula Jadi: Kajian pemuliharaan, pembangunan dan penggunaan sumber alam secara lestari.
- Geografi Perbandaran: Perancangan bandar, pembangunan infrastruktur dan isu kependudukan.
- Geografi Ekonomi: Hubungan ekonomi dan sumber alam, pembangunan wilayah serta perdagangan.
- Geografi Alam Sekitar: Menilai kesan aktiviti manusia terhadap alam sekitar dan mitigasi bencana.
- Kaedah Penyelidikan Geografi: Teknik pengumpulan data lapangan, analisis statistik dan interpretasi peta.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Geografi dapat berkhidmat dalam sektor alam sekitar, perancangan bandar, GIS, kaji cuaca, penyelidikan, agensi kerajaan dan NGO. Kerjaya utama termasuk Pegawai GIS, Pegawai Perancangan Bandar, Pegawai Alam Sekitar, Juruteknik Meteorologi dan Penyelidik Geografi, yang memainkan peranan penting dalam pembangunan mampan negara.

Holland Code	Personaliti
Social Enterprising Artistic	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati alam sekitar • Sukakan kerja lapangan • Analitis dan teliti • Minat isu pembangunan dan cuaca • Suka menyelesaikan masalah

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
91%



PENGAJIAN ISLAM

ISLAMIC STUDIES

Ringkasan Pengajian:

Program Pengajian Islam memberi tumpuan kepada bidang al-Quran, hadis, fiqh, akidah, sejarah Islam, bahasa Arab dan pembangunan masyarakat Islam. Ia membentuk graduan yang memahami prinsip Islam secara ilmiah dan mampu menerapkannya dalam pendidikan, pentadbiran, penyelidikan dan pembangunan komuniti. Program ini sesuai bagi mereka yang ingin mendalami ilmu agama secara lebih mendalam dan sistematik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Tafsir al-Quran: Mengkaji makna, konteks dan pentafsiran ayat suci al-Quran.
- Hadis & Mustalah Hadis: Memahami sumber hadis dan kaedah penilaian kesahihan hadis.
- Fiqh & Usul Fiqh: Meneliti hukum syarak, prinsip dan kaedah pengeluaran hukum Islam.
- Akidah Islam: Kajian prinsip kepercayaan, tauhid dan asas akidah Islam.
- Sejarah Islam: Memahami perkembangan Islam dari zaman Nabi hingga dunia moden.
- Bahasa Arab: Menguasai bahasa Arab sebagai alat memahami sumber ilmu Islam.
- Syariah & Undang-Undang Islam: Memahami aplikasi hukum Islam dalam kehidupan moden.
- Pemikiran Islam: Analisis tokoh, idea dan aliran pemikiran Islam sepanjang sejarah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan diperlukan dalam Kementerian, sekolah agama, institusi penyelidikan Islam, NGO, pentadbiran zakat, kaunseling keluarga dan pengurusan masjid. Kerjaya utama termasuk Guru Pendidikan Islam, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Zakat/Waqaf, Penyelidik Islam dan Penceramah/Pengajar Agama, khususnya dalam pembangunan masyarakat Islam.

Holland Code	Personaliti
Social Enterprising Artistic	<ul style="list-style-type: none"> • Minat mendalami ilmu agama • Berakhlak dan berdisiplin • Suka membaca dan meneliti teks agama • Sabar dan teliti • Suka membantu komuniti

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + Bahasa Arab (C+) + Usuluddin/Syariah/ Tahfiz Al-Quran (B)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Islamic Studies, Any Subject
DIPLOMA
Diploma Pengajian Islam \geq 2.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
78%



HUBUNGAN ANTARABANGSA

INTERNATIONAL RELATIONS

Ringkasan Pengajian:

Program ini menumpukan kajian sistem antarabangsa, politik global, diplomasi, organisasi antarabangsa dan isu keamanan dunia. Pelajar akan didedahkan kepada teori hubungan antarabangsa, dasar luar negara, ekonomi global, hak asasi manusia dan strategi diplomasi. Program ini melahirkan graduan yang berpengetahuan luas, mampu menganalisis isu global, menilai dasar kerajaan serta bekerja dalam sektor diplomasi, NGO, media antarabangsa atau organisasi multinasional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Teori Hubungan Antarabangsa: Kajian teori dan pendekatan memahami politik global dan interaksi negara.
- Diplomasi & Rundingan: Teknik rundingan antarabangsa, protokol dan strategi diplomasi efektif.
- Dasar Luar Negara: Analisis dasar luar, kepentingan nasional dan strategi politik antarabangsa.
- Organisasi Antarabangsa: Struktur, fungsi dan peranan PBB, ASEAN, WTO dan NGO global.
- Ekonomi Global: Hubungan perdagangan, pasaran antarabangsa dan ekonomi pembangunan negara.
- Keselamatan & Konflik Antarabangsa: Kajian perang, keamanan, krisis diplomatik dan penyelesaian konflik.
- Hak Asasi Manusia: Prinsip, undang-undang antarabangsa dan perlindungan hak di peringkat global.
- Isu Kontemporari Dunia: Perubahan politik, alam sekitar, teknologi dan cabaran global semasa.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan boleh bekerja dalam kementerian luar negeri, kedutaan, NGO antarabangsa, organisasi multinasional, media dan institusi penyelidikan. Mereka terlibat dalam diplomasi, analisis dasar, kajian politik global, penyelidikan strategik dan advokasi antarabangsa. Kerjaya utama termasuk Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pegawai Hubungan Antarabangsa, Penyelidik Polisi, Pegawai NGO Antarabangsa dan Pegawai Media Antarabangsa.

Holland Code	Personaliti
Investigative Enterprising Social	<ul style="list-style-type: none"> • Berminat dalam isu global dan politik antarabangsa • Bijak berkomunikasi dan berunding • Berfikiran kritis dan analitis • Berani menghadapi cabaran • Mempunyai minat dalam kerja penyelidikan dan dokumentasi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
C Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
83%



SAINS POLITIK POLITICAL SCIENCE

Ringkasan Pengajian:

Program Sarjana Muda Sains Politik memberi tumpuan kepada kajian sistem politik, dasar awam, pemerintahan, parti politik, pilihan raya dan isu global. Pelajar akan mempelajari teori politik, analisis dasar, politik perbandingan, struktur kerajaan, hubungan kuasa dan penyelidikan sosial. Program ini melatih graduan menganalisis fenomena politik, merangka strategi dasar, menilai proses demokrasi dan terlibat dalam sektor awam, NGO, media atau institusi penyelidikan politik.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Teori Politik: Kajian asas teori politik, ideologi, kuasa dan struktur pemerintahan negara secara menyeluruh.
- Politik Perbandingan: Analisis sistem politik di pelbagai negara dan kesannya terhadap pembangunan dan kestabilan.
- Dasar Awam: Meneliti proses merancang, melaksanakan, dan menilai dasar kerajaan serta impaknya.
- Pilihan Raya & Demokrasi: Kajian sistem pengundian, proses pilihan raya dan pelaksanaan demokrasi berkesan.
- Hubungan Kuasa & Pemerintahan: Analisis kuasa politik, struktur kerajaan dan interaksi institusi serta pihak berkuasa.
- Politik Global: Memahami isu antarabangsa, dasar luar negara, kerjasama politik dan diplomasi global.
- Kaedah Penyelidikan Politik: Teknik kajian lapangan, soal selidik, analisis data dan penulisan laporan akademik.
- Isu Kontemporari Politik: Meneliti perubahan politik semasa, konflik, pergerakan sosial dan cabaran demokrasi moden.
-

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Sains Politik berpeluang bekerja dalam kerajaan, institusi penyelidikan, NGO, media, perundangan dasar, dan organisasi antarabangsa. Mereka membantu menganalisis dasar, menilai sistem politik, merancang strategi pembangunan dan membuat laporan penyelidikan. Kerjaya utama termasuk Pegawai Polisi, Penyelidik Politik, Pegawai Khas Politik, Pegawai NGO, dan Penganalisis Media Politik.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Berfikiran kritis dan analitis • Minat memahami sistem politik dan dasar kerajaan • Berani menyuarakan pendapat dan berdiskusi • Teliti dalam mengumpul dan menganalisis maklumat • Berminat dalam kerja lapangan dan penyelidikan sosial

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 3.00
STPM
PNGK ≥ 3.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
CC Literature in English/Economics/Sociology /Psychology/History/Law
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 3.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
84%



UNDANG-UNDANG (LLB) LAW

Ringkasan Pengajian:

Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) memberi fokus kepada kajian sistem undang-undang, perlembagaan, undang-undang jenayah, sivil dan komersial serta prinsip keadilan di Malaysia dan antarabangsa. Pelajar akan mempelajari teori undang-undang, analisis kes, prosedur mahkamah, hak asasi manusia, kontrak dan undang-undang keluarga. Program ini melatih graduan berfikir secara kritis, menilai kes perundangan, menyediakan dokumen undang-undang serta bekerja dalam sektor guaman, kehakiman, korporat atau pentadbiran awam.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Undang-Undang Perlembagaan: Memahami struktur kerajaan, perlembagaan Malaysia dan hak serta tanggungjawab rakyat.
- Undang-Undang Jenayah: Kajian jenayah, prosedur mahkamah, hukuman dan prinsip keadilan jenayah.
- Undang-Undang Sivil: Meneliti kontrak, tort, harta, tanggungjawab peribadi dan penyelesaian pertikaian.
- Undang-Undang Keluarga & Pewarisan: Prinsip undang-undang keluarga, hak penjagaan, perkahwinan dan wasiat.
- Undang-Undang Antarabangsa: Perjanjian, diplomasi, hak asasi manusia dan hubungan undang-undang antara negara.
- Kaedah Penyelidikan Undang-Undang: Teknik analisis kes, penyelidikan perundangan dan penyediaan dokumen hukum.
- Undang-Undang Korporat & Perniagaan: Struktur korporat, kontrak komersial, tanggungjawab dan undang-undang perniagaan.
- Etika Profesional & Undang-Undang: Memahami etika profesion guaman dan tanggungjawab moral serta legal.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan undang-undang boleh bekerja dalam firma guaman, mahkamah, sektor korporat, kerajaan dan NGO. Mereka terlibat dalam penyediaan dokumen undang-undang, memberi nasihat guaman, menjalankan penyelidikan kes, mengurus kontrak dan pentadbiran perundangan. Kerjaya utama termasuk Peguam, Peguamcara Syarie, Pegawai Undang-Undang Kerajaan, Penyelidik Undang-Undang, dan Perunding Korporat.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti, sistematik dan berfikiran analitis • Minat dalam perundangan, hak dan keadilan • Berkeyakinan untuk berhujah dan berdebat • Mampu bekerja di bawah tekanan • Mempunyai etika profesional dan moral yang tinggi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.50
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (B) + Mana-mana subjek (2B)
STAM
Pangkat Jayyid Jiddan
A LEVEL
BB Any Subject
DIPLOMA
Diploma Undang-undang/ Berkaitan, PNGK \geq 3.50
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
94%



PERHUBUNGAN AWAM PUBLIC RELATIONS

Ringkasan Pengajian:

Program ini memberi tumpuan kepada pengurusan imej, komunikasi strategik, media sosial, perhubungan korporat, komunikasi krisis dan pembangunan jenama organisasi. Pelajar akan mempelajari teori komunikasi, strategi perhubungan awam, kemahiran menulis, pengurusan media, analisis pasaran dan kaedah penyelidikan komunikasi. Program ini melahirkan graduan yang mampu merancang kempen komunikasi, mengekalkan reputasi organisasi, berinteraksi dengan pelbagai pihak berkepentingan dan bekerja dalam sektor korporat, media, NGO atau kerajaan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Teori Perhubungan Awam: Memahami asas, pendekatan dan konsep komunikasi strategik organisasi.
- Kempen PR & Strategi: Merancang, melaksanakan dan menilai keberkesanan kempen komunikasi korporat.
- Media & Komunikasi Digital: Teknik menggunakan media sosial dan platform digital untuk komunikasi.
- Penulisan Profesional: Kemahiran menulis kenyataan media, laporan PR dan kandungan korporat.
- Pengurusan Krisis: Strategi mengurus isu kritikal untuk mengekalkan reputasi organisasi.
- Etika & Undang-Undang PR: Prinsip etika, kepatuhan undang-undang dan profesionalisme dalam PR.
- Analisis Pasaran & Penyelidikan: Mengumpul, menilai dan menganalisis data untuk strategi PR berkesan.
- Perhubungan Korporat: Teknik membina hubungan dengan pihak berkepentingan dalaman dan luaran.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan perhubungan awam boleh bekerja dalam sektor korporat, media, NGO, kerajaan dan agensi komunikasi. Mereka terlibat dalam pengurusan imej, kempen promosi, pengurusan krisis, pengurusan jenama dan strategi komunikasi organisasi. Kerjaya utama termasuk Pegawai Perhubungan Awam, Eksekutif Media Sosial, Pegawai Komunikasi Korporat, Perancang Strategi Perhubungan Awam, dan Perunding Perhubungan Awam.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Artistic	<ul style="list-style-type: none"> • Berkomunikasi dengan baik dan kreatif • Suka membina hubungan dan rangkaian profesional • Mampu bekerja di bawah tekanan dan situasi kritikal • Berfikiran strategik dan analitis • Peka terhadap trend media dan sosial

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.75
STPM
PNGK ≥ 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.75
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 3.00
MERIT UPU
82%



KEWARTAWANAN JOURNALISM

Ringkasan Pengajian:

Program ini menumpukan kepada pengumpulan, penulisan, penyuntingan dan penyiaran berita melalui pelbagai platform media. Pelajar mempelajari teori kewartawanan, etika media, penulisan berita, teknik wawancara, penyelidikan, laporan khas dan media digital. Program ini melatih graduan menghasilkan kandungan berita yang tepat, objektif, kreatif dan relevan. Graduan boleh bekerja dalam akhbar, majalah, televisyen, radio, portal berita atau media sosial, serta menjadi penyelidik media atau pakar komunikasi.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Kewartawanan: Memahami prinsip asas kewartawanan, etika dan tanggungjawab wartawan profesional.
- Penulisan Berita: Teknik menulis berita yang tepat, objektif dan menarik untuk pelbagai platform.
- Penyuntingan & Produksi: Kaedah menyunting teks, audio dan video untuk penyiaran profesional.
- Teknik Wawancara: Cara merancang, menjalankan dan menilai wawancara secara efektif.
- Jurnalistik Digital & Multimedia: Penghasilan kandungan berita menggunakan teknologi digital dan media sosial.
- Etika & Undang-Undang Media: Prinsip etika kewartawanan dan kepatuhan undang-undang media.
- Laporan Khas & Penyelidikan: Penyediaan laporan mendalam berdasarkan fakta dan penyelidikan menyeluruh.
- Sejarah & Teori Media: Kajian perkembangan media, teori komunikasi dan pengaruh media dalam masyarakat.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun.

Prospek Kerjaya:

Graduan kewartawanan boleh bekerja dalam industri media termasuklah akhbar, majalah, televisyen, radio, portal berita, media sosial dan syarikat penerbitan. Mereka terlibat dalam penulisan berita, penyuntingan, penyelidikan media, penyiaran dan pengurusan kandungan digital. Kerjaya utama termasuk Wartawan, Penyunting Media, Penyar Televisyen/Radio, Penulis Kandungan Digital, dan Pegawai Komunikasi Media.

Holland Code	Personaliti
Artistic Enterprising Social	<ul style="list-style-type: none"> • Minat menulis dan menyampaikan maklumat • Teliti, cepat dan berfikir analitis • Kreatif dan inovatif dalam penyampaian berita • Berani bertanya dan mendapatkan fakta • Mampu bekerja di bawah tekanan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Komunikasi/ Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 3.00
MERIT UPU
87%



PENGAJIAN MEDIA

MEDIA STUDIES

Ringkasan Pengajian:

Program ini menumpukan kepada kajian media, komunikasi massa, pengaruh media dalam masyarakat, produksi kandungan kreatif, analisis media, teori komunikasi, dan teknologi media digital. Pelajar mempelajari cara menghasilkan kandungan media, strategi komunikasi, pengurusan media sosial, penyelidikan media, dan trend komunikasi moden. Program ini melahirkan graduan yang memahami peranan media, mampu menganalisis isu semasa, mengurus kandungan kreatif dan bekerja dalam industri media, penyiaran, pemasaran, komunikasi korporat dan digital.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Teori Komunikasi: Memahami teori komunikasi, interaksi manusia dan pengaruh media dalam masyarakat.
- Media Massa: Kajian peranan media cetak, elektronik, dan digital dalam penyebaran maklumat.
- Pengurusan Media & Produksi: Teknik merancang, menghasilkan dan mengurus kandungan media kreatif.
- Analisis Media: Menilai kandungan media, pengaruh, audien dan strategi komunikasi berkesan.
- Media Digital & Media Sosial: Penggunaan teknologi digital dan platform sosial untuk komunikasi strategik.
- Penyelidikan Media: Teknik mengumpul, menganalisis data dan menilai impak media terhadap masyarakat.
- Etika & Undang-Undang Media: Memahami prinsip etika, undang-undang dan tanggungjawab profesional media.
- Kandungan Kreatif & Produksi: Penghasilan bahan media yang kreatif, inovatif dan relevan dengan trend semasa.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Pengajian Media berpeluang bekerja dalam industri media, penyiaran, syarikat produksi, agensi komunikasi, pemasaran digital dan penyelidikan media. Mereka terlibat dalam pengurusan kandungan, strategi komunikasi, analisis media, penghasilan bahan kreatif dan pengurusan platform digital. Kerjaya utama termasuk Pegawai Media, Penulis Kandungan Kreatif, Pegawai Pemasaran Digital, Pegawai Komunikasi Korporat, dan Pegawai Produksi Media.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Artistic Social	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif, inovatif dan imaginatif • Berminat dalam komunikasi dan media digital • Teliti dan peka kepada isu semasa • Berkemahiran dalam penulisan, visual dan teknologi • Suka bekerja dalam pasukan dan projek kreatif

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.00
STPM
PNGK ≥ 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jyyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Media/ Komunikasi PNGK ≥ 2.75
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 3.00
MERIT UPU
85%



PERNIAGAAN & EKONOMI

- Pengurusan Perniagaan
- Perakaunan
- Kewangan
- Ekonomi
- Perniagaan Antarabangsa
- Pentadbiran Awam
- Keusahawanan
- Pemasaran
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pengurusan Sukan
- Pengurusan Acara
- Pengurusan Hartanah
- Pelancongan & Hospitaliti



PENTADBIRAN PERNIAGAAN BUSINESS ADMINISTRATION

Ringkasan Pengajian:

Program Pengurusan Perniagaan memberi tumpuan kepada kaedah dalam mengurus, merancang dan mengendalikan operasi sesebuah organisasi perniagaan supaya lebih sistematik, cekap dan berdaya saing. Pelajar akan mempelajari asas pengurusan, kepimpinan, pemasaran, kewangan, operasi, sumber manusia, strategi korporat serta tingkah laku organisasi. Penekanan turut diberikan kepada kemahiran membuat keputusan, analisis perniagaan, komunikasi profesional dan penyelesaian masalah. Program ini melahirkan graduan yang berkemampuan mengurus pasukan, mengoptimumkan proses kerja, merancang strategi perniagaan dan menyesuaikan diri dengan perubahan pasaran semasa.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Prinsip Pengurusan: Memahami fungsi merancang, mengurus, memimpin dan mengawal organisasi secara berkesan.
- Prinsip Pemasaran: Mengkaji strategi pemasaran, tingkah laku pengguna dan teknik mempromosi produk.
- Pengurusan Sumber Manusia: Mempelajari kaedah merekrut, melatih, menilai dan mengurus pekerja.
- Pengurusan Kewangan: Memahami asas pengurusan kewangan, aliran tunai dan analisis kos.
- Keusahawanan: Mengembangkan idea perniagaan, perancangan strategik dan model perniagaan moden.
- Pengurusan Operasi: Mengkaji proses pengeluaran, kualiti dan pengurusan rantai bekalan.
- Gelagat Organisasi: Mengkaji motivasi, kerja berpasukan dan budaya kerja dalam syarikat.
- Pengurusan Strategik: Merancang strategi jangka panjang bagi mencapai matlamat organisasi.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan berpeluang bekerja dalam pelbagai industri seperti korporat, perbankan, logistik, peruncitan, teknologi, pengeluaran, dan syarikat multinasional. Mereka diperlukan untuk mengurus operasi, merancang strategi, mengurus pekerja, meningkatkan produktiviti dan memastikan organisasi mencapai matlamatnya. Antara kerjaya utama termasuk Eksekutif Pengurusan, Pengurus Operasi, Pegawai Sumber Manusia, Pegawai Pembangunan Perniagaan, dan Perunding Perniagaan yang memainkan peranan penting dalam memastikan syarikat beroperasi dengan berkesan dan mampan.

Holland Code	Personaliti
Conventional Enterprising Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Suka memimpin dan berinteraksi • Berfikiran strategik • Mampu bekerja dalam pasukan • Berkomunikasi dengan jelas • Suka menyelesaikan masalah

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Jayyid
A LEVEL
CC Business, Economics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
MERIT UPU
77%



PERAKAUNAN ACCOUNTANCY

Ringkasan Pengajian:

Program Perakaunan memberi asas kukuh dalam pengurusan kewangan, penyediaan penyata kewangan, audit, percukaian, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman organisasi. Pelajar akan didedahkan kepada piawaian perakaunan, proses rekod transaksi, analisis kos, sistem maklumat perakaunan serta etika profesional. Program ini menekankan ketepatan, integriti dan kemahiran analitis bagi memastikan kewangan organisasi diurus secara telus dan mematuhi undang-undang. Ia turut menyediakan laluan untuk menjadi akauntan bertauliah melalui badan profesional seperti ACCA, CIMA, CPA dan MICPA.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Perakaunan Kewangan: Menyediakan penyata kewangan mengikut standard perakaunan semasa.
- Perakaunan Pengurusan: Menilai kos dan membuat keputusan kewangan dalaman organisasi.
- Audit: Mengkaji prosedur pemeriksaan kewangan untuk memastikan ketepatan dan ketelusan.
- Percukaian: Memahami sistem cukai, pengiraan cukai dan pematuhan undang-undang.
- Ekonomi Asas: Mempelajari teori ekonomi untuk menilai prestasi pasaran dan organisasi.
- Statistik Perniagaan: Menggunakan analisis data untuk membuat keputusan kewangan tepat.
- Sistem Maklumat Perakaunan: Mengurus data menggunakan perisian kewangan dan sistem digital.
- Etika Profesional: Memahami tanggungjawab moral dan integriti dalam profesion perakaunan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Peluang kerjaya meliputi sektor swasta, firma audit, perbankan, syarikat multinasional, syarikat kewangan dan agensi kerajaan. Graduan diperlukan untuk mengurus rekod kewangan, menyemak akaun, menganalisis prestasi perniagaan dan memastikan pematuhan terhadap standard perakaunan. Kerjaya utama termasuk Akauntan, Juruaudit, Pegawai Kewangan, Eksekutif Cukai dan Penganalisis Kewangan yang penting dalam memastikan kestabilan dan ketelusan kewangan organisasi.

Holland Code	Personaliti
Conventional Enterprising Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Teliti dan kemas • Sukakan nombor • Berdisiplin • Beretika • Analitis

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.00
STPM
PNGK \geq 3.00, Pengajian Am (C) + Mana-mana subjek (C) + Ekonomi/Perakaunan/ Perniagaan/Mathematics T/M (B)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
CCC Literature in English/ Economics/Accounting/Business Studies/Sociology
DIPLOMA
Diploma Perakaunan PNGK \geq 3.00
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 3.00
MERIT UPU
92%



KEWANGAN FINANCE

Ringkasan Pengajian:

Program Kewangan menumpukan kepada pengurusan wang, pelaburan, pasaran kewangan, pengurusan risiko dan perancangan kewangan organisasi. Pelajar mempelajari bagaimana pasaran modal berfungsi, cara menilai pelaburan, bagaimana bank beroperasi, serta strategi untuk memaksimumkan pulangan kewangan. Kemahiran analitis, pemodelan kewangan, interpretasi data dan pengurusan risiko merupakan aspek utama dalam program ini. Ia sesuai untuk pelajar yang berminat dalam ekonomi, pasaran saham, perbankan dan analisis kewangan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Kewangan: Mengkaji konsep risiko, pulangan, aset kewangan dan fungsi kewangan dalam organisasi moden.
- Pasaran Kewangan: Menerangkan peranan bank, institusi kewangan dan pasaran modal dalam ekonomi negara.
- Pelaburan: Memahami teknik analisis saham, bon dan instrumen kewangan untuk membuat keputusan pelaburan bijak.
- Pengurusan Risiko: Mengkaji cara menilai risiko kewangan dan strategi melindungi aset melalui teknik penilaian moden.
- Kewangan Korporat: Memfokuskan keputusan modal, dividend, pelaburan dan perancangan kewangan syarikat.
- Derivatif & Instrumen Kewangan: Mempelajari kontrak opsi, futures dan alat kewangan lanjutan untuk pengurusan risiko.
- Analisis Portfolio: Menyusun portfolio pelaburan seimbang melalui analisis risiko dan pulangan jangka panjang.
- Perbankan: Mengkaji operasi bank, pinjaman, pematuhan undang-undang dan pengurusan hubungan pelanggan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan kewangan mempunyai permintaan tinggi dalam industri perbankan, syarikat pelaburan, firma insurans, syarikat multinasional dan agensi kerajaan. Mereka diperlukan untuk menganalisis risiko, mengurus portfolio pelaburan, merancang strategi kewangan dan menilai prestasi kewangan syarikat. Antara kerjaya utama termasuk Penganalisis Kewangan, Pegawai Bank, Perancang Kewangan, Eksekutif Risiko, dan Pengurus Pelaburan, yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan organisasi.

Holland Code	Personaliti
Conventional Enterprising Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Meminati pasaran kewangan • Analitik • Sukakan nombor • Teliti • Berfikiran strategik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + Mana-mana subjek (2C+)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
BB Accounting/Math/Economics/ Business/Physics/Chemistry
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
85%



EKONOMI ECONOMICS

Ringkasan Pengajian:

Program Ekonomi memberi tumpuan kepada cara individu, organisasi dan kerajaan membuat keputusan untuk mengurus sumber yang terhad. Pelajar akan mempelajari bagaimana pasaran berfungsi, bagaimana harga ditentukan, mengapa berlakunya inflasi, bagaimana perdagangan antarabangsa beroperasi serta bagaimana dasar kerajaan mempengaruhi ekonomi negara. Program ini menggabungkan teori ekonomi, analisis data, matematik, statistik dan kajian isu semasa bagi membantu pelajar memahami perubahan dalam ekonomi global dan tempatan. Ia sesuai untuk pelajar yang berminat mengkaji tingkah laku pasaran, membuat analisis dan memahami faktor ekonomi yang mempengaruhi kehidupan seharian serta pembangunan negara.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Mikroekonomi: Menerangkan tingkah laku pengguna dan firma dalam pasaran serta faktor yang mempengaruhi harga.
- Makroekonomi: Mengkaji inflasi, pengangguran, pertumbuhan ekonomi dan kesan dasar kewangan terhadap negara.
- Ekonometrik: Menggunakan statistik lanjutan untuk menganalisis data ekonomi sebenar secara tepat dan berasaskan bukti.
- Teori Harga & Pasaran: Mengkaji cara harga ditentukan melalui interaksi permintaan, penawaran dan struktur pasaran.
- Ekonomi Antarabangsa: Membincangkan perdagangan global, kadar tukaran mata wang dan hubungan ekonomi antara negara.
- Dasar Ekonomi: Menganalisis peranan kerajaan dalam cukai, subsidi, pembangunan dan pengurusan makroekonomi.
- Pembangunan Ekonomi: Mengkaji isu kemiskinan, pembangunan modal insan dan strategi meningkatkan kemajuan negara.
- Ekonomi Kewangan: Menganalisis pasaran kewangan, risiko dan keputusan pelaburan dalam ekonomi moden.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Ekonomi mempunyai peluang kerjaya yang luas dalam sektor kerajaan, institusi kewangan, bank, syarikat multinasional, firma penyelidikan pasaran, agensi perundingan, serta organisasi antarabangsa. Mereka diperlukan untuk menjalankan analisis ekonomi, meramal tren pasaran, menilai risiko kewangan, membantu membentuk dasar ekonomi serta menyediakan laporan penyelidikan yang menyokong keputusan strategik organisasi.

Graduan ekonomi boleh menceburi kerjaya seperti Penganalisis Ekonomi, Pegawai Dasar, Penganalisis Data, Ekonomis Bank, dan Penyelidik Pasaran.

Holland Code	Personaliti
Investigative Enterprising Conventional	<ul style="list-style-type: none"> • Minat kepada isu semasa • Analitis • Suka menganalisis data • Minat membuat kajian • Berfikiran kritikal

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 3.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan/ Math M/T (1C)
STAM
Pangkat Jajyyid
A LEVEL
BB Economics, Math/ F Math/Business/Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
75%



PERNIAGAAN ANTARABANGSA

INTERNATIONAL BUSINESS

Ringkasan Pengajian:

Program Perniagaan Antarabangsa memberi tumpuan kepada operasi perniagaan merentasi sempadan negara termasuk perdagangan global, logistik, pemasaran antarabangsa, perundangan global, budaya perniagaan, kewangan antarabangsa dan strategi syarikat multinasional. Pelajar memahami bagaimana syarikat menembusi pasaran luar negara, mengurus risiko global, serta menyesuaikan produk dan strategi mengikut budaya dan peraturan negara berbeza. Program ini membentuk graduan yang bersedia untuk beroperasi dalam ekonomi global yang semakin kompetitif.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Perdagangan Antarabangsa: Menerangkan aliran import-eksport, hubungan ekonomi antarabangsa dan kesan globalisasi.
- Pemasaran Global: Mengkaji strategi memasarkan produk ke negara luar berdasarkan budaya, ekonomi dan trend global.
- Logistik Antarabangsa: Memahami rantai bekalan global, penghantaran antarabangsa dan pengurusan pengedaran merentas negara.
- Budaya & Komunikasi Antarabangsa: Menekankan pentingnya komunikasi berkesan antara masyarakat pelbagai budaya dalam perniagaan.
- Undang-Undang Global: Mempelajari peraturan perdagangan, cukai antarabangsa dan pematuhan syarikat multinasional.
- Pengurusan Strategik Global: Merancang strategi syarikat dalam pasaran antarabangsa berdasarkan analisis industri global.
- Kewangan Antarabangsa: Menerangkan kadar tukaran mata wang, risiko pasaran global dan pergerakan modal antarabangsa.
- Rundingan Global: Mengajar teknik rundingan profesional dengan rakan dagang dari pelbagai latar belakang budaya dan ekonomi.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan mempunyai peluang kerjaya luas di syarikat multinasional, syarikat logistik, perdagangan import-eksport, kementerian, agensi diplomatik, dan syarikat pelaburan asing. Mereka diperlukan untuk mengurus urusan dagang, merancang strategi masuk pasaran, menangani isu kepatuhan antarabangsa dan membina hubungan perniagaan global. Kerjaya utama termasuk Eksekutif Perdagangan Antarabangsa, Pegawai Import-Eksport, Pegawai Pemasaran Global, Eksekutif Logistik Antarabangsa dan Pegawai Pembangunan Perniagaan Global yang memainkan peranan dalam menghubungkan perniagaan Malaysia dengan pasaran dunia.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Investigative	<ul style="list-style-type: none"> • Minat budaya global • Fleksibel • Suka mengembara • Berkeyakinan • Minat ekonomi dunia

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.75
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (3C)
STAM
Pangkat Juyid
A LEVEL
CC Business, Economics/Math
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
MERIT UPU
75%



PENTADBIRAN AWAM PUBLIC ADMINISTRATION

Ringkasan Pengajian:

Program Pentadbiran Awam menumpukan kepada bagaimana kerajaan dan organisasi awam dirancang, diurus dan ditadbir bagi memastikan perkhidmatan disampaikan secara cekap dan berkesan. Pelajar mempelajari struktur kerajaan, proses pembuatan dasar, pengurusan bajet negara, pengurusan sumber manusia awam, amalan tadbir urus baik serta etika dalam sektor kerajaan. Program ini membentuk pelajar untuk memahami bagaimana dasar awam dibangunkan, dilaksanakan dan dinilai selain memberi pendedahan kepada peranan sektor awam dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Bidang ini sesuai untuk pelajar yang berminat berkhidmat kepada masyarakat, bekerja dalam struktur kerajaan dan terlibat dalam pembangunan negara.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Tadbir Urus Kerajaan: Menerangkan struktur jabatan kerajaan dan peranan dalam menyediakan perkhidmatan kepada rakyat.
- Kewangan Awam: Mengkaji belanjawan, cukai kerajaan, perbelanjaan awam dan pengurusan fiskal negara.
- Pengurusan Sumber Manusia Awam: Memfokuskan pengambilan, latihan dan pembangunan kakitangan sektor kerajaan.
- Etika Pentadbiran: Menekankan integriti, akauntabiliti dan nilai profesional dalam perkhidmatan awam moden.
- Analisis Polisi: Menggunakan data dan kajian untuk menilai sama ada dasar yang dilaksanakan berkesan atau tidak.
- Pembangunan Masyarakat: Mengkaji program sosial kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat.
- Undang-Undang Pentadbiran: Memahami peraturan pentadbiran, prosedur kerajaan dan tanggungjawab penjawat awam.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pentadbiran Awam berpeluang bekerja dalam kementerian, jabatan kerajaan, agensi persekutuan dan negeri, pihak berkuasa tempatan, organisasi bukan kerajaan (NGO), badan antarabangsa serta sektor pengurusan awam dan swasta. Mereka diperlukan dalam tugas merancang dasar, mengurus program kerajaan, mengendalikan bajet, memastikan pematuhan undang-undang dan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam. Graduan berpeluang menceburi kerjaya seperti Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD), Pegawai Kerajaan, Pegawai Dasar, Pengurus Projek Awam, dan Pegawai Pembangunan Komuniti.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Suka membantu masyarakat • Minat isu sosial • Teratur • Sabar • Suka berkomunikasi dan mengurus orang ramai

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am + Mana-mana subjek (2C)
STAM
Pangkat Janyid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.00
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
85%



KEUSAHAWANAN ENTREPRENEURSHIP

Ringkasan Pengajian:

Program Keusahawanan membangunkan kemahiran membina, mengurus dan mengembangkan perniagaan baharu melalui pengetahuan pemasaran, kewangan, inovasi dan strategi. Pelajar didedahkan kepada pembentukan idea, penyediaan rancangan perniagaan, pengurusan risiko, operasi, serta perundangan asas yang penting dalam dunia perniagaan. Di Malaysia, program ini juga memberi tumpuan kepada ekosistem start-up tempatan, digitalisasi perniagaan dan pembangunan ekonomi komuniti.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Keusahawanan: Memahami proses memulakan perniagaan termasuk strategi pengurusan operasi dan pertumbuhan.
- Pembangunan Produk & Inovasi: Mewujudkan produk baharu melalui proses inovasi sistematik dan analisis pasaran terperinci.
- Rancangan Perniagaan: Menyediakan dokumen perniagaan lengkap termasuk strategi pemasaran, kewangan dan operasi organisasi.
- Kewangan Usahawan: Mengurus modal, aliran tunai dan pembiayaan perniagaan termasuk dana ekuiti dan geran.
- Pemasaran Digital: Menggunakan platform digital untuk mempromosikan produk melalui strategi kandungan dan analitik data.
- Pengurusan Risiko Perniagaan: Mengenal pasti risiko perniagaan dan membangunkan strategi mitigasi jangka pendek dan panjang.
- Perundangan Perniagaan: Memahami undang-undang syarikat, kontrak, harta intelek dan hak perniagaan di Malaysia.
- Strategi Pertumbuhan Perniagaan: Menilai peluang peluasan perniagaan melalui diversifikasi, francais atau pasaran baharu.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Keusahawanan berpeluang bekerja dalam industri start-up, perniagaan kecil sederhana (PKS), teknologi, e-dagang, peruncitan, konsultansi dan pembangunan komuniti. Mereka juga berpeluang mencipta perniagaan sendiri dalam pelbagai sektor. Kerjaya utama termasuk Usahawan, Pegawai Pembangunan Perniagaan, Pengurus Operasi Perniagaan, Perunding Perniagaan dan Pegawai Pemasaran.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Social Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Berani mengambil risiko • Berdikari dan proaktif • Kreatif dan inovatif • Berfikiran terbuka dan fleksibel • Berdaya tahan tinggi (resilience)

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK ≥ 2.00
STPM
PNGK ≥ 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan (1C)
STAM
Pangkat Jaiyyid
A LEVEL
C Business/ Economics/ Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK ≥ 2.50
MERIT UPU
68%



PEMASARAN MARKETING

Ringkasan Pengajian:

Program Pemasaran membentuk pelajar memahami keperluan pelanggan, tingkah laku pengguna dan strategi mempromosikan produk atau jenama secara efektif. Ia menekankan kemahiran analisis pasaran, komunikasi, pembangunan kandungan, pengurusan jenama dan pemasaran digital. Pelajar turut mempelajari teknik penyelidikan pasaran dan strategi meningkatkan kedudukan jenama dalam pasaran yang kompetitif.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Pemasaran: Memahami konsep pemasaran termasuk strategi produk, peletakan harga, pengedaran dan promosi.
- Tingkah Laku Pengguna: Mengkaji faktor psikologi, sosial dan budaya yang mempengaruhi keputusan pembelian.
- Pemasaran Digital: Menggunakan media sosial, SEO dan analitik untuk membina kempen pemasaran berkesan.
- Pengurusan Jenama: Membangunkan identiti jenama melalui strategi penjenamaan konsisten dan berpengaruh.
- Penyelidikan Pasaran: Mengumpul dan menganalisis data pasaran untuk membuat keputusan pemasaran strategik.
- Pemasaran Antarabangsa: Memahami perbezaan budaya dan strategi pasaran global untuk memperluas jenama.
- Komunikasi Pemasaran Bersepadu: Menghasilkan mesej pemasaran melalui pelbagai medium untuk kesan optimum.
- Analisis Data Pemasaran: Menggunakan data pelanggan untuk memperbaiki strategi pemasaran dan meningkatkan jualan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan pemasaran diperlukan dalam kebanyakan industri khususnya *fast-moving consumer goods* (FMCG), digital, e-dagang, peruncitan, kewangan, teknologi dan media. Mereka terlibat dalam membina kempen pemasaran, pengurusan jenama dan analisis pasaran. Kerjaya utama termasuk Eksekutif Pemasaran, Pengurus Jenama, Pegawai Media Sosial, Penganalisis Pasaran dan Pengurus Produk.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Conventional Social	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan suka menghasilkan idea pemasaran • Suka berkomunikasi dan bekerja dengan manusia • Celik media dan trend semasa • Analitikal tetapi fleksibel • Minat dalam strategi dan psikologi pengguna

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan (1C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
C Business/ Economics/ Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
72%



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program ini memberi fokus kepada pengurusan tenaga kerja dalam organisasi melalui aspek latihan, pengambilan, penilaian prestasi, undang-undang buruh dan pembangunan pekerja. Ia menekankan pemahaman tingkah laku manusia, motivasi, hubungan industri dan strategi mengurus budaya organisasi. Graduan HR memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan pekerja di sektor swasta dan kerajaan.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengurusan Sumber Manusia: Memahami fungsi HR termasuk latihan, ganjaran dan perancangan tenaga kerja.
- Psikologi Industri & Organisasi: Mengkaji tingkah laku pekerja dan cara meningkatkan motivasi serta prestasi.
- Pengambilan & Pemilihan: Mengurus proses mencari, menilai dan memilih calon sesuai untuk organisasi.
- Undang-Undang Buruh: Mengetahui hak pekerja, kontrak, disiplin dan undang-undang pekerjaan Malaysia.
- Latihan & Pembangunan: Merancang program latihan untuk meningkatkan kemahiran dan produktiviti staf.
- Hubungan Industri: Mengurus hubungan majikan-pekerja termasuk perundingan kolektif dan isu kesatuan.
- Pengurusan Prestasi: Membangunkan sistem penilaian bagi menilai pencapaian dan merancang peningkatan.
- Ganjaran & Pampasan: Merancang struktur gaji, bonus dan manfaat untuk mengekalkan pekerja terbaik.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pengurusan Sumber Manusia diperlukan dalam semua sektor termasuk korporat, industri pembuatan, perbankan, hospitaliti, agensi kerajaan dan syarikat multinasional. Mereka mengurus bakat, prestasi dan kebajikan pekerja. Kerjaya utama termasuklah Eksekutif Sumber Manusia, Pegawai Latihan, Pegawai Pengambilan, Pegawai Gaji & Pampasan dan Pegawai Hubungan Industri.

Holland Code	Personaliti
Conventional Social Enterprising	<ul style="list-style-type: none"> • Empati dan bijak berinteraksi • Berfikir analitikal dan teratur • Minat memahami tingkah laku manusia • Sabar dan bijak menyelesaikan konflik • Suka bekerja dalam pasukan

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan (1C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
C Business/ Economics/ Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
87%



PENGURUSAN SUKAN

SPORTS MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program Pengurusan Sukan menggabungkan pengetahuan pengurusan perniagaan dengan industri sukan termasuk pasukan atlet, fasiliti sukan, liga profesional, akademi sukan dan acara sukan. Pelajar mempelajari pengurusan operasi sukan, pemasaran sukan, penajaan, pengurusan atlet dan psikologi sukan. Program ini menyediakan kemahiran merancang dan melaksanakan program sukan secara profesional, termasuk strategi pembangunan sukan, pengurusan fasiliti, keselamatan dan perancangan acara. Graduan sesuai bekerja dalam kelab dan persatuan sukan, agensi kerajaan, organisasi swasta dan industri sukan profesional.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Asas Pengurusan Sukan: Memahami struktur organisasi sukan dan fungsi pengurusan keseluruhan.
- Pengurusan Acara Sukan: Merancang dan melaksanakan acara sukan profesional atau komuniti secara sistematik.
- Pemasaran Sukan: Mengurus promosi acara dan penajaan melalui strategi pemasaran khusus sukan.
- Pentadbiran Organisasi Sukan: Mengendalikan operasi harian persatuan, kelab atau institusi sukan.
- Kewangan & Penajaan Sukan: Merancang bajet dan mendapatkan penajaan bagi program atau pasukan.
- Pengurusan Kemudahan Sukan: Mengurus gelanggang, stadium atau pusat latihan secara profesional.
- Psikologi Sukan: Memahami faktor mental atlet untuk meningkatkan motivasi dan prestasi.
- Undang-Undang Sukan: Mengetahui peraturan, etika dan isu undang-undang berkaitan sukan.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pengurusan Sukan mempunyai peluang dalam industri profesional, persatuan sukan, kelab sukan, akademi latihan, kementerian sukan, organisasi swasta dan program pembangunan komuniti. Mereka bertanggungjawab mengurus pasukan, fasiliti, acara dan program pembangunan sukan. Kerjaya utama termasuk Pengurus Pasukan, Pengurus Acara Sukan, Pegawai Pembangunan Sukan, Eksekutif Penajaan dan Pengurus Fasiliti Sukan yang memainkan peranan penting dalam memajukan sukan dan meningkatkan prestasi atlet serta kelab.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Conventional Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Berminat dengan dunia sukan • Aktif, disiplin dan suka persekitaran dinamik • Kemahiran komunikasi baik • Suka mengurus acara dan orang ramai • Berfikir strategik dan teratur

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan (1C)
STAM
Pangkat Juyyid
A LEVEL
C Business/ Economics/ Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
72%



PENGURUSAN ACARA

EVENT MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program Pengurusan Acara melatih pelajar merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai acara seperti konsert, pameran, persidangan, perkahwinan, festival dan acara korporat. Pelajar mempelajari aspek kreativiti konsep, logistik, pemasaran acara, pengurusan bajet, protokol serta pengurusan risiko. Program ini juga menekankan komunikasi profesional dan kepimpinan kerana pengurusan acara melibatkan banyak pihak berkepentingan. Graduan dapat bekerja dalam industri hiburan, *Meetings, Incentives, Conferences and Exhibitions* (MICE), korporat, kerajaan dan NGO, di mana kemahiran merancang dan menyelaras projek penting untuk kejayaan setiap acara.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Perancangan Acara: Menyediakan pelan acara lengkap merangkumi tujuan, konsep, jadual dan operasi.
- Pemasaran Acara: Menggunakan strategi promosi dan media untuk meningkatkan penyertaan acara.
- Reka Bentuk Acara: Mencipta konsep visual dan pengalaman acara yang menarik dan berkesan.
- Pengurusan Logistik: Mengurus vendor, lokasi, peralatan dan aliran kerja acara.
- Protokol & Etiket Acara: Mengurus acara rasmi melibatkan VIP dengan tatacara profesional.
- Kewangan Acara: Mengurus kos, bajet dan laporan kewangan setiap acara.
- Pengurusan Risiko Acara: Menilai risiko keselamatan dan menyediakan pelan kecemasan.
- Operasi & Pelaksanaan Acara: Menjalankan proses hari acara secara teratur dan efisien.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3 tahun

Prospek Kerjaya:

Graduan Pengurusan Acara boleh bekerja dalam industri hiburan, korporat, MICE, NGO, kerajaan, penganjuran festival dan perkahwinan. Mereka terlibat dalam merancang, menyelaras, mempromosi dan mengurus acara agar berjalan lancar. Kerjaya utama termasuk Pengurus Acara, Koordinator Acara, Pegawai Logistik, Perancang Perkahwinan, dan Pegawai Produksi yang memainkan peranan penting bagi memastikan setiap acara berjaya dan memberi impak positif.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Conventional Social	<ul style="list-style-type: none"> • Kreatif dan cepat mencari penyelesaian • Boleh bekerja di bawah tekanan • Teliti dan teratur • Suka berkomunikasi dan mengurus orang ramai • Fleksibel dan dinamik

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.00
STPM
PNGK \geq 2.00, Pengajian Am (C) + Ekonomi/ Perniagaan/Perkaunan (1C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
C Business/ Economics/ Accounting
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
77%



PENGURUSAN HARTA TANAH

PROPERTY MANAGEMENT

Ringkasan Pengajian:

Program Pengurusan Hartanah memberi pengetahuan mendalam mengenai penilaian, pembangunan, pelaburan, pengurusan dan pemasaran hartanah kediaman, komersial dan industri. Pelajar mempelajari teknik penilaian hartanah, undang-undang tanah, perancangan bandar, pengurusan sewa, pembangunan projek serta analisis pasaran hartanah. Program ini membina graduan yang memahami dinamika pasaran hartanah, boleh menilai risiko pelaburan, merancang pembangunan projek serta mengurus aset secara profesional. Graduan juga didedahkan kepada teknologi terkini dalam pengurusan hartanah dan dasar kerajaan berkaitan pembangunan hartanah di Malaysia.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Penilaian Hartanah: Menilai nilai pasaran hartanah menggunakan kaedah perbandingan dan analisis pasaran.
- Undang-Undang Hartanah: Memahami hak milik, pajakan, pindah milik dan undang-undang tanah Malaysia.
- Pengurusan Aset & Bangunan: Mengurus penyelenggaraan bangunan dan memastikan operasi hartanah berfungsi baik.
- Pelaburan Hartanah: Mengenal pasti potensi pulangan dan risiko pelaburan jangka panjang.
- Ekonomi Hartanah: Mengkaji faktor ekonomi yang mempengaruhi permintaan dan harga hartanah.
- Pemasaran Hartanah: Mengurus promosi projek hartanah melalui strategi jualan dan pemasaran profesional.
- Perancangan Bandar: Memahami reka bentuk, pembangunan dan dasar perancangan kawasan bandar.
- Kewangan Hartanah: Mengurus pinjaman, aliran tunai dan kos pembangunan projek hartanah.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pengurusan Hartanah berpeluang bekerja dalam sektor pemaju hartanah, firma penilaian, syarikat pengurusan bangunan, agensi kerajaan, bank, firma konsultansi hartanah dan firma pelaburan. Mereka terlibat dalam menilai hartanah, merancang pembangunan, mengurus aset, menilai risiko pelaburan dan menyokong pembangunan bandar atau komuniti. Kerjaya utama termasuk Penilai Hartanah, Eksekutif Jualan Hartanah, Pengurus Bangunan, Pegawai Perancangan Hartanah dan Perunding Hartanah yang memainkan peranan penting dalam memastikan pasaran hartanah berfungsi dengan cekap dan lestari.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Conventional Realistic	<ul style="list-style-type: none"> • Suka analisis pasaran dan nombor • Komunikasi yang baik dan meyakinkan • Minat dengan pembangunan bandar • Berfikiran strategik • Teliti dalam urusan dokumentasi

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am + Mana-mana subjek (1B+1C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
BB Any Subject
DIPLOMA
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.75
DVM/ DKM
Tiada Laluan
MERIT UPU
82%



PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

TOURISM AND HOSPITALITY

Ringkasan Pengajian:

Program Pelancongan & Hospitaliti memberi tumpuan kepada pengurusan operasi pelancongan, pengurusan hotel, perancangan destinasi, budaya pelancongan, hospitaliti profesional, perkhidmatan pelanggan dan pengendalian acara. Pelajar mempelajari cara mengurus pengalaman pelancong, merancang pakej pelancongan, mengurus penginapan, memahami tingkah laku pelancong serta mempelajari aspek pemasaran dan ekonomi pelancongan. Program ini melahirkan graduan yang mampu beroperasi dalam persekitaran berorientasikan perkhidmatan, bersifat dinamik dan memerlukan kreativiti serta kemahiran interpersonal yang tinggi. Ia juga mempersiapkan pelajar untuk bekerja dalam sektor pelancongan yang semakin berkembang pesat di Malaysia dan di peringkat antarabangsa.

Subjek Utama & Penerangan Ringkas

- Pengurusan Pelancongan: Memahami struktur industri pelancongan dan pengurusan destinasi pelancongan.
- Operasi Hotel: Mengurus bahagian front office, housekeeping, perkhidmatan bilik dan pelanggan.
- Pemasaran Pelancongan: Membangunkan strategi promosi untuk menarik pelancong domestik dan antarabangsa.
- Pengurusan Restoran: Mengurus operasi makanan, perkhidmatan pelanggan dan kawalan kos.
- Pengurusan Acara Pelancongan: Mengendalikan acara berskala besar untuk produk pelancongan.
- Perancangan Destinasi: Menilai potensi dan membangunkan destinasi pelancongan baharu.
- Perniagaan Perhotelan: Memahami kewangan, operasi, pemasaran dan strategi hotel.
- Perkhidmatan Pelanggan Profesional: Memberikan layanan terbaik mengikut standard industri hospitaliti global.

Tempoh pengajian Sarjana Muda

3-4 tahun, bergantung kepada universiti.

Prospek Kerjaya:

Graduan Pelancongan & Hospitaliti mempunyai peluang kerjaya yang sangat luas dalam sektor pelancongan, perhotelan, pengurusan acara, hospitaliti korporat, pemasaran destinasi, taman tema dan agensi kerajaan berkaitan pelancongan. Mereka diperlukan untuk meningkatkan pengalaman pelancong, merancang aktiviti, mengurus operasi hotel, membangunkan destinasi pelancongan dan menyokong pertumbuhan ekonomi melalui sektor perkhidmatan. Kerjaya utama dalam bidang ini termasuklah Eksekutif Pelancongan, Pengurus Hotel, Pegawai Pemasaran Destinasi, Pengurus Acara, dan Perunding Pelancongan yang memainkan peranan penting dalam memajukan industri pelancongan negara.

Holland Code	Personaliti
Enterprising Conventional Social	<ul style="list-style-type: none"> • Mesra dan suka berinteraksi • Minat melayan pelanggan • Sabar dan berdisiplin • Suka persekitaran kerja dinamik • Pandai mengurus masa

Laluan ke Sarjana Muda

(Syarat Minimum)

ASASI/ MATRIKULASI
PNGK \geq 2.50
STPM
PNGK \geq 2.50, Pengajian Am (C) + Mana-mana subjek (1B-) +(1C)
STAM
Pangkat Jaryid
A LEVEL
CC Any Subject
DIPLOMA
Diploma Pelancongan/ Berkaitan PNGK \geq 2.50
DVM/ DKM
Diploma Berkaitan PNGK \geq 2.50
MERIT UPU
76%



BAHAGIAN 3:

MEMBUAT PILIHAN YANG BETUL & TEPAT

- **Bagaimana Menentukan Minat dan Kecenderungan?**
- **Faktor penting dalam Memilih Bidang Pengajian dan IPT Dengan Tepat**
- **Mengenali Bidang Kekuatan Universiti**
- **Penarafan (Ranking) Universiti Di Malaysia**

PEMILIHAN BIDANG YANG TEPAT

Pemilihan bidang pengajian yang tepat membantu pelajar mencapai matlamat pendidikan dan kerjaya dengan lebih terancang.

Dengan memahami permintaan pasaran kerja semasa dan akan datang, pelajar dapat memilih bidang pengajian yang sesuai dengan minat, kemampuan, dan kerjaya yang diimpikan.

Kesimpulannya, minat boleh dijadikan asas pemilihan bidang, tetapi pelajar juga perlu memahami peluang kerjaya, keperluan industri dan merancang strategi pembangunan diri untuk memastikan masa depan yang lebih terjamin. Gabungan minat dan maklumat tepat berkaitan peluang pengajian sesuai dengan kelayakan adalah kunci kepada keputusan pengajian yang seimbang dan bijak.

BAGAIMANA MENENTUKAN MINAT DAN KECENDERONGAN?



Menentukan minat dan kecenderungan amat penting, terutamanya bagi pelajar yang sedang merancang masa depan akademik dan kerjaya mereka. Minat dan kecenderungan seseorang adalah asas dalam memilih bidang pengajian, jenis pekerjaan, dan gaya hidup yang diimpikan. Mengenali minat dan kecenderungan peribadi membantu seseorang membuat keputusan yang lebih bijak, memberikan motivasi yang lebih tinggi dalam pembelajaran, dan menyumbang kepada kepuasan hidup serta kejayaan jangka panjang.

Walau bagaimanapun, menentukan minat dan kecenderungan bukanlah sesuatu yang mudah, kerana ia memerlukan masa, refleksi diri, dan pemahaman tentang kekuatan dan kelemahan diri. Beberapa kaedah boleh digunakan untuk mengenal pasti minat, seperti menjalani ujian personaliti, menghadiri program kaunseling kerjaya, mencuba pelbagai aktiviti, dan mengambil kira maklum balas daripada orang sekeliling. Dengan memahami kaedah ini, pelajar dapat mengenal pasti potensi sebenar diri dan memilih laluan yang sesuai dengan minat serta kecenderungan mereka, seterusnya meningkatkan peluang untuk berjaya dalam jangka masa panjang.

Untuk memastikan pilihan yang dibuat adalah tepat, pelajar boleh merujuk beberapa langkah yang boleh diambil seperti berikut:

****Ambil Penilaian Kerjaya dan Personaliti****

Kaji selidik boleh memberikan gambaran mengenai kecenderungan, kekuatan, dan minat yang mungkin tidak disedari oleh pelajar. Dengan menggunakan kaedah ini, pelajar dapat menilai pilihan mereka secara lebih objektif berdasarkan maklumat dan data yang relevan.

Langkah pertama dalam proses ini adalah membuat kaji selidik yang disesuaikan dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan minat, hobi, kebolehan, dan aspirasi pelajar. Soalan-soalan ini boleh merangkumi pelbagai bidang seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritikal, kreativiti, dan kecenderungan terhadap kerja berpasukan atau kerja individu. Terdapat juga ujian kecenderungan dan personaliti seperti Holland Code (RIASEC), Myers-Briggs Type Indicator (MBTI), dan Big Five Personality Test yang boleh membantu pelajar memahami diri mereka dengan lebih mendalam.



****Berbincang dengan Mereka yang Berpengalaman****

Interaksi dengan pakar atau individu yang berpengalaman dalam bidang tertentu membolehkan pelajar mendapatkan pandangan langsung mengenai realiti kerja dalam bidang tersebut, cabaran yang mungkin dihadapi, kemahiran yang diperlukan, serta potensi kerjaya jangka panjang.

Melalui perbincangan ini, pelajar berpeluang untuk bertanya soalan dan mendapatkan penjelasan yang lebih spesifik, sesuai dengan minat dan aspirasi mereka. Sebagai contoh, jika seorang pelajar berminat dalam bidang kejuruteraan, berbincang dengan seorang jurutera atau pensyarah dalam bidang tersebut dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang apa yang sebenarnya terlibat dalam kerjaya kejuruteraan, serta cabang-cabang yang berpotensi seperti kejuruteraan awam, elektrik, atau mekanikal. Maklumat ini sering kali tidak tersedia dalam buku atau artikel, kerana pengalaman peribadi seseorang dalam bidang tersebut memberikan perspektif yang lebih "hidup" dan relevan.

Selain itu, bimbingan dari kaunselor kerjaya juga sangat membantu dalam proses ini. Kaunselor dapat menggunakan pelbagai alat penilaian, seperti ujian psikometrik atau ujian personaliti, untuk membantu pelajar mengenal pasti kecenderungan dan kekuatan mereka. Berdasarkan keputusan ujian tersebut, kaunselor dapat mencadangkan beberapa bidang pengajian atau kerjaya yang sesuai dengan profil pelajar. Di samping itu, kaunselor juga kebiasaannya mempunyai jaringan dengan pelbagai industri dan dapat membantu menghubungkan pelajar dengan para profesional dalam bidang yang diminati.



****Tingkatkan Pemahaman Mengenai Bidang Pengajian dan Kerjaya Berkaitan****

Pembacaan sumber yang berkaitan merangkumi artikel, buku dan laporan kerjaya yang menyediakan maklumat mengenai pasaran kerja dan perkembangan industri terkini. Sumber seperti laman web kaunseling kerjaya, portal pendidikan, dan blog industri profesional dapat membantu pelajar memahami bidang-bidang yang mungkin tidak diketahui sebelum ini, seperti sains data, teknologi hijau, atau pengurusan perniagaan kreatif. Membaca biografi tokoh-tokoh yang berjaya dalam pelbagai bidang juga boleh memberi inspirasi dan wawasan mengenai bagaimana mereka menemui minat dan kejayaan dalam kerjaya mereka.

Di samping itu, pembacaan membolehkan pelajar menganalisis dan membandingkan pelbagai pilihan berdasarkan minat dan kecenderungan peribadi. Pelajar dapat menilai sama ada bidang yang diminati sesuai dengan kemahiran dan kekuatan mereka. Sebagai contoh, pelajar yang berminat dalam bidang kesihatan boleh membaca tentang peranan dalam kejururawatan, farmasi, atau terapi fizikal dan mengenal pasti kemahiran tertentu yang diperlukan untuk setiap kerjaya tersebut.

Melalui pembacaan berterusan, pelajar bukan sahaja dapat meningkatkan pengetahuan mereka, tetapi juga membuat keputusan yang lebih terarah dan berinformasi. Ini memberi kelebihan dalam memilih laluan pengajian dan kerjaya yang sesuai dengan minat dan kecenderungan sebenar, sekaligus memaksimumkan peluang untuk berjaya dan meraih kepuasan dalam kerjaya di masa hadapan.



FAKTOR PENTING DALAM MEMILIH BIDANG PENGAJIAN DAN IPT DENGAN TEPAT

Keputusan dalam memilih bidang pengajian dan IPT yang tepat dapat mempengaruhi bukan sahaja perjalanan akademik seseorang pelajar, tetapi juga peluang kerjaya dan kepuasan dalam jangka masa panjang. Dengan pelbagai pilihan program pengajian dan IPT yang ditawarkan, pelajar perlu mempertimbangkan beberapa faktor utama, termasuk minat peribadi, potensi akademik, prospek kerjaya, dan kemampuan kewangan.

Selain itu, memahami syarat kelayakan dan reputasi IPT, serta mengkaji bidang pengajian yang mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran kerja, juga memainkan peranan penting dalam proses pemilihan. Kaedah pemilihan yang baik akan membantu pelajar membuat keputusan yang bijak dan mengelakkan risiko memilih bidang atau institusi yang tidak sesuai dengan matlamat dan minat masing-masing. Oleh itu, menyusun strategi dalam memilih bidang pengajian dan IPT adalah langkah kritikal yang memerlukan pertimbangan yang teliti dan penyelidikan yang mendalam.

Sebagai panduan, proses memilih bidang pengajian dan institusi pengajian tinggi memerlukan penelitian terhadap beberapa aspek berikut:

1. Minat dan Kebolehan Diri

- Faktor: Pemilihan bidang yang selari dengan minat dan kebolehan diri akan meningkatkan motivasi dan keupayaan pelajar untuk berjaya. Minat yang tinggi dalam satu bidang membantu pelajar lebih fokus dan tekun dalam pembelajaran.
- Kaedah: Pelajar boleh menjalankan penilaian sendiri melalui ujian psikometrik atau kerjaya seperti Ujian RIASEC (Holland Code) untuk memahami kecenderungan kerjaya yang sesuai.

Scan di sini untuk
Ujian RIASEC
(Holland Code)



2. Peluang Pekerjaan dan Prospek Kerjaya

- Faktor: Pelajar perlu memilih bidang yang mempunyai prospek kerjaya yang baik dan relevan dengan pasaran kerja. Prospek kerjaya membantu menentukan stabiliti kewangan dan kemajuan kerjaya pada masa hadapan.
- Kaedah: Lakukan penyelidikan tentang trend pasaran kerja melalui sumber seperti laman web pekerjaan (JobStreet, LinkedIn) atau laporan pekerjaan. Berdasarkan kajian ini, pelajar dapat memilih bidang yang memiliki peluang pekerjaan yang stabil.

3. Penarafan IPT dan Akreditasi Program

- Faktor: Penarafan (ranking) IPT dan akreditasi program menentukan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Program yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta agensi antarabangsa akan menjamin kelayakan yang diiktiraf di peringkat tempatan dan antarabangsa.
- Kaedah: Ibu bapa dan para pelajar boleh membuat semakan status sesuatu program akademik yang telah mendapat akreditasi penuh di Daftar Kelayakan Malaysia atau Malaysian Qualification Register (MQR) melalui pautan berikut: <https://www2.mqa.gov.my/mqr>. Semakan penarafan dan kedudukan IPT boleh juga dirujuk daripada laman web seperti QS World University Rankings. Faktor ini membantu pelajar membuat pilihan yang berinformasi.

Penarafan IPT oleh KPT merangkumi:

i. **Sistem Penarafan Bersepadu Institusi Pendidikan Tinggi Malaysia (SETARA)**

mengukur jaminan kualiti dan standard semua universiti dan kolej universiti di Malaysia berdasarkan autonomi, kualiti dan prestasi institusi.; dan

ii. **Sistem Penilaian Kualiti dan Kesetaraan Kolej Swasta (MyQUEST)**

menilai tahap kualiti Kolej Swasta di Malaysia

Scan di sini
untuk semak
Penarafan IPT



4.Reputasi dan Kekuatan IPT dalam Bidang Pengajian Tertentu

- Faktor: Ada IPT yang dikenali kerana keunggulan dalam bidang tertentu. Contohnya, sesetengah universiti lebih diiktiraf dalam bidang sains dan teknologi, manakala yang lain mungkin terkenal dalam bidang perniagaan.
- Kaedah: Sebagai panduan, pelajar boleh merujuk laman web seperti Talent Bank yang mneyenaraikan pilihan universiti berdasarkan bidang pengajian.

Scan di sini untuk
semak Bidang
Kekuatan IPT



5.Kurikulum dan Struktur Program

- Faktor: Kurikulum yang sesuai dan relevan adalah penting untuk memastikan pelajar mendapat kemahiran yang diperlukan dalam industri. Struktur program juga perlu memenuhi keperluan pembelajaran pelajar, sama ada dari segi teori, praktikal, atau latihan industri.
- Kaedah: Pelajar boleh merujuk laman web IPT atau brosur program untuk melihat kandungan kursus yang ditawarkan dan memastikan ia memenuhi kehendak mereka.

6.Lokasi dan Kos Pengajian

- Faktor: Lokasi IPT mempengaruhi kos sara hidup dan keselesaan pelajar. Selain itu, kos pengajian secara keseluruhan (termasuk yuran pengajian dan perbelanjaan hidup) perlu dalam kemampuan pelajar atau keluarga.
- Kaedah: Pelajar boleh membuat anggaran kos pengajian dengan membandingkan yuran IPT dan perbelanjaan hidup di pelbagai lokasi. Mereka juga perlu menyemak bantuan kewangan atau biasiswa yang ditawarkan.

7.Sokongan dan Kemudahan IPT

- Faktor: Kemudahan yang disediakan seperti makmal, perpustakaan, pusat kaunseling, dan sokongan kerjaya adalah penting untuk membantu pelajar menyesuaikan diri dan mencapai prestasi yang baik dalam pengajian.
- Kaedah: Rujuk laman web IPT untuk maklumat mengenai kemudahan, atau kunjungi IPT untuk melihat secara langsung kemudahan yang ditawarkan.

MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

IPTA DAN BIDANG PENGAJIAN

No.	Universiti	SAINS & TEKNOLOGI	KEJURUTERAAN	PERUBATAN & KESIHATAN	PERWAGSAAN & EKONOMI	PENDIDIKAN	SENI & KEMAHISIAAN	UNDANG-UNDANG	PERTANIAN & SUMBER ASLI	PENGAJIAN ISLAM & SAINS ISLAM
1	Universiti Malaya (UM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
2	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
3	Universiti Sains Malaysia (USM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓	-
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	✓	✓	-	✓	-	-	-	-	-
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	✓	✓	✓	✓	-	✓	-	✓	-
6	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	-
7	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
8	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	✓	-	✓	✓	✓	✓	-	✓	-
9	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	✓	✓	✓	-	✓	✓	-	✓	-
10	Universiti Utara Malaysia (UUM)	-	-	-	✓	✓	✓	✓	-	-
11	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	-	-	-	-	✓	✓	-	-	-
12	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
13	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
14	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
15	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	✓	✓	-	-	-	-	-	-	-
16	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	✓	-	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
17	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	✓	✓	✓	-	-	✓	✓	-	-
18	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	✓	-	-	-	-	-	-	✓	-
19	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	-	-	✓	✓	✓	✓	✓	-	✓
20	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	✓	-	-	✓	✓	✓	-	✓	-

****Catatan:****

- Tanda "✓" menunjukkan bidang kekuatan utama yang terdapat di universiti tersebut.
- Bidang kekuatan bergantung kepada pengkhususan yang ditawarkan dan penyelidikan yang dijalankan.
- Maklumat di atas tertakluk kepada perubahan dan mungkin berbeza mengikut sumber tambahan atau rasmi terkini.

Maklumat ini hanya sebagai panduan. Pelajar boleh merujuk laman web rasmi universiti atau sumber terkini Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia untuk kemaskini.

MENGENALI BIDANG KEKUATAN UNIVERSITI

IPTS DAN BIDANG PENGAJIAN

No.	Universiti	KEJURUTERAAN	SAINS KOMPUTER/IT	PERNIAGAAN	PSIKOLOGI	PERUBATAN	SENI & REKA BENTUK	HOSPITALITI & PELANCONGAN
1	Taylor's University	✓	✓	✓		✓		✓
2	UCSI University	✓	✓	✓		✓	✓	✓
3	Asia Pacific University (APU)	✓	✓	✓			✓	
4	University of Nottingham Malaysia	✓		✓	✓			
5	Sunway University	✓	✓	✓	✓		✓	✓
6	Multimedia University (MMU)	✓	✓				✓	
7	SEGi University	✓		✓	✓	✓		
8	HELP University		✓	✓	✓			
9	INTI International University	✓	✓	✓		✓		
10	Heriot-Watt University Malaysia	✓		✓				
11	Xiamen University Malaysia	✓	✓	✓				
12	Universiti Kuala Lumpur (UniKL)	✓	✓	✓				
13	Management and Science University	✓		✓		✓		
14	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	✓	✓					
15	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	✓						
16	AIMST University			✓		✓		
17	City University Malaysia	✓	✓	✓			✓	
18	Malaysia University of Science & Technology (MUST)	✓	✓	✓				
19	University of Southampton Malaysia	✓	✓	✓				
20	Perdana University			✓	✓	✓		

PENARAFAN (RANKING) UNIVERSITI DI MALAYSIA

Berikut adalah kedudukan terkini universiti Malaysia berdasarkan QS World University Rankings Asia 2026 & QS Asia University Rankings 2026



KEDUDUKAN			IPT	Kategori
Malaysia	Asia	Dunia		
1	15	58	Universiti Malaya (UM)	IPTA
2	24	126	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	IPTA
3	22	134	Universiti Putra Malaysia (UPM)	IPTA
4	34	134	Universiti Sains Malaysia (USM)	IPTA
5	25	153	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	IPTA
6	44	251	Universiti Teknologi Petronas (UTP)	IPTS
7	27	253	Taylor's University (Malaysia)	IPTS
8	30	269	UCSI University	IPTS
9	55	410	Sunway University	IPTS
10	65	491	Universiti Utara Malaysia (UUM)	IPTA
11	122	509	INTI International University	IPTS
12	116	542	Universiti Teknologi MARA - UiTM	IPTA
13	136	551	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)	IPTS
14	147	597	Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) Malaysia	IPTS
15	125	597	Management and Science University - MSU Malaysia	IPTS
16	153	609	Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)	IPTA
17	142	613	International Islamic University Malaysia (IIUM)	IPTA
18	196	638	Lincoln University College, Malaysia	IPTS
19	350	731-740	SEGi University	IPTS
20	109	791-800	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	IPTS

Sumber:
 QS World University Rankings 2026
 QS Asia University Rankings 2026



Centralised Admission Portal





Centralised Admission Portal

Selain UPU Online, pelajar juga berpeluang meneroka program-program kompetitif yang ditawarkan oleh universiti awam dan swasta terpilih.

Dapatkan info universiti dan program pilihan anda di Portal Kemasukan Universiti Berpusat.

Route to the Premier Universities & Colleges
Welcome to your gateway for discovering higher education opportunities in Malaysia and beyond.

Here you'll find an expertly curated list of institutions, accompanied by a series of video vignettes of their facilities, designed to help you explore all of it's programs you wish to enrol before you take steps to find you, and discover what different universities offer.

Whether you're still deciding on a field or looking to expand, this page offers the insight, clarity and solutions you need to make an informed choice toward your future.

How to Explore?

1. Browse by Programmes Listing and filter according to field of study
2. Get an overview of the field of study and career progression
3. View the list of universities and programmes available for the selected field of study
4. Select your preferred university
5. View programme details and their programme levels for key fields
6. Fill up the qualifications assessment form and upload copies of qualifications to check eligibility

Explore the list of programmes offered

- Foundation
- Undergraduate
- Postgraduate

Your Choices Define Your Destiny!

Discovery Listing

Filter by University Category: Select Category

Filter by Level of Study: Select Level of Study

Filter by Field of Study: Select Field of Study

UTM: Undergraduate, Public University

UM: Undergraduate, Public University

AMU: Undergraduate, Public University

UMW: Undergraduate, Public University

Layari Sekarang!





PERKHIDMATAN KEMASUKAN IPT BERPUSAT SECARA PERCUMA OLEH UNI ASSIST



- Menyediakan perkhidmatan perundingan pendidikan dan khidmat nasihat oleh pakar runding akademik kami yang berpengalaman khususnya kepada ibu bapa dan pelajar dalam panduan pemilihan program.



- Memudahkan urusan kemasukan pelajar melalui sistem permohonan berpusat bagi saluran terus di laman web Uni Assist.



- Menyediakan perkhidmatan semakan syarat kelayakan dan pengesyoran program-program yang bersesuaian dengan kelayakan pelajar.



- Menyediakan maklumat untuk permohonan bantuan kewangan/ biasiswa kepada yang layak.



- Menyediakan maklumat lengkap program-program yang ditawarkan untuk panduan ibu bapa dan pelajar.

INFO PERKHIDMATAN

Maklumat lanjut berkaitan Uni Assist serta perkhidmatan dan program yang ditawarkan boleh didapati di laman web:

www.uniassist.my

PENUTUP

Sebagai rumusan, sukacita diingatkan bahawa perjalanan menentukan laluan pendidikan adalah langkah awal dalam perjalanan hidup yang lebih panjang. Setiap laluan yang diambil akan membuka peluang serta cabaran tersendiri, dan apa yang lebih penting adalah kesediaan untuk belajar, berusaha, dan beradaptasi dalam setiap situasi yang datang.

Nasihat kepada semua pelajar, luangkan masa untuk memahami diri, minat, dan potensi anda. Jangan terburu-buru dalam membuat keputusan, dan jangan terpengaruh dengan pilihan orang lain tanpa mempertimbangkan apa yang benar-benar sesuai untuk anda. Bincanglah dengan mereka yang berpengalaman, khususnya guru, ibu bapa, atau penasihat akademik atau kerjaya, dan dapatkan pandangan daripada pelbagai sumber.

Selain itu, ingatlah bahawa pengajian bukan hanya mengenai memperoleh ijazah atau sijil, tetapi juga tentang membentuk kemahiran, membina nilai, dan memperkaya pengalaman hidup. Laluan yang anda pilih mungkin membawa anda ke matlamat tertentu, tetapi apa yang akan memberi makna sebenar dalam perjalanan anda ialah kesungguhan, pengorbanan dan komitmen dalam setiap usaha.

Akhir kata, semoga buku ini menjadi panduan berguna dalam membantu pelajar memilih laluan pengajian selepas SPM yang paling tepat untuk diri dan cita-cita anda. Masa depan anda berada di tangan anda sendiri—pilihlah dengan bijak, dan kejarlah impian anda dengan penuh dedikasi dan keyakinan.



UA Connecting
UniAssist Your Future

Edisi Pertama / Cetakan Pertama 2026